Ekonomi Malaysia pada Tahun 2003

02-12 Tinjauan Keseluruhan
07 *Rencana: Keluaran Potensi Ekonomi Malaysia*
13-29 Kajian Mengikut Sektor
29-35 Keadaan Permintaan Dalam Negeri
35-41 Harga dan Guna Tenaga
41-63 Sektor Luar Negeri
52-56 *Rencana: Trend Terkini Pelaburan Langsung Asing di Malaysia*
63-64 Aliran Dana

Ekonomi Malaysia Pada Tahun 2003

Ekonomi Malaysia mempamerkan daya tahan yang lebih ketara dalam suasana ketidakpastian, untuk berkembang sebanyak 5.2%, lebih pesat daripada jangkaan sebelum ini.


TINJAUAN KESELURUHAN

Walaupun peristiwa pada separuh tahun pertama meninggalkan kesan ke atas pertumbuhan ekonomi, gabungan antara asas ekonomi yang kukuh, dasar monetari dan fiskal yang menyokong pertumbuhan serta tindakan tegas Kerajaan yang saling memperkukuhkan telah menyediakan asas kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat pada separuh tahun kedua. Bagi keseluruhan tahun 2003, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) benar mengembang sebanyak 5.2% (2002: 4.1%), melebihi ramalan rasmi iaitu sebanyak 4.5%.


Pertumbuhan ekonomi pada tahun 2003 adalah menyeluruh dan seimbang dalam kesemua sektor. Sektor perkilangan berkembang sebanyak 8.2% hasil pertumbuhan pengeluaran yang kukuh dalam industri yang berorientasikan eksport dan yang berorientasikan pasaran dalam negeri. Industri yang berorientasikan eksport, khususnya industri elektronik dan kimia, mendapat manfaat daripada pemulihan sektor elektronik global apabila permintaan pelaburan meningkat dalam kebanyakan ekonomi utama. Pertumbuhan ini turut dilihat dalam pengembangan kukuh eksport perkilangan (8.2%) dan tahap penggunaan kapasiti yang melebihi 80%.

Graf 1.1
Ekonomi pada tahun 2003 (pada Harga Malar 1987)


Penawaran barangan dan perkhidmatan (RM458.3 bilion)




Permintaan barangan dan perkhidmatan (RM458.3 bilion)



Graf 1.2
KDNK Benar



Graf 1.4
Pertumbuhan KNK dan KNK per Kapita




Dalam industri tertentu, tahap penggunaan yang melebihi 90% yang dicatat pada tahun 2003 turut merangsang perbelanjaan modal yang lebih tinggi.


Sektor pertanian turut menikmati pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 5.5%. Pertumbuhan ini didorong oleh pengeluaran dan harga yang lebih tinggi, khususnya bagi minyak sawit dan getah. Sektor perlombongan yang berkembang sebanyak 4.8%, turut mendapat manfaat daripada harga yang lebih tinggi. Di samping itu, kapasiti pengeluaran sektor ini meningkat dengan beroperasinya loji MLNG Tiga dan masing-masing empat medan minyak dan gas yang memulakan pengeluaran. Harga yang lebih tinggi dan keadaan permintaan luar negeri yang bertambah baik menyebabkan pengukuhan pertumbuhan eksport komoditi utama (30.4%).

Sektor perkhidmatan mengalami kesan yang paling ketara akibat ketidakpastian pada separuh tahun pertama, terutamanya kesan penularan wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) ke atas pelancongan dan aktiviti berkaitan dengan pengangkutan. Subsektor perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran serta segmen penumpang udara khususnya mengalami kemerosotan yang teruk. Ini disebabkan oleh bilangan ketibaan pelancong yang menurun dengan ketara iaitu daripada purata sejuta orang sebulan sebelum penularan wabak SARS kepada kira-kira separuh daripada jumlah tersebut pada bulan April. Walau bagaimanapun, kesan daripada SARS hanya bersifat sementara dan subsektor tersebut segera pulih pada separuh tahun kedua. Tambahan lagi, pertumbuhan pinjaman yang kukuh, peningkatan penggunaan perkhidmatan baru dalam segmen telekomunikasi

Graf 1.3
KDNK Benar dan Permintaan Agregat Dalam Negeri



Graf 1.5
Sumbangan Kepada Pertumbuhan KDNK Benar: Permintaan Dalam Negeri dan Eksport Bersih



Jadual 1.1: Malaysia – Penunjuk Ekonomi Utama

	2001	2002	2003*a*	2004*r*
Penduduk (juta orang)	24.0	24.6	25.1	25.6
Tenaga pekerja (juta orang)	9.9	10.2	10.5	10.9
Guna tenaga (juta orang)	9.5	9.8	10.2	10.5
Pengangguran (%)	3.6	3.5	3.5	3.4
KDNK per kapita (RM)	12,855	13,683	14,592	15,376
(AS$)	3,383	3,601	3,840	4,046
KELUARAN NEGARA (% perubahan)				
KDNK benar	0.3	4.1	5.2	6.0 - 6.5
(RM bilion)	210.6	219.3	230.7	244.6
Pertanian, perhutanan dan perikanan	-0.9	3.0	5.5	2.6
Perlombongan dan kuari	-0.8	3.7	4.8	5.5
Perkilangan	-5.8	4.0	8.2	10.2
Pembinaan	2.1	2.3	1.9	1.5
Perkhidmatan	5.8	4.1	4.1	5.2
KNK nominal	-1.6	8.7	10.1	6.5
(RM bilion)	308.7	335.6	369.4	393.3
KNK benar	1.2	4.7	6.6	5.6
(RM bilion)	193.0	202.1	215.4	227.5
Permintaan agregat dalam negeri benar[1]	2.5	4.2	4.8	5.0
Perbelanjaan swasta[1]	-3.3	0.7	4.3	8.7
Penggunaan	2.4	4.4	5.1	8.1
Pelaburan	-19.9	-13.1	1.1	11.5
Perbelanjaan awam[1]	15.6	10.8	5.5	-1.3
Penggunaan	17.0	12.2	7.9	4.2
Pelaburan	14.5	9.8	3.6	-5.7
Tabungan negara kasar (% daripada KNK)	34.9	34.4	36.9	35.8
IMBANGAN PEMBAYARAN (RM bilion)				
Barangan	69.9	72.1	97.7	96.4
Ekport (f.o.b.)	334.3	357.7	398.9	443.3
Import (f.o.b.)	280.2	303.1	317.7	366.8
Imbangan perkhidmatan	-8.4	-6.0	-15.0	-11.9
(% daripada KNK)	-2.7	-1.8	-4.1	-3.0
Pendapatan	-25.6	-25.1	-22.6	-24.7
(% daripada KNK)	-8.3	-7.5	-6.1	-6.3
Pindahan semasa	-8.2	-10.6	-9.3	-9.8
Imbangan akaun semasa	27.7	30.5	50.8	50.0
(% daripada KNK)	9.0	9.1	13.7	12.7
Rizab Bank Negara Malaysia, bersih[2]	117.2	131.4	170.5	–
(sebagai bilangan bulan import tertangguh)	5.1	5.4	6.8	–
HARGA (% perubahan)				
IHPG (2000=100)	1.4	1.8	1.2	1.5
IHPK (1989=100)	-5.0	4.4	5.7	–
Upah benar bagi setiap pekerja di sektor perkilangan	1.6	3.2	2.6	–

Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan penggenapan.

[1] Tidak termasuk stok.

[2] Semua harta dan tanggungan dalam mata wang asing dinilai semula kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira dan keuntungan/kerugian penilaian tersebut telah diambilkira dalam akaun Bank.

a Awalan

r Ramalan

Jadual 1.2: Malaysia – Penunjuk Kewangan dan Monetari

	2001	2002	2003*a*
KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN (RM bilion)			
Hasil	79.6	83.5	92.8
Perbelanjaan mengurus	63.7	68.7	75.2
Perbelanjaan pembangunan bersih	34.2	35.1	38.5
Imbangan keseluruhan	-18.4	-20.3	-20.9
Imbangan keseluruhan (% daripada KDNK)	-5.5	-5.6	-5.3
Jumlah pembelanjaan pembangunan bersih sektor awam	59.7	69.1	72.0
Imbangan keseluruhan sektor awam (% daripada KDNK)	-0.3	-0.7	-0.4
HUTANG LUAR NEGERI			
Jumlah hutang (RM bilion)	173.4	185.6	187.2
Hutang jangka sederhana dan panjang	149.3	153.6	152.8
Hutang jangka pendek[1]	24.1	32.1	34.5
Nisbah khidmat bayaran hutang (% daripada eksport barangan & perkhidmatan)			
Jumlah hutang	6.8	6.7	6.1
Hutang jangka sederhana dan panjang	6.6	6.5	6.0

		Perubahan 2001		Perubahan 2002		Perubahan 2003	
		RM bilion	%	RM bilion	%	RM bilion	%
WANG DAN PERBANKAN							
Bekalan wang	M1	2.5	3.2	8.3	10.3	13.0	14.6
	M2	7.8	2.2	21.0	5.8	42.5	11.1
	M3	13.0	2.9	31.6	6.7	48.5	9.7
Deposit sistem perbankan		8.6	1.8	25.3	5.3	49.5	9.8
Pinjaman sistem perbankan[2]		16.1	3.9	19.8	4.6	21.8	4.8
Perkilangan		…	…	-1.2	-2.0	-0.2	-0.3
Sektor harta benda		12.4	8.2	10.8	6.6	14.7	8.4
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan		0.7	2.2	-2.5	-7.7	-0.6	-1.9
Nisbah pinjaman-deposit		85.9%		84.9%		80.9%	
Nisbah pembiayaan-deposit[3]		95.7%		95.1%		91.7%	

		2001 %	2002 %	2003 %
KADAR FAEDAH (PURATA PADA AKHIR TAHUN)				
Antara bank 3 bulan		3.27	3.13	2.87
Bank perdagangan				
Deposit tetap	3 bulan	3.21	3.20	3.00
	12 bulan	4.00	4.00	3.70
Deposit tabungan		2.28	2.12	1.86
Kadar berian pinjaman asas (BLR)		6.39	6.39	6.00
Syarikat kewangan				
Deposit tetap	3 bulan	3.22	3.20	3.00
	12 bulan	4.01	4.00	3.68
Deposit tabungan		2.94	2.65	2.18
Kadar berian pinjaman asas (BLR)		7.45	7.45	6.90
Bil Perbendaharaan (3 bulan)		2.73	2.82	2.77
Sekuriti Kerajaan (1 tahun)		2.93	2.94	2.93
Sekuriti Kerajaan (5 tahun)		3.18	3.15	4.28

	2001 %	2002 %	2003 %
KADAR PERTUKARAN MATA WANG ASING			
Perkembangan Ringgit (pada akhir tahun)			
Perubahan berbanding komposit	3.5	-3.4	-3.2
Perubahan berbanding SDR	3.8	-7.3	-8.5
Perubahan berbanding AS$[4]	0.0	0.0	0.0

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi-institusi perbankan pemastautin.
[2] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas.
[3] Dilaraskan untuk merangkumi sekuriti hutang swasta.
[4] Ringgit telah ditetapkan pada kadar RM3.80=AS$1 pada 2 September 1998.
a Awalan

selular dan jumlah perdagangan antarabangsa yang mapan, memastikan pertumbuhan dalam sektor ini kekal berdaya tahan. Sektor perkhidmatan pulih dengan cepat dan mencatat pertumbuhan sebanyak 4.1% pada keseluruhan tahun 2003.

Pertumbuhan dalam sektor pembinaan menyederhana kepada 1.9% disebabkan oleh pertumbuhan dalam subsektor kejuruteraan awam yang lebih perlahan akibat beberapa projek yang diswastakan telah disiapkan. Sebaliknya, permintaan bagi perumahan yang kukuh menyokong aktiviti segmen pembinaan rumah kediaman.

Pada tahun 2003, pertumbuhan KDNK didorong oleh sektor swasta. Perbelanjaan swasta menyumbang sebanyak 2.5 mata peratusan kepada pertumbuhan sebanyak 5.2% yang dicatat. Sektor isi rumah dan korporat mendapat manfaat daripada pendapatan boleh guna yang meningkat, harga komoditi yang lebih tinggi dan permintaan luar negeri yang semakin kukuh. Sementara pendapatan isi rumah meningkat hasil daripada pertumbuhan dalam upah serta harga komoditi yang lebih tinggi, sektor korporat pula memperoleh keuntungan dan aliran tunai yang lebih tinggi hasil daripada peningkatan produktiviti dan perolehan eksport yang lebih tinggi. Daripada sampel sebanyak 300 buah syarikat bukan kewangan yang disenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), 54% daripadanya mencatat keuntungan kumulatif yang lebih tinggi bagi tiga suku pertama tahun 2003 berbanding tempoh yang sama setahun sebelumya. Pulangan tahunan ke atas ekuiti turut meningkat daripada 5.4% pada suku ketiga tahun 2002 kepada 7.3% pada suku ketiga tahun 2003.

Peningkatan pendapatan boleh guna, khususnya pendapatan isi rumah menyebabkan penggunaan swasta meningkat sebanyak 5.1%. Di samping itu, suasana kadar faedah yang rendah dengan kadar tabungan yang tinggi mendorong sektor isi rumah meningkatkan pinjaman mereka bagi perbelanjaan penggunaan. Langkah-langkah yang dilaksanakan di bawah Pakej Ekonomi pada bulan Mei meningkatkan keyakinan pengguna dan memperkukuhkan lagi perbelanjaan penggunaan.

Satu perkembangan penting pada tahun 2003 adalah pelaburan swasta yang berubah arah untuk berkembang sebanyak 1.1% setelah merosot selama dua tahun berturut-turut. Jangkaan ekonomi yang lebih baik, terutamanya pada separuh tahun kedua, keadaan kewangan korporat serta aliran tunai yang lebih kukuh dan penggunaan kapasiti yang tinggi, khususnya dalam sektor perkilangan, merangsang perbelanjaan modal yang lebih tinggi. Di samping itu, suasana kadar faedah yang rendah dan langkah-langkah untuk meningkatkan akses pembiayaan syarikat, khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) turut memberi dorongan kepada pengembangan modal.

Sektor awam terus memainkan peranan penting dalam menyokong permintaan dalam negeri, terutamanya pada separuh tahun pertama. Penggunaan sektor awam benar meningkat sebanyak 7.9% disebabkan oleh perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi. Sebaliknya, pertumbuhan pelaburan awam benar menyederhana kepada 3.6%, selaras dengan peningkatan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan yang sederhana dan perbelanjaan modal perusahan awam bukan kewangan yang lebih rendah.

Hasilnya, permintaan agregat dalam negeri benar (tidak termasuk perubahan dalam stok) meningkat dengan lebih pesat sebanyak 4.8%. Walau bagaimanapun, permintaan yang lebih tinggi ini tidak mengakibatkan peningkatan kadar inflasi. Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat dengan lebih sederhana sebanyak 1.2% pada tahun 2003 (2002: 1.8%) sementara inflasi teras, iaitu inflasi yang tidak mengambil kira barangan yang tidak menentu harganya dan barangan harga terkawal, meningkat sebanyak 0.6% walaupun harga komoditi lebih tinggi. Sungguhpun pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat berjaya merapatkan jurang keluaran, ia tidak menghapuskan sepenuhnya jurang tersebut dan ini dicerminkan oleh kapasiti berlebihan dalam sektor tertentu.

Pada tahun 2003, sumbangan sektor luaran kepada pertumbuhan ekonomi bertukar positif (2 mata peratusan; 2002: -1.3 mata peratusan), disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih pesat bagi eksport barangan dalam akaun dagangan sebanyak 11.5% (2002: 7%). Lebihan perdagangan meningkat kepada RM81.1 bilion (2002: RM54.6 bilion). Permintaan pengguna yang kekal kukuh dan aktiviti pelaburan yang meningkat dalam ekonomi perindustrian utama serta harga komoditi yang lebih tinggi merangsang eksport perkilangan dan komoditi utama. Sebaliknya, pertumbuhan import menyederhana kepada 4.8% (2002: 8.1%) memandangkan eksport komoditi utama mempunyai kandungan import yang rendah, iaitu tidak seperti


Keluaran Potensi Ekonomi Malaysia

Keluaran potensi adalah pengeluaran yang diperoleh daripada penggunaan penuh modal yang sedia ada dan guna tenaga potensi, iaitu tenaga buruh yang konsisten dengan kadar pengangguran "semula jadi" atau "jangka panjang". Dengan itu, keluaran potensi didefinisikan sebagai kapasiti pengeluaran maksimum yang dicapai dalam ekonomi yang tidak mengalami sebarang tekanan inflasi dan ketidakseimbangan luaran. Jurang keluaran ialah perbezaan antara keluaran benar dan keluaran potensi dan dikira sebagai peratusan daripada keluaran potensi. Apabila keluaran benar lebih rendah daripada potensinya, jurang keluaran adalah negatif dan, secara teorinya, keluaran boleh meningkat dengan mapan tanpa menyebabkan tekanan inflasi yang berlebih-lebihan ke atas ekonomi.

Jadual 1
KDNK Benar dan Keluaran Potensi

Tempoh	KDNK benar	Keluaran potensi	Pelaburan	Pekerja	Jurang keluaran
	Perubahan tahunan (%)				(% drpd keluaran potensi)
1992-1997	9.2	8.2	14.1	3.9	-1.9
1998	-7.4	3.7	-43.0	-2.1	-11.4
1999	6.1	2.4	-6.5	3.7	-8.3
2000	8.5	4.0	25.7	4.3	-4.3
2001	0.3	3.2	-2.8	3.3	-6.9
2002	4.1	1.7	0.3	3.1	-4.8
2003	5.2	3.4	2.7	3.3	-3.1

Graf 1
Keluaran Benar dan Potensi



Semasa tahun-tahun pertumbuhan ekonomi yang tinggi pada awal tahun 1990-an, keluaran benar menjejaki dengan rapat potensinya, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 dan Graf 1. Penguncupan yang ketara dalam pengeluaran yang dialami selepas krisis kewangan Asia menyebabkan jurang keluaran melebar dengan nyata pada tahun 1998, tetapi dengan pemulihan ekonomi, jurang keluaran menjadi lebih kecil. Pada tahun 2002, jurang keluaran berada pada paras 4.8% berbanding 6.9% pada tahun 2001. Berikutan itu, pada tahun 2003, peningkatan aktiviti ekonomi yang lebih pesat berbanding dengan pertumbuhan keluaran potensi mengecilkan jurang keluaran. Anggaran keluaran potensi terkini Bank Negara Malaysia menunjukkan bahawa KDNK benar meningkat pada kadar yang lebih pantas (5.2%) berbanding dengan KDNK potensi (3.4%). Walau bagaimanapun, pertumbuhan KDNK benar yang lebih pesat ini tidak mewujudkan tekanan inflasi disebabkan KDNK benar harus meningkat lebih daripada 8% sebelum jurang keluaran boleh memberi tekanan inflasi pada tahun 2003.

Kadar pertumbuhan potensi meningkat sekali ganda pada tahun 2003 didorong terutamanya oleh pertumbuhan pelaburan modal yang kukuh (2.7%; tahun 2002: 0.3%), ekoran sentimen perniagaan yang semakin baik dalam keadaan kadar penggunaan modal yang lebih tinggi oleh beberapa sektor terpilih dalam ekonomi.

Anggaran keanjalan jangka pendek modal adalah lebih tinggi daripada keanjalan jangka pendek bagi pekerja, yang menandakan bahawa perubahan dalam modal mempunyai kesan yang lebih besar terhadap pengeluaran dan pulangan ke atas modal terus bertambah baik. Ini telah menggalakkan firma-firma untuk meningkatkan aktiviti pelaburan mereka, termasuk penaikkan taraf keupayaan teknologi yang sekali gus boleh memberikan kesan yang serta-merta ke atas keluaran.

Sejajar dengan keputusan kajian yang lalu, keanjalan jangka panjang modal, yang dianggarkan sebanyak 0.50, adalah lebih tinggi daripada keanjalan jangka pendek. Pulangan untuk modal yang lebih tinggi menggambarkan penggunaan modal yang lebih cekap, seperti yang diukur oleh nisbah keluaran kepada modal yang meningkat pada kadar yang lebih pesat berbanding dengan nisbah keluaran kepada bilangan pekerja. Pelaburan infrastruktur yang lalu, yang mempunyai tempoh tunggu hasil yang panjang, mula menunjukkan pulangan yang positif, manakala aktiviti pelaburan yang lebih kukuh jelas kelihatan dalam sektor perkhidmatan, terutamanya bagi kedua-dua infrastruktur teknologi dan logistik. Dengan tumpuan yang lebih nyata dan penekanan yang khusus diberikan kepada ekonomi berasaskan pengetahuan, keluaran potensi dijangka terus meningkat.

eksport barangan perkilangan. Tambahan lagi, perubahan aliran pelaburan, terutamanya pelaburan langsung asing (FDI) kepada sektor perkhidmatan walaupun berjumlah lebih kecil tetapi mempunyai potensi yang lebih tinggi untuk menjana nilai ditambah. Hasilnya, import barangan modal secara relatif kekal stabil (0.7%).

Lebihan perdagangan yang besar berserta defisit yang lebih kecil dalam akaun pendapatan berikutan penghantaran balik pendapatan pelaburan syarikat Malaysia di luar negara adalah lebih daripada mengimbangi defisit akaun perkhidmatan yang lebih besar (RM15 bilion). Defisit akaun perkhidmatan ini disebabkan oleh perolehan pelancongan yang lebih rendah akibat penularan wabak SARS. Oleh itu, lebihan dalam akaun semasa meningkat kepada RM50.8 bilion, bersamaan dengan 13.7% daripada keluaran negara kasar (KNK) (2002: 9.1% daripada KNK).

Akaun kewangan dalam imbangan pembayaran kekal stabil, mencatat defisit sebanyak RM12.1 bilion (2002: –RM11.9 bilion). Aliran masuk dana untuk pelaburan yang lebih tinggi diimbangi oleh bayaran balik dan bayaran awal hutang luar negeri sektor awam serta pelaburan luar negeri syarikat Malaysia. Aliran masuk FDI kekal tinggi sementara dana pelaburan portfolio berubah arah menjadi positif seiring dengan prestasi BSKL yang lebih baik, terutamanya sejak suku tahun ketiga.

Hasil daripada lebihan dalam akaun semasa yang besar, aliran masuk dana pelaburan, termasuk FDI yang berkekalan dan perolehan penilaian semula ringgit ke atas aset bukan dolar AS, menyebabkan rizab antarabanga Bank Negara Malaysia bersih meningkat kepada RM170.5 bilion bersamaan dengan AS$44.9 bilion pada akhir tahun 2003. Peningkatan rizab pada tahun 2003 berjumlah RM39.1 bilion atau AS$10.3 bilion. Trend rizab yang meningkat berterusan pada tahun 2004. Pada 15 Mac, rizab meningkat lagi kepada RM194.9 bilion atau AS$51.3 bilion, cukup untuk membiayai 7.8 bulan import tertangguh atau 5.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Kedudukan hutang luar negeri Malaysia kekal stabil pada tahun 2003, berjumlah RM187.2 bilion atau sebanyak 50.7% daripada KNK (2002: RM185.6 bilion atau 55.3% daripada KNK) meskipun terdapat penyelarasan terhadap penilaian semula berjumlah RM4.1 bilion akibat kenaikan nilai mata wang euro dan yen. Kedudukan hutang luar negeri Malaysia masih terurus dengan nisbah khidmat hutang berkurangan daripada 6.7% pada tahun 2002 kepada 6.1% pada tahun 2003. Di samping itu, profil hutang negara kekal baik dengan hutang jangka pendek hanya mencakupi 18.4% daripada keseluruhan hutang luar negeri.

Kedudukan sistem perbankan bertambah baik pada tahun 2003 sejajar dengan pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh. Kedudukan modal bank kekal mencukupi dengan nisbah modal berwajaran risiko kekal pada tahap yang tinggi sebanyak 13.4%, jauh melebihi tahap 8% yang disyorkan. Trend bagi jumlah pinjaman tidak berbayar (NPL) juga berubah arah dengan nisbah bagi asas 6 bulan turun daripada 7.5% pada akhir tahun 2002 kepada 6.8% pada akhir tahun 2003.

Pengurusan Makroekonomi

Menjelang tahun 2003, ekonomi Malaysia sudah berada pada kedudukan yang kukuh. Aktiviti sektor swasta mempamerkan trend meningkat. Harga komoditi yang kekal tinggi memberi kesan pengganda positif yang ketara kepada pendapatan penduduk luar bandar. Di samping itu, dasar monetari dan fiskal yang kondusif mengekalkan pertumbuhan tanpa sebarang peningkatan risiko dalam keadaan prospek inflasi yang rendah, kedudukan luaran yang kukuh dan kedudukan kewangan Kerajaan yang mapan. Memandangkan asas ekonomi yang kukuh ini, ekonomi negara dijangka mempunyai daya tahan untuk menghadapi kesan ketidakpastian yang boleh menjejaskan prospek pertumbuhan. Oleh sebab itu, dasar makroekonomi negara dikekalkan pada awal tahun.

Namun demikian, penularan wabak SARS yang tidak dijangka dan keadaan ekonomi global yang lebih lembap daripada jangkaan pada suku tahun kedua mendorong pelaksanaan beberapa langkah dasar. Penunjuk ekonomi dan kewangan pada separuh tahun pertama juga menunjukkan pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat masih berada jauh di bawah paras trend disebabkan terutamanya oleh aktiviti pelaburan yang perlahan. Kebimbangan terhadap deflasi dan ketidaktentuan pasaran kewangan yang berterusan menimbulkan keraguan tentang kekukuhan aktiviti ekonomi global. Ini mendorong pihak berkuasa mengambil langkah-langkah awal bagi menyokong aktiviti ekonomi. Pada 21 Mei, Bank Negara Malaysia menurunkan kadar faedah dasarnya, iaitu Kadar Campur tangan 3 bulan, sebanyak 50 mata asas kepada 4.5%. Langkah ini bertujuan mengurangkan kesan suasana luaran yang lebih terjejas ke atas permintaan dalam negeri. Pakej

rangsangan dan bantuan ekonomi yang komprehensif yang merangkumi langkah-langkah fiskal dan kewangan telah diumumkan oleh Kerajaan. Pakej ini bertujuan memberi bantuan segera kepada sektor yang terjejas, mempelbagaikan aktiviti ekonomi dan meningkatkan daya saing jangka panjang.

Bagi jangka masa pendek, langkah-langkah rangsangan utama bertujuan memberi bantuan kepada sektor yang terjejas dan menggalakkan penggunaan swasta bagi mempelbagaikan sumber pertumbuhan ekonomi. Hotel dan restoran diberi pengecualian cukai perkhidmatan dan mendapat diskaun untuk caj utiliti. Bayaran cukai pendapatan oleh agensi pelancongan ditangguhkan, cukai jalan bagi teksi diturunkan dan duti import bagi beberapa barangan terpilih dikurangkan. Selain itu, Tabung Jaminan Bantuan Khas berjumlah RM1 bilion ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan modal kerja bagi syarikat yang terjejas sementara kemudahan dana yang sedia ada, khususnya bagi PKS diperluas. Bagi menggalakkan perbelanjaan pengguna, sumbangan pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dikurangkan sebanyak dua mata peratusan dan kakitangan awam diberi bonus permulaan separuh bulan. Di samping itu, beberapa langkah yang ditujukan pada aktiviti pembinaan, khususnya langkah-langkah penyediaan perumahan mampu beli kepada kumpulan berpendapatan rendah, turut memberi kesan yang positif kepada penggunaan.

Dengan perbelanjaan tambahan, berserta hasil melepas kesan daripada langkah-langkah bantuan yang dilaksanakan, defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan disemak semula daripada anggaran 4% kepada 5.3% daripada KDNK. Walau bagaimanapun,defisit yang lebih besar tidak memberi tekanan kepada harga pengguna dalam negeri dan kadar faedah. Ini disebabkan oleh kadar tabungan yang tinggi dan lebihan mudah tunai dalam sistem perbankan, membolehkan sejumlah besar defisit ini dibiayai daripada sumber dalam negeri yang tidak memberi tekanan kepada inflasi.

Meskipun defisit ini mengakibatkan hutang Kerajaan Persekutuan meningkat (48.2% daripada KDNK pada akhir tahun 2003), tetapi ia masih pada tahap terurus. Perbelanjaan khidmat hutang kekal rendah (14% daripada perbelanjaan mengurus). Di samping itu, hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan menurun kepada 9.5% daripada KDNK, seterusnya mengurangkan pendedahan kepada risiko luaran. Oleh sebab sasaran Kerajaan adalah untuk mencapai bajet berimbang dalam jangka masa terdekat, nisbah hutang kepada KDNK dijangka menurun dalam jangka sederhana apabila pertumbuhan menjadi lebih pesat.

Kerajaan melaksanakan langkah monetari dan fiskal yang proaktif bagi menangani ketidakpastian pada separuh tahun pertama dan menyediakan asas bagi sektor swasta untuk menerajui pertumbuhan ekonomi. Untuk jangka panjang, Malaysia merumus rangka kerja strategik yang menyeluruh bagi menghadapi cabaran baru.

Kesan segera daripada langkah-langkah tersebut adalah pengukuhan permintaan dalam negeri dan seterusnya pertumbuhan ekonomi. Selepas mencatat pertumbuhan sebanyak 4.5% pada separuh tahun pertama, kadar pertumbuhan KDNK benar meningkat 5.2% pada suku tahun ketiga. Dengan berakhirnya konflik di Timur Tengah dan penularan wabak SARS, sentimen pengguna dan peniaga dalam negeri pulih dengan ketara pada suku tahun ketiga. Penunjuk lain yang memberangsangkan mula kelihatan mulai bulan September apabila kadar pertumbuhan ekonomi di Amerika Syarikat pada suku tahun ketiga melebihi kadar trend berikutan pemulihan dalam pelaburan dan peningkatan dalam inventori. Seiring dengan perkembangan ini, ekonomi utama lain juga mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh. Gabungan yang saling memperkukuhkan antara dasar fiskal yang mengembang dan dasar monetari yang lega menyediakan asas untuk ekonomi dalam negeri memanfaatkan momentum pertumbuhan global dan serantau yang semakin pesat. Pada suku tahun keempat, pertumbuhan ekonomi meningkat 6.4%, kadar tertinggi sejak suku keempat tahun 2000.

Penurunan kadar faedah merangsang pertumbuhan pinjaman yang didorong oleh permintaan yang lebih tinggi daripada sektor isi rumah dan perniagaan, khususnya PKS. Oleh itu, pembiayaan yang disalurkan oleh sistem perbankan melalui pinjaman dan pegangan sekuriti

hutang swasta meningkat 5.9%. Permintaan pinjaman semakin meningkat pada akhir tahun berikutan keadaan ekonomi global yang beransur pulih, lantas mengukuhkan momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia. Pembiayaan kepada PKS khususnya, meningkat dengan kukuh dengan sebahagian besar pinjaman baru disalurkan ke segmen tersebut. Pada akhir tahun 2003, pinjaman kepada PKS meningkat sebanyak 10% dan mencakupi 38.4% daripada jumlah pinjaman terkumpul syarikat perniagaan.

Kesan daripada penurunan dalam Kadar Campur tangan, keadaan mudah tunai yang mencukupi dan suasana pinjaman yang kompetitif menyebabkan kadar pinjaman yang dikenakan oleh bank menurun pada tahun 2003. Kadar pinjaman purata yang dikenakan oleh bank perdagangan terus menurun dan pada akhir tahun, parasnya berada 39 mata asas lebih rendah daripada paras yang dicatat pada akhir tahun 2002. Mudah tunai kekal mencukupi pada tahun ini berikutan operasi Bank Negara Malaysia memastikan kadar faedah dalam pasaran wang antara bank kekal stabil pada paras yang rendah.

Penetapan nilai ringgit menyediakan suasana yang stabil dan boleh dijangka ketika ketidakpastian yang meningkat dalam pasaran kewangan, seterusnya menggalakkan aktiviti perdagangan dan pelaburan. Walaupun nilai dolar AS telah menyusut pada tahun 2003, anggaran yang dibuat oleh Bank Negara Malaysia menunjukkan nilai ringgit masih berada hampir dengan nilai yang berpatutan. Lebihan dalam akaun semasa kekal tinggi sementara rizab terus meningkat. Kadar inflasi dalam negeri masih rendah sebanyak 1.2% dan tidak ada sebarang tanda-tanda yang ketara ke atas inflasi diimport. Oleh yang demikian, asas ekonomi terus menyokong sistem pertukaran mata wang yang sedia ada.

Asas ekonomi yang kukuh adalah penting sebagai mana yang ditunjukkan pada tahun 2003. Asas ekonomi yang kukuh ini membolehkan Kerajaan melaksanakan langkah-langkah yang menyeluruh dan komprehensif untuk menangani keadaan yang kurang memberangsangkan tanpa menimbulkan risiko yang tidak diingini. Di samping itu, kejayaan penstrukturan semula sektor korporat yang dijalankan beberapa tahun kebelakangan ini menyediakan suasana yang menyokong tindak balas positif oleh sektor swasta terhadap langkah tersebut. Pendekatan yang komprehensif dan seimbang dengan dasar fiskal dan monetari yang saling memperkukuh juga penting bagi meningkatkan kebarangkalian untuk mencapai matlamat langkah-langkah tersebut.

Pakej ekonomi bulan Mei bukan sahaja merupakan pakej rangsangan jangka pendek tetapi juga merupakan sebahagian daripada inisiatif jangka panjang yang penting untuk menghadapi cabaran yang mendatang. Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005) mengenal pasti dengan jelas dua cabaran utama yang semakin ketara: menghadapi perubahan dinamik dalam persaingan global dan meningkatkan kapasiti untuk menguruskan risiko yang wujud akibat ketidaktentuan yang bertambah. Oleh itu, pakej ekonomi bulan Mei serta Bajet Kerajaan Persekutuan tahun 2004 menggariskan strategi berikut bagi memastikan pertumbuhan ekonomi dapat dikekalkan untuk jangka masa yang lebih panjang sementara asas ekonomi dapat diperkukuhkan:

- **Memperkukuhkan daya saing dengan meningkatkan produktiviti**
  Peralihan kepada ekonomi berasaskan pengetahuan adalah penting bagi mencapai matlamat ini. Beberapa langkah penting untuk meningkatkan kandungan pengetahuan dalam aktiviti ekonomi dicapai pada tahun 2003, terutamanya dengan mempertingkatkan pendidikan dan latihan serta menggalakkan industri yang menjana nilai ditambah yang tinggi.

- **Mempertingkatkan daya tahan melalui asas ekonomi serta sektor kewangan dan korporat yang kukuh**
  Usaha penstrukturan semula sektor kewangan yang bermula selepas krisis Asia melanda telah selesai dan sektor korporat kini mula meningkatkan pelaburan dan mengembangkan operasi mereka. Satu peristiwa penting pada tahun 2003 adalah penebusan bon yang bernilai nominal sebanyak RM11 bilion oleh Danamodal Nasional Berhad pada 21 Oktober. Pada masa ini, Danamodal masih memiliki aset dengan nilai buku sebanyak RM2.2 bilion. Oleh sebab pendapatan daripada penjualan aset tersebut dijangka melebihi nilai buku, kos bersih yang ditanggung oleh Danamodal dalam permodalan semula sektor perbankan dianggarkan sebanyak 0.15% daripada KDNK. Sungguhpun usaha penstrukturan semula sudah selesai, agensi

pengawalseliaan akan terus memastikan syarikat di Malaysia serta institusi kewangan terus meningkatkan piawaian urus tadbir dan laporan.

- **Menggalakkan pelaburan swasta dalam negeri serta menarik FDI yang berkualiti**
  Langkah-langkah bagi menggalakkan pelaburan swasta ditumpukan terutamanya kepada PKS dengan meningkatkan pembiayaan serta menyediakan beberapa insentif cukai dan bukan cukai untuk mereka. Walau bagaimanapun, fokus yang tertumpu pada sumber pelaburan dalam negeri tidak akan mengabaikan pelabur asing. Beberapa langkah di bawah pakej ekonomi bulan Mei yang bersangkutan dengan liberalisasi pengawalan pelaburan asing telah diumumkan.

- **Menggalakkan sumber pertumbuhan baru dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan**
  Selain menjadikan Malaysia sebuah lokasi yang lebih baik untuk perniagaan yang sedia ada, beberapa sektor telah dikenal pasti sebagai sumber pertumbuhan yang baru. Ini termasuk pendidikan, pelancongan dan perkhidmatan perubatan dalam sektor perkhidmatan; kewangan Islam; dan perkilangan berteknologi tinggi.

- **Menggiatkan semula sektor pertanian**
  Sektor pertanian mencatat kadar pertumbuhan yang kedua terpesat selepas sektor perkilangan pada tahun 2003. Walaupun harga komoditi yang tinggi mendorong pengeluaran yang lebih tinggi, sektor ini mempunyai perkaitan yang rapat dengan sektor lain dalam ekonomi. Oleh itu, langkah-langkah untuk meningkatkan produktiviti dan pulangan serta membangunkan aktiviti hiliran baru dalam sektor ini akan memberi kesan pengganda yang ketara terhadap sektor lain dalam ekonomi.

- **Meneruskan pengurusan makroekonomi yang kukuh dengan dasar fiskal yang berhemat**
  Pihak Kerajaan komited kepada program konsolidasi fiskal secara beransur-ansur. Di samping itu, dasar monetari akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi sambil memastikan risiko adalah terkawal, sama ada dalam bentuk inflasi atau ketidakseimbangan luaran.

- **Mempertingkatkan sistem serahan Kerajaan untuk mewujudkan suasana yang menggalakkan perniagaan**
  Kecekapan yang bertambah baik, terutamanya dalam sektor awam dapat mengurangkan kos dan seterusnya meningkatkan daya saing. Oleh itu, serampang strategi yang terakhir disasarkan pada peningkatan kecekapan dalam sistem serahan perkhidmatan awam serta pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan nasional. Ini termasuk menghapuskan halangan birokratik, memudahkan peraturan dan prosedur, mengurangkan pertindihan dan memendekkan masa urusan.

Dasar sektor perbankan pada tahun 2003 bertujuan mewujud dan meningkatkan infrastruktur dan suasana bagi membolehkan institusi perbankan menyediakan produk dan perkhidmatan yang bermutu, menggalakkan inovasi di samping mengekalkan kestabilan kewangan. Satu lagi strategi yang penting adalah memastikan sektor perbankan terus memainkan peranan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi, khususnya dengan menyalurkan modal dan menyediakan perkhidmatan sampingan kepada PKS.

- **Meningkatkan keupayaan institusi perbankan domestik**
  Sepanjang tahun 2003, usaha tertumpu kepada membangun dan meningkatkan kualiti sumber manusia dalam sektor perbankan. Suasana perniagaan dan permintaan pelanggan yang semakin berubah memerlukan peningkatan kecekapan yang berterusan, khususnya pada peringkat pengurusan tertinggi. Oleh itu, Bank Negara Malaysia melaksanakan dua inisiatif penting bagi meningkatkan mutu sumber manusia dalam sektor perbankan. Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa ditubuhkan untuk mempercepatkan pembangunan kepimpinan institusi kewangan dan korporat yang mahir dan kompeten. Langkah-langkah juga telah dimulakan untuk menukar peranan Institut Bank-Bank Malaysia agar lebih berupaya memenuhi keperluan sektor kewangan melalui latihan dan pengiktirafan yang lebih berfokus, khususnya dalam bidang tertentu.

  Bagi mewujudkan suasana yang mendorong konglomerat perbankan membaiki struktur kumpulan, menyusun semula operasi dan meningkatkan kecekapan masing-masing, Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 dipinda untuk membenarkan bank perdagangan

dan syarikat kewangan dalam kumpulan perbankan domestik yang sama bergabung menjadi satu entiti.

- **Memastikan kestabilan bagi memperkukuhkan sistem kewangan**
  Sepanjang tahun 2003, langkah diambil untuk memperkukuhkan amalan urus tadbir korporat di institusi perbankan. Langkah-langkah tersebut termasuk mempertingkatkan peranan lembaga pengarah, khususnya pengarah bebas, dan peraturan mengenai pelantikan juruaudit luar.

  Bagi memastikan aktiviti konglomerat perbankan tidak menimbulkan risiko yang keterlaluan dalam sistem kewangan, Bank Negara Malaysia sedang memformalkan dan memperkukuhkan infrastruktur dan rangka kerja pengawalseliaan yang sedia ada. Bagi memperkukuhkan rangka kerja perundangan, Akta Bank Negara Malaysia 1958, Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989, Akta Perbankan Islam 1983 dan Akta Takaful 1984 telah dipinda pada tahun 2003. Satu akta baru iaitu Akta Sistem Pembayaran 2003 turut digubal untuk memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk mengawal selia sistem pembayaran.

- **Memastikan sektor ekonomi mempunyai akses yang mencukupi kepada pembiayaan**
  Dasar tertumpu ke arah menyediakan akses kepada pinjaman yang lebih baik bagi pelbagai sektor ekonomi, terutamanya PKS. Di samping itu, program kewangan mikro dengan jangkauan yang meluas juga disediakan untuk perniagaan mikro.

- **Mengukuhkan rangka kerja kesedaran dan perlindungan pengguna**
  Kesedaran pengguna yang aktif adalah amat penting dalam peralihan kepada suasana yang lebih berorientasikan pasaran. Oleh itu, rangka kerja pendidikan dan perlindungan pengguna yang efektif sedang dirangka bagi membolehkan pelanggan bank agar lebih bertanggungjawab ke atas keputusan kewangan yang mereka buat. Bagi membantu para pengguna membuat keputusan, Bank Negara Malaysia sedang memantapkan peraturan ketelusan dan pendedahan produk. Bank Negara Malaysia juga telah memulakan langkah bagi merumus rangka kerja mengenai perkhidmatan perbankan asas agar para pelanggan bank, terutamanya golongan berpendapatan rendah mempunyai akses kepada perkhidmatan perbankan asas pada kos yang berpatutan. Bagi membolehkan para pelanggan mendapat penyelesaian mengenai pelbagai isu perbankan runcit terhadap institusi kewangan di bawah pengawalseliaan Bank Negara Malaysia, satu pusat sehenti yang dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan akan ditubuhkan pada separuh pertama tahun 2004.

  Peningkatan dalam kekukuhan dan daya tahan sistem perbankan mewujudkan suasana yang positif bagi pelaksanaan skim insurans deposit di Malaysia. Pelaksanaan sistem tersebut akan mengukuhkan lagi rangka kerja perlindungan pelanggan dengan menyediakan perlindungan secara langsung ke atas deposit di samping memberi lebih insentif untuk institusi perbankan melaksanakan amalan kewangan dan perniagaan yang lebih berhemat.

Perkembangan pesat sistem kewangan Islam dalam negeri, disusuli kemajuan ketara di peringkat antarabangsa sejak beberapa tahun kebelakangan ini, membolehkan sistem tersebut memainkan peranan yang lebih penting dalam ekonomi negara. Pada masa ini, 33 buah institusi perbankan, termasuk dua buah bank Islam, menyediakan rangkaian produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang komprehensif kepada rakyat Malaysia. Industri takaful turut membangun dengan pesat, mencakupi 5.6% daripada aset keseluruhan sektor insurans pada tahun 2003. Sepanjang tahun 2003, dasar menjurus ke arah memperkukuhkan infrastruktur keinstitusian, mempertingkatkan rangka kerja pengawalan, memperkukuhkan infrastruktur Syariah dan perundangan serta membangunkan sumber intelektual dan pendidikan pengguna. Pada tahun 2003, Bank Negara Malaysia telah mempercepatkan pelan liberalisasi kewangan perbankan Islam bagi membenarkan penyertaan bank Islam asing di Malaysia.

Strategi yang disusun bagi memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi jangka panjang terus disokong oleh langkah-langkah jangka pendek yang bersesuaian. Dalam pada itu, langkah-langkah yang diambil bagi memastikan pertumbuhan jangka panjang dan asas ekonomi yang kukuh, turut menyediakan sumber dan asas yang membantu pelaksanaan perubahan dasar jangka pendek. Oleh itu, interaksi antara dasar makroekonomi jangka pendek dan panjang di Malaysia bersifat saling menyokong dan mengukuhkan antara satu sama lain, dalam mencapai pembangunan ekonomi yang mapan.

KAJIAN MENGIKUT SEKTOR

Sektor Perkilangan

Pada tahun 2003, pertumbuhan dalam pengeluaran sektor perkilangan semakin pesat terutamanya pada separuh tahun kedua, berikutan pemulihan menyeluruh dalam ekonomi global dan pengukuhan permintaan dalam negeri. Pengeluaran perkilangan bertambah kukuh kepada 10.5% (2002: 4.5%), dengan pengembangan menyeluruh di kebanyakan keluaran dalam industri berorientasikan eksport dan pasaran dalam negeri. Sejajar dengan lonjakan dalam aktiviti pengeluaran, pertumbuhan nilai ditambah sektor perkilangan berganda kepada 8.2% (2002: 4%) dan menyumbang dengan nyata kepada pertumbuhan KDNK. Hasilnya, bahagian sektor perkilangan dalam KDNK meningkat sedikit kepada 30.9% (2002: 30.1%). Kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan kekal tinggi pada 82% pada tahun 2003 (2002: 82%), dengan industri berorientasikan eksport dan pasaran dalam negeri masing-masing beroperasi pada paras 86% dan 77% (2002: masing-masing sebanyak 83% dan 81%).

Jadual 1.3
Sektor Perkilangan: Nilai Ditambah dan Pengeluaran

	2002	2003
	Perubahan tahunan (%)	
Nilai ditambah (Malar pada harga 1987)	**4.0**	**8.2**
Pengeluaran keseluruhan	**4.5**	**10.5**
Industri berorientasikan eksport	**5.0**	**11.9**
antaranya:		
Elektronik	13.4	15.1
Barangan elektrik	-5.1	-7.0
Bahan kimia dan keluaran kimia	2.7	20.8
Kayu dan keluaran kayu	-6.0	0.9
Tekstil dan pakaian	-6.2	-2.2
Pemprosesan di luar estet	7.1	11.8
Keluaran getah	2.0	18.7
Industri berorientasikan pasaran tempatan	**3.4**	**6.1**
antaranya:		
Barangan berkaitan pembinaan	3.8	10.2
Keluaran logam yang direka	0.8	7.4
Keluaran makanan	8.7	8.8
Kelengkapan pengangkutan	6.2	-5.5
Keluaran petroleum	-4.1	2.3


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lonjakan dalam eksport dan pengukuhan permintaan dalam negeri mendorong pengembangan dalam sektor perkilangan.


Industri berorientasikan eksport berkembang sebanyak 11.9% pada tahun 2003. Pengembangan adalah lebih kukuh pada separuh tahun kedua, didorong oleh kitaran menaik dalam permintaan elektronik global, dan diperteguhkan oleh prestasi industri bahan kimia dan keluaran getah yang lebih kukuh. Oleh kerana rantaiannya yang kukuh, industri bahan kimia juga mendapat manfaat kesan limpahan daripada pertumbuhan pesat dalam industri elektronik. Permintaan bagi bahan kimia dan keluaran getah juga kukuh, terutamanya dari AS dan rantau Asia Pasifik. Pada keseluruhannya, wabak SARS yang berlaku di rantau ini pada awal tahun mempunyai impak yang minimum ke atas industri berorientasikan eksport, meskipun terdapat penyederhanaan dalam ekonomi negara serantau.

Walaupun wabak SARS menjejaskan permintaan pengguna, Pakej Ekonomi yang diperkenalkan pada bulan Mei membantu merangsang permintaan dalam negeri dan menyokong pertumbuhan **industri berorientasikan pasaran dalam negeri** (6.1%).

Graf 1.6
Sektor Perkilangan: Jualan, Pengeluaran dan Eksport



Graf 1.7
Penggunaan Kapasiti dalam Sektor Perkilangan




a Awalan

Pengeluaran adalah lebih tinggi dalam kesemua subsektor, kecuali bagi industri kelengkapan pengangkutan. Khususnya, pertumbuhan bertambah kukuh dalam industri keluaran logam direka, industri barangan berkaitan pembinaan dan indusri makanan dan minuman. Industri-industri tersebut mendapat manfaat terutamanya daripada permintaan dalam negeri yang lebih baik dan pertumbuhan berterusan dalam sektor pembinaan. Hanya industri automobil mencatat pengeluaran lebih rendah kerana dijejaskan oleh jualan kenderaan bermotor yang lembap.

Industri elektronik mencatat pertumbuhan yang kukuh untuk setahun lagi berikutan pengembangan yang menyeluruh dalam permintaan global bagi kesemua rantau dan keluaran. Pengembangan pada separuh tahun pertama adalah lebih sederhana dan meningkat dengan kukuh pada separuh tahun kedua. Pertumbuhan adalah dijana terutamanya daripada pengembangan dalam pasaran tanpa wayar dan komputer peribadi (PC) serta keluaran elektronik pengguna. Pertumbuhan dalam keluaran tanpa wayar adalah didorong oleh peningkatan permintaan bagi aplikasi tanpa wayar dan telefon bimbit, manakala permintaan bagi PC adalah diterajui oleh kitaran penukaran PC pada penghujung tahun apabila syarikat melabur untuk mengganti kelengkapan yang diperoleh pada tempoh Y2K. Keluaran elektronik pengguna mengalami pertumbuhan kukuh disebabkan oleh peningkatan minat pengguna menerima pakai peralatan teknologi baru dan pelbagai guna seperti telefon kamera, *personal digital assistants* (PDA) dan *digital video decoders* (DVD). Dari segi pasaran eksport, rantau Asia Pasifik terus menerajui pertumbuhan dan kekal sebagai pasaran terbesar bagi jualan separa konduktor global. Permintaan adalah kukuh terutamanya dari Republik Rakyat China yang menjadi pengimport terbesar cip di dunia.

Graf 1.8
Pengeluaran dan Eksport Industri Elektronik



Pengilang Malaysia berupaya mendapat manfaat daripada kitaran menaik elektronik global disebabkan oleh kepelbagaian gabungan keluaran dan pasaran eksport. Pengilang separa konduktor tempatan terus mencapai kemajuan dalam rantaian nilai daripada aktiviti pemasangan dan pembungkusan kepada pembekal aktiviti penuh bagi mengekalkan daya saing mereka.

Dengan meningkatnya persaingan global, prestasi subsektor **keluaran elektrik** terus merosot. Kemerosotan terutamanya adalah dalam keluaran alat pandang-dengar dan telekomunikasi disebabkan oleh pengeluar yang menitikberatkan kos buruh yang rendah telah berpindah ke tempat lain. Walau bagaimanapun, pengeluaran penyaman udara, petik sejuk dan lain-lain peralatan pembersih udara terus meningkat, sejajar dengan permintaan luar negeri yang lebih baik. Pada keseluruhannya, prestasi industri tersebut juga terjejas oleh pembelian yang lebih rendah dari kebanyakan negara pengimport utama keluaran elektrik Malaysia, terutamanya dari AS, Jepun, Hong Kong China, United Kingdom dan Negeri Belanda. Walau bagaimanapun, eksport ke Republik Rakyat China meningkat dengan kukuh untuk mencakupi bahagian pasaran yang lebih tinggi.

Pertumbuhan dalam **industri keluaran kimia** meningkat dengan pesat pada tahun 2003, mendapat manfaat daripada kesan limpahan peningkatan kukuh dalam industri elektronik dan permintaan luar negeri yang bertambah baik bagi kimia organik, dan resin dan keluaran plastik. Pengembangan tersebut diperkukuhkan oleh pengeluaran yang lebih tinggi bagi gas perindustrian berikutan bermulanya operasi loji baru MLNG di Sarawak. Subsektor resin dan keluaran plastik terus mengalami pertumbuhan yang kukuh, didorong oleh permintaan dalam negeri yang lebih teguh daripada industri makanan, pembinaan dan pembungkusan serta peningkatan permintaan dari rantau Asia Pasifik. Khususnya, eksport keluaran kimia Malaysia ke pasaran utama, iaitu Republik Rakyat China, Singapura dan Jepun terus meningkat dengan kukuh pada tahun 2003.

Prestasi yang lebih kukuh dalam **industri pemprosesan di luar estet** adalah disokong terutamanya oleh aktiviti yang lebih tinggi dalam pemprosesan minyak sawit berikutan permintaan

yang lebih baik bagi keluaran minyak sawit yang diproses, terutamanya dari Jepun dan Eropah. Pengeluaran **keluaran getah** juga meningkat dengan kukuh, didorong oleh permintaan luar negeri yang lebih tinggi bagi sarung tangan getah bagi tujuan pemeriksaan perubatan dan pembedahan. Pengembangan dalam kapasiti pengeluaran membolehkan industri tersebut memenuhi peningkatan permintaan global bagi sarung tangan berikutan ketegangan di Timur Tengah dan wabak SARS. Promosi agresif industri tersebut untuk mengembang ke pasaran baru eksport juga menyumbang kepada peningkatan permintaan bagi sarung tangan. Walaupun AS kekal sebagai pasaran eksport terbesar keluaran getah Malaysia, eksport ke Republik Rakyat China, Hong Kong China, Jepun dan Singapura juga meningkat dengan kukuh untuk mencakupi bahagian pasaran yang lebih besar.

Pengeluaran **keluaran petroleum** pulih, didorong oleh permintaan yang lebih kukuh dari negara-negara Asia, terutamanya dari Republik Rakyat China, Hong Kong China, Jepun dan Singapura. Begitu juga, pengeluaran **keluaran kayu** bertukar arah untuk mencatat pertumbuhan positif disebabkan oleh pengeluaran yang lebih tinggi bagi papan lapis dan papan serbuk. Peningkatan tersebut adalah disebabkan terutamanya oleh permintaan eksport yang lebih tinggi bagi venir dan papan lapis berikutan pemulihan dalam aktiviti pembinaan di pasaran tradisi Malaysia, terutamanya Jepun, Republik Rakyat China dan China Taipei. Eksport perabot juga meningkat disebabkan oleh permintaan yang lebih tinggi dari AS, Singapura, Arab Saudi, Australia dan Republik Rakyat China. Meskipun prestasi eksport kekal menggalakkan, industri perabot dan keluaran kayu menghadapi persaingan sengit dari negara-negara lain di rantau ini dan keluaran gantian yang lebih murah seperti PVC dan besi.

Industri tekstil dan pakaian mencatat prestasi yang lembap untuk setahun lagi disebabkan terutamanya oleh persaingan sengit dari negara-negara berkos rendah. Jualan ke negara pengimport utama, terutamanya AS, iaitu pembeli terbesar tekstil dan pakaian Malaysia terus merosot. Pengeluaran dalam **industri kelengkapan pengangkutan** adalah lemah pada tahun 2003 disebabkan oleh pemasangan kenderaan bermotor yang lebih rendah. Permintaan bagi kenderaan bermotor di pasaran dalam negeri menyederhana kerana pengguna menangguhkan pembelian mereka disebabkan oleh ketidaktentuan terhadap harga kereta berikutan kemasukan industri automobil ke dalam rangka kerja AFTA. Kemerosotan pemasangan kenderaan bermotor dan aksesori diimbangi sebahagiannya oleh pengeluaran yang lebih tinggi bagi bahagian kenderaan bermotor dan aksesori, dan pemasangan motosikal dan skuter berikutan permintaan yang lebih tinggi bagi motosikal dan skuter yang dipasang di Malaysia.

Pengeluaran dalam **industri barangan berkaitan pembinaan** meningkat dengan kukuh, disokong oleh permintaan eksport yang lebih tinggi dan pengembangan berterusan dalam aktiviti pembinaan. Pertumbuhan adalah kukuh terutamanya pada separuh tahun kedua disebabkan oleh pengeluaran yang nyata lebih tinggi bagi besi dan keluli apabila pengilang meningkatkan eksport mereka bagi mengambil kesempatan daripada permintaan yang kukuh dan harga yang lebih tinggi di pasaran eksport. Hasilnya, eksport keluaran logam meningkat dengan kukuh, terutamanya ke AS, Republik Rakyat China, Jepun, Singapura, Thailand dan Australia. Pengeluaran keluaran galian bukan logam juga meningkat pada tahun 2003 disebabkan oleh peningkatan permintaan daripada sektor pembinaan, terutamanya bagi pengeluaran simen, bahan fabrikasi pembinaan dan keluaran struktur tanah liat. Walau bagaimanapun, pengeluaran kaca merosot apabila ia dijejaskan oleh permintaan yang lebih rendah dari pasaran eksport dan industri kereta tempatan.

Pengeluaran dalam **industri keluaran logam direka** terus meningkat, mencerminkan pengeluaran yang lebih tinggi bagi pengeluaran logam berstruktur, wayar dan keluaran wayar serta bekas timah dan keluaran logam. Pengembangan tersebut juga disokong oleh aktiviti yang berterusan dalam sektor pembinaan dan permintaan yang meningkat bagi bahan pembungkusan daripada industri pemprosesan makanan. Sebaliknya, pengeluaran loyang, tembaga dan aluminium merosot disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah daripada indsutri keluaran elektrik.

Sementara itu, pertumbuhan dalam **industri keluaran kertas** menyederhana pada tahun 2003 disebabkan oleh pengeluaran yang lebih rendah bagi pulpa, kertas dan kertas tebal, manakala pengilangan bekas penyimpan kotak daripada kertas dan kertas tebal kekal sama. Prestasi kedua-dua subsektor tersebut terjejas oleh lebihan bekalan di pasaran. Walau bagaimanapun, pengeluaran subsektor keluaran pulpa dan kertas terus meningkat dengan kukuh. Meskipun terdapat penyederhanaan dalam pengeluaran, eksport keluaran kertas dan pulpa terus meningkat disebabkan oleh eksport yang lebih tinggi ke Thailand, Republik Rakyat China, Filipina, Australia

dan AS. Pengeluaran dalam **subsektor makanan dan minuman** adalah lebih tinggi disokong oleh perbelanjaan pengguna dan permintaan yang lebih tinggi dari Singapura dan Brunei.

Sektor Pembinaan

Sektor pembinaan berkembang pada kadar lebih sederhana iaitu 1.9% pada tahun 2003 (2002: 2.3%), berikutan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam subsektor kejuruteraan awam dengan siapnya beberapa projek yang diswastakan. Justeru, pertumbuhan sektor pembinaan disokong terutamanya oleh subsektor kediaman. Sementara itu, aktiviti dalam subsektor bukan kediaman terus lembap memandangkan ruang pejabat dan perniagaan yang belum terjual masih banyak walaupun lebihan dalam penawaran berkurangan pada tahun 2003.

Aktiviti dalam **subsektor kediaman** terus memberangsangkan dengan permintaan terhadap rumah kekal kukuh, terutamanya didorong oleh insentif yang diperkenalkan dalam Pakej Ekonomi. Keadaan pembiayaan yang menggalakkan termasuk kadar faedah yang rendah dan pakej pinjaman menarik yang ditawarkan oleh institusi kewangan membantu menyokong minat belian dalam subsektor kediaman bagi harta tanah baru dan pasaran rumah peringkat kedua. Pembinaan rumah baru meningkat pada sembilan bulan pertama tahun 2003, seperti yang ditunjukkan oleh pertambahan sebanyak 17% dalam jumlah pembinaan rumah baru. Purata harga rumah kediaman yang diurus niaga adalah lebih tinggi iaitu RM139,700 (2002: RM130,300), mencerminkan tahap kemampuan pembeli rumah yang meningkat berikutan pendapatan boleh guna yang lebih tinggi serta kadar faedah yang rendah. Harga harta tanah kediaman termasuk rumah teres serta rumah bertingkat tinggi kekal teguh pada tahun 2003, disokong oleh permintaan yang berterusan terhadap rumah jenis tersebut di lokasi utama.

Permintaan terhadap rumah kediaman dirangsang oleh pakej pembiayaan yang inovatif yang mempunyai syarat pinjaman yang menarik yang ditawarkan oleh institusi kewangan. Bagi menggalakkan pemilikan rumah, Pakej Ekonomi yang diumumkan Kerajaan pada 21 Mei 2003 menawarkan insentif berikut untuk tempoh setahun mulai 1 Jun 2003:

- Pengecualian duti setem bagi Perjanjian Jual Beli, pinjaman dan pindahan dokumen bagi rumah berharga RM180,000 dan ke bawah;
- Pelepasan cukai pendapatan terhadap bayaran faedah bagi pembeli baru rumah yang siap dibina, dan pemilik rumah buat pertama kali bagi rumah berharga antara RM100,000 hingga RM180,000;
- Subsidi sebanyak RM600 untuk pembelian baru bagi rumah yang berharga kurang daripada RM100,000; dan
- Pelupusan cukai keuntungan harta tanah .

Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menyediakan rumah mampu milik bagi golongan berpendapatan rendah, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bercadang membina sekurang-kurangnya 150,000 unit rumah kos sederhana dan mampu milik dalam tempoh lima tahun. Dengan kelonggaran yang diberikan kepada garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) pada tahun 2001, FIC meluluskan pembelian sebanyak 1,617 unit harta tanah kediaman oleh warga asing (peningkatan sebanyak 30.1%) yang bernilai RM771 juta. Sebaliknya, pembelian harta tanah komersial oleh warga asing merosot.

Sektor pembinaan meningkat pada kadar yang sederhana berikutan pertumbuhan subsektor kejuruteraan awam yang lebih perlahan.

Jadual 1.4
Penunjuk Harta Tanah Kediaman

	2002	2003
	Unit	
Urus niaga harta tanah kediaman		
Unit	162,269	164,723
Nilai (RM bilion)	21.1	23.0
Kelulusan[1]	198,970	205,518
Lesen pemaju		
Baru	1,170	1,062
Pembaharuan	397	436
Permit iklan dan jualan		
Baru	1,134	1,103
Pembaharuan	1,666	1,707
Pinjaman dari sistem perbankan - nilai (RM bilion)		
Belum Dijelaskan	100.4	116.6
Diluluskan	29.2	30.0

[1] Unit yang diluluskan untuk pembinaan oleh pemaju swasta.

Sumber: NAPIC, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Bank Negara Malaysia

Jadual 1.5
Penawaran Akan Datang dan Penawaran Dirancang untuk Harta Tanah

	Penawaran Akan Datang[1]	Penawaran Dirancang[2]	Penawaran Akan Datang[1]	Penawaran Dirancang[2]
	Jun-03*a*		Sep-03*a*	
	Unit/'000 meter per.		Unit/'000 meter per.	
Kediaman (unit)	573,117	533,784	569,994	537,919
Pejabat binaan khas ('000 meter per.)	1,969	1,890	1,945	1,865
Kompleks perniagaan ('000 meter per.)	1,479	1,715	1,535	1,639
Kedai runcit (unit)	31,424	34,537	32,507	34,413
Harta perindustrian (unit)	8,616	22,236	8,299	22,174

[1] Terdiri daripada harta tanah yang kerja pembinaannya sedang dijalankan termasuk unit di mana sijil layak menduduki/sijil layak menduduki sementara belum dikeluarkan.
[2] Diluluskan tetapi belum bermula.
a Awalan

Sumber: NAPIC, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta


Dalam usaha mengurangkan kos pembelian rumah kos rendah dan memperbaiki akses pembiayaan kepada pembeli, langkah berikut diumumkan pada tahun 2003:

- Pencarum KWSP yang membeli rumah kos rendah SPNB akan menikmati pembiayaan kewangan daripada Malaysia Building Society Berhad;
- Kerajaan negeri akan mengecualikan bayaran premium tanah bagi pembinaan rumah kos rendah; dan
- Pengecualian duti setem bagi Perjanjian Jual Beli rumah kos rendah antara pembeli dan pemaju yang ditandatangani pada atau selepas 1 Julai 2002, diwartakan pada bulan Februari 2003. Dengan ini, pinjaman dan pindahan dokumen berkaitan Perjanjian Jual Beli juga layak untuk mendapat pengecualian.

Dari segi penawaran, jumlah unit rumah yang diluluskan untuk pembinaan oleh pemaju swasta di Semenanjung Malaysia meningkat 3.3% pada tahun 2003, dengan pertambahan kelulusan sebanyak 23% pada separuh tahun kedua memandangkan pemaju menjangkakan permintaan yang lebih tinggi berikutan insentif Pakej Ekonomi. Pada masa yang sama, permit bagi jualan dan iklan baru yang dikeluarkan meningkat dengan kukuh sebanyak 18% pada separuh tahun kedua (separuh pertama: -20.1%). Walau bagaimanapun, pembaharuan permit meningkat, menunjukkan tempoh masa yang lebih lama diperlukan untuk menjual harta tanah.


Pertumbuhan **subsektor kejuruteraan awam** yang nyata perlahan adalah disebabkan siapnya beberapa projek yang diswastakan, terutamanya projek loji jana kuasa. Namun begitu, projek jalan raya yang sedang berjalan seperti Jalan Lingkaran Kajang, Lebuh Raya Koridor Guthrie, Penchala Link Lebuh Raya SPRINT, Lebuh Raya Baru Pantai, Lebuh Raya Kajang-Seremban dan Jalan Lingkaran Luar Butterworth menyokong aktiviti subsektor kejuruteraan awam pada tahun 2003. Kerja pembinaan juga sedang dijalankan bagi projek

Graf 1.9
Penawaran dan Kadar Pengisian Ruang Pejabat Dibina Khas di Malaysia: 2000 - 2003



a Awalan

Graf 1.10
Penawaran dan Kadar Pengisian Ruang Perniagaan di Malaysia: 2000 - 2003



a Awalan

Jadual 1.6
Ruang Pejabat dan Perniagaan - Ruang Tidak Diisi, Penawaran Akan Datang dan Penawaran Dirancang mengikut Negeri (pada akhir September 2003*a*)

	Ruang Pejabat			Ruang Perniagaan		
	Ruang Tidak Diisi	Penawaran Akan Datang[1]	Penawaran Dirancang[2]	Ruang Tidak Diisi	Penawaran Akan Datang[1]	Penawaran Dirancang[2]
	('000 meter persegi)					
WP Kuala Lumpur	1,414	1,085	1,028	286	746	649
Selangor	488	55	0	186	138	63
WP Putrajaya	0	295	155	0	66	0
Johor	260	140	493	326	228	789
Pulau Pinang	292	45	39	279	172	52
Negeri Sembilan	24	28	118	41	61	64
Perak	41	49	6	50	4	0
Melaka	25	0	0	56	0	0
Kedah	21	34	1	64	51	14
Pahang	14	15	9	33	0	8
Terengganu	10	0	0	6	7	0
Kelantan	9	4	16	2	63	0
Perlis	1	34	0	0	0	0
Sabah	112	142	0	25	0	0
WP Labuan	38	0	0	15	0	0
Sarawak	57	20	0	40	0	0
Jumlah	**2,806**	**1,946**	**1,865**	**1,409**	**1,536**	**1,639**

[1] Terdiri daripada harta tanah yang kerja pembinaannya sedang dijalankan termasuk unit di mana sijil layak menduduki/sijil layak menduduki sementara belum dikeluarkan.

[2] Diluluskan tetapi belum bermula.

a Awalan

Sumber: NAPIC, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta


berkaitan air, pelabuhan, pembentungan dan loji jana kuasa. Dengan pengalaman yang diperoleh daripada subsektor kejuruteraan awam tempatan, syarikat pembinaan Malaysia meneroka ke luar negara terutama dalam projek pembinaan lebuh raya dan projek infrastruktur lain sebagai langkah untuk meluaskan asas pendapatan. Syarikat-syarikat ini mampu bersaing dalam pasaran global, terutamanya di negara-negara yang mereka mempunyai kelebihan berbanding, khususnya di India dan Timur Tengah. Projek infrastruktur sektor awam seperti yang dicerminkan oleh jumlah perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan kekal kukuh sepanjang tahun 2003, terutamanya subsektor pengangkutan. Antara projek awam utama yang masih dalam pembinaan yang turut menyokong pertumbuhan adalah Terowong *SMART Intelligent* untuk Mengawal Banjir di Kuala Lumpur dan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Aktiviti pembinaan dalam **subsektor bukan kediaman** terus lembap seperti yang dicerminkan oleh kurangnya aktiviti pembinaan yang sedang berjalan bagi projek berkaitan pejabat binaan khas dan kompleks perniagaan. Jumlah ruang pejabat baru yang siap dibina di Lembah Klang merosot sepanjang tiga tahun yang lalu. Pada sembilan bulan pertama tahun 2003, hanya 93,000 meter persegi ruang pejabat disiapkan berbanding dengan 200,000 meter persegi pada tahun 2002 (2001: 178,000 meter per segi; 2000: 1.4 juta meter per segi). Kompleks perniagaan besar yang disiapkan di Lembah Klang termasuk Berjaya Times Square, Ikano Power Centre, IKEA, Maju Junction dan Great Eastern Mall. Bahagian projek yang baru dibina berbanding dengan jumlah penawaran akan datang secara keseluruhan meningkat daripada 2% kepada 8% pada sembilan bulan pertama tahun 2003. Purata kadar pengisian ruang pejabat dan kompleks perniagaan pula kekal stabil masing-masing pada 79% dan 78% pada akhir September 2003, mencerminkan permintaan yang berterusan terutama bagi projek di lokasi pilihan.

Sewa bulanan bagi ruang pejabat utama di Lembah Klang kekal stabil pada kadar RM45 bagi satu meter per segi. Sementara itu, purata kadar sewa bulanan bagi ruang perniagaan utama di kompleks perniagaan juga stabil pada kadar RM226 bagi satu meter per segi. Sementara itu, kadar sewa bagi ruang pejabat dan perniagaan di lokasi kurang popular tidak dinaikkan bagi menarik minat penyewa.

Dalam bidang **perhotelan**, sejumlah 111 buah hotel baru siap dibina pada tahun 2003 dengan menawarkan sebanyak 7,838 buah bilik tambahan. Walau bagaimanapun, industri perhotelan turut terjejas oleh wabak SARS terutamanya pada suku

Graf 1.11
Purata Sewa Bulanan Ruang Pejabat dan Perniagaan Utama di Lembah Klang[1]



[1] Merujuk kepada Kuala Lumpur dan Selangor

Sumber: CH Williams Talhar & Wong Sdn. Bhd.

kedua tahun 2003 dengan jumlah ketibaan pelancong pada bulan April merosot sebanyak 59% kepada kurang daripada 500,000 orang. Jumlah ketibaan pelancong secara keseluruhan merosot kepada 10.6 juta orang pada tahun 2003 berbanding dengan 13.3 juta orang pada tahun 2002. Ini menyebabkan purata kadar pengisian hotel merosot kepada 53% (2002: 58%).

Kemudahan pembiayaan kewangan yang mencukupi terus memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan sektor pembinaan. Semenjak beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat peralihan yang ketara dalam pembiayaan kewangan subsektor kejuruteraan awam. Subsektor ini semakin banyak menggunakan pasaran modal melalui terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) selain mendapatkan pinjaman daripada Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (BPIMB) bagi menampung keperluan kewangan mereka. Daripada jumlah sekuriti hutang swasta yang diterbitkan pada tahun 2003 sebanyak RM42.8 bilion, RM6 bilion adalah untuk projek infrastruktur atau 14% daripada jumlah keseluruhan sekuriti hutang swasta yang diterbitkan (2002: 8%). Sementara itu, jumlah pinjaman yang diluluskan oleh BPIMB untuk projek infrastruktur juga meningkat kepada RM5 bilion pada tahun 2003 (2002: RM2.8 bilion). Walau bagaimanapun, pinjaman untuk projek infrastruktur yang diperoleh daripada sistem perbankan yang belum dijelaskan, merosot kepada RM3.4 bilion (2002: RM5.2 bilion). Bagi harta tanah kediaman pula, sistem perbankan terus menjadi sumber pembiayaan utama. Jumlah pinjaman yang diluluskan oleh sistem perbankan meningkat sebanyak 2.9% kepada RM30 bilion. Selain daripada itu, pinjaman yang diluluskan oleh kumpulan institusi kredit perumahan yang lain meningkat pada 2003. Seiring dengan kelulusan pinjaman yang lebih tinggi, pinjaman perumahan yang dikeluarkan oleh sistem perbankan dan institusi kredit perumahan yang lain yang belum dijelaskan masing-masing meningkat sebanyak 16.1% dan 10.4%.

Pada tahun 2003, aktiviti pembinaan menjadi lebih pesat dengan kembalinya pekerja asing yang dihantar pulang pada tahun 2002. Walau bagaimanapun, pergantungan yang tinggi terhadap pekerja asing menjadikan peningkatan produktiviti sektor ini masih menjadi isu. Sehubungan itu, Pusat Pertukaran Pekerja Binaan Berhad ditubuhkan pada tahun 2003 untuk menjadi pusat latihan dan pemantauan pekerja asing selain daripada membekalkan dan menyalurkan lebihan pekerja asing kepada kontraktor yang memerlukan pekerja dari semasa ke semasa.


Satu lagi perkembangan pada tahun 2003 ialah pelancaran Indeks Kos Bahan Binaan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia. Indeks tersebut memberikan penunjuk tekanan-tekanan yang berpunca daripada kos input. Walaupun indeks tersebut menunjukkan harga keseluruhan bahan binaan kekal stabil mulai separuh kedua tahun 2002 sehingga September 2003, pada masa yang sama, beberapa syarikat pembinaan menghadapi masalah kekurangan bekalan bahan binaan terutamanya besi. Ini disebabkan para pengilang bahan tersebut lebih berminat untuk mengeksport barangan tersebut bagi mengambil peluang harga yang lebih tinggi dalam pasaran luar negeri.

Selaras dengan usaha Kerajaan untuk menyeragamkan proses kelulusan dan meningkatkan keberkesanan jentera pentadbiran, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menubuhkan Pusat Sehenti dua peringkat, iaitu di peringkat pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri bagi kelulusan Pelan Bangunan dan pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki (CFO). Selain daripada itu, jumlah jabatan teknikal yang terlibat dalam meluluskan CFO juga dikurangkan daripada tujuh kepada empat.

Sektor Pertanian


Pada tahun 2003, sektor **pertanian, perhutanan dan perikanan** (pertanian) mencatatkan pertumbuhan yang paling kukuh dalam tempoh 11 tahun, dalam keadaan prestasi eksport yang sangat

Graf 1.12
Pengeluaran Pertanian



a Awalan

Graf 1.13
Eksport Pertanian



a Awalan


memberangsangkan dan harga yang tinggi. Nilai ditambah sektor pertanian meningkat 5.5% hasil daripada peningkatan yang nyata dalam pengeluaran minyak sawit mentah dan getah. Pertumbuhan turut disokong oleh kenaikan dalam pengeluaran kayu balak dan komoditi pertanian yang lain, iaitu sayur-sayuran, buah-buahan, ternakan dan perikanan, yang mencerminkan kesan positif langkah-langkah Kerajaan untuk meningkatkan sumber pertumbuhan dalam negeri melalui peningkatan dalam pengeluaran makanan. Sementara itu, pengeluaran koko merosot dengan nyata pada tahun 2003. Berikutan peningkatan harga komoditi yang ketara antara 11-42% dan jumlah eksport yang bertambah, hasil eksport komoditi pertanian meningkat sebanyak 28.1%. Justeru itu, bahagian eksport pertanian kepada jumlah eksport meningkat kepada 8.4% pada tahun 2003, daripada purata 6.5% bagi tempoh tahun 2000 hingga 2002.

Prestasi sektor pertanian yang mantap sepanjang tahun 2003 didorong faktor penawaran dan permintaan. Minyak sawit mentah dan getah mencatatkan pertumbuhan yang tinggi disebabkan para petani memaksimumkan pengeluaran mereka dengan meningkatkan hasil pengeluaran melalui amalan pertanian yang baik berikutan paras harga yang sangat menggalakkan. Pengeluaran minyak sawit turut disokong oleh keadaan cuaca yang baik di samping pertambahan kawasan matang yang baru yang ditanam dengan pokok berhasil tinggi. Sementara itu, pengeluaran getah yang lebih tinggi disebabkan aktiviti menoreh yang intensif, termasuk di kawasan yang sebelum ini terbiar. Pada masa yang sama, permintaan luar negeri terhadap komoditi-komoditi tersebut adalah kukuh dalam keadaan kekangan penawaran di pasaran global.

Prestasi sektor pertanian yang menggalakkan pada tahun 2003, menjana kesan langsung yang nyata, terutamanya bagi penduduk di luar bandar. Memandangkan sektor pertanian menyediakan pekerjaan kepada 14% daripada jumlah guna tenaga di Malaysia dan bahagian yang agak besar terdiri daripada pekebun kecil, pendapatan yang lebih tinggi membantu meningkatkan kadar penggunaan di kalangan masyarakat luar bandar. Sektor perladangan turut mendapat faedah daripada prestasi ekonomi yang lebih kukuh, seperti yang dicerminkan oleh peningkatan dalam keuntungan mereka.

Minyak sawit mentah (MSM) kekal sebagai komoditi pertanian yang utama, dengan menyumbangkan 4.1 mata peratusan kepada peningkatan dalam nilai ditambah sektor pertanian pada tahun 2003. Pengeluaran MSM melambung

Graf 1.14
Kelapa Sawit:
Kawasan, Pengeluaran dan Hasil



a Awalan bagi kawasan matang dan hasil pengeluaran

Jadual 1.7
Sektor Pertanian: Nilai ditambah, Pengeluaran dan Eksport

	2002		2003*a*	
	Jumlah dan Nilai	Perubahan tahunan (%)	Jumlah dan Nilai	Perubahan tahunan (%)
Nilai ditambah (RM juta pada harga tahun 1987)	**18,438**	**3.0**	**19,453**	**5.5**
Pengeluaran[1]				
antaranya:				
Minyak sawit mentah	11,909	0.9	13,355	12.1
Getah	589	7.7	698	18.4
Kayu balak	20,649	9.1	21,381	3.5
Biji koko	48	-17.4	36	-24.0
Eksport (RM juta)	**26,327**	**31.9**	**33,728**	**28.1**
antaranya:				
Minyak sawit				
('000 tan)	10,854	3.7	12,509	15.2
(RM/tan)	1,367	44.9	1,617	18.3
(RM juta)	14,838	50.2	20,224	36.3
Getah				
('000 tan)	928	12.9	945	1.9
(sen/kilogram)	269	17.0	379	41.0
(RM juta)	2,492	32.1	3,582	43.8
Kayu balak				
('000 meter padu)	5,104	5.6	5,508	7.9
(RM/meter padu)	359	13.9	366	1.9
(RM juta)	1,832	20.3	2,015	10.0
Kayu siap digergaji				
('000 meter padu)	2,474	2.6	2,816	13.8
(RM/meter padu)	990	5.0	926	-6.5
(RM juta)	2,450	7.8	2,607	6.4

[1] Kesemua dalam '000 tan metrik, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu.
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Jabatan Perhutanan (Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak)
Lembaga Koko Malaysia

kepada 13.35 juta tan, atau peningkatan sebanyak 12.1%. Pertumbuhan disebabkan terutamanya oleh pertambahan pada keluasan kawasan kelapa sawit yang matang (3.1%), khususnya di Sabah (6.3%) dan Sarawak (13%), di samping amalan pertanian yang baik. Disebabkan faktor-faktor tersebut, pengeluaran MSM yang pada kebiasaannya mencatatkan paras tertinggi pada suku ketiga pada sesuatu tahun yang biasa, menghasilkan pengeluaran melebihi satu juta tan bagi tempoh yang lebih lama, iaitu dari bulan April hingga Disember 2003. Semenanjung Malaysia menyumbangkan hampir 60% daripada jumlah pengeluaran MSM negara atau 7.94 juta tan, manakala Sabah dan Sarawak menghasilkan 5.41 juta tan. Dari segi kedudukan di peringkat dunia, Malaysia kekal sebagai pengeluar dan pengeksport minyak sawit utama pada tahun 2003 dengan menyumbangkan sebanyak 49% daripada pengeluaran dunia dan 58% daripada jumlah eksport.

Harga eksport purata minyak sawit Malaysia meningkat sebanyak 18.3% kepada RM1,617 setan pada tahun 2003. Berikutan kekangan penawaran dalam pasaran minyak dan lelemak dunia, harga bagi kebanyakan bijirin, minyak dan minyak kisar terus menerus meningkat pada tahun 2003, khususnya semenjak bulan Ogos. Sejajar dengan perkembangan tersebut, harga purata MSM tempatan adalah RM1,577 setan pada tahun 2003 (2002: RM1,364). Harga yang lebih kukuh ini mencerminkan terutamanya ketidakseimbangan dalam pasaran minyak sayuran dan lelemak sedunia akibat pengeluaran bijirin utama, terutama kacang soya, hanya meningkat sedikit, manakala permintaan daripada pengguna utama minyak sayuran adalah lebih tinggi. Hasil tuaian kacang soya di Amerika Syarikat terjejas teruk akibat musim kemarau pada tahun 2003. Kekangan penawaran minyak-minyak kacang soya, sesawi dan bunga matahari menyebabkan premium harga antara minyak tersebut dengan minyak sawit melebar dan seterusnya mendorong aktiviti penggantian import oleh pembeli minyak sawit yang sensitif terhadap harga. Permintaan eksport bagi minyak sawit daripada pembeli utama

Graf 1.15
Harga Minyak Sawit dan Stok



kacang soya (pengganti paling hampir bagi minyak sawit), iaitu Republik Rakyat China, Kesatuan Eropah dan Timur Tengah, meningkat dengan kukuh sepanjang tahun 2003.

Permintaan minyak sawit Malaysia oleh Republik Rakyat China, Kesatuan Eropah dan pasaran kian membangun di Timur Tengah, meningkat antara 4 hingga 29% pada tahun 2003, disebabkan pengeluaran dalam negeri yang lebih rendah serta peningkatan dalam kapasiti penapisan di negara-negara tersebut. Peningkatan permintaan oleh Republik Rakyat China juga didorong oleh kenaikan dalam kuota import berikutan keanggotaan negara tersebut dalam Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO). Walau bagaimanapun, import oleh India, yang merupakan antara pembeli utama minyak sawit Malaysia, merosot pada tahun 2003, disebabkan tarif yang lebih tinggi ke atas keluaran minyak sawit dan penguatkuasaan peraturan baru import, menjadikan minyak sawit kurang kompetitif berbanding dengan minyak bijirin lain. Namun demikian, dengan pengukuhan yang ketara pada harga dan jumlah eksport, minyak sawit menjana hasil eksport tambahan sebanyak RM5.4 bilion pada tahun 2003, dengan jumlah keseluruhan eksport minyak sawit bernilai RM20.2 bilion. Sungguhpun permintaan luar negeri meningkat dengan ketara, stok minyak sawit Malaysia hampir tidak berubah pada 1.17 juta tan (stok akhir tahun 2002: 1.14 juta tan), memandangkan pengeluaran meningkat dengan amat ketara pada tahun 2003.

Industri minyak sawit merekodkan pencapaian yang memberangsangkan sepanjang tahun 2003. Bahagian pasaran minyak sawit Malaysia bertambah dengan kejayaan menembusi lima pasaran baru bagi keluaran berasaskan sawit, iaitu Chechnya, Antigua, Mayotte, Cape Verde dan Republik Afrika Tengah pada tahun 2003. Dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) melancarkan 35 barangan dan teknologi baru untuk dikomersialkan oleh industri minyak sawit pada tahun 2003. Untuk meningkatkan lagi penggunaan keluaran minyak sawit, MPOB bersama-sama agensi tempatan minyak sawit menjalankan penyelidikan dengan pertubuhan penyelidikan dan institusi pengguna di beberapa negara pengguna. Projek usaha sama juga dilaksanakan dengan Republik Rakyat China, Mesir, Oman, Poland, Rusia, Ukraine, Afrika Selatan, Pakistan, Turki dan Kuwait. Di samping itu, Malaysia menyertai secara aktif mesyuarat perdagangan dan saintifik antarabangsa bagi membantu menggalakkan perdagangan antarabangsa keluaran minyak sawit.

Pengeluaran **getah asli** yang mencatatkan pertumbuhan tahunan positif yang pertama dalam tempoh tujuh tahun pada tahun 2002, meningkat dengan ketara sebanyak 18.4% pada tahun 2003. Jumlah pengeluaran getah hampir mencecah 700,000 tan. Pekebun kecil yang mencakupi hampir 90% daripada jumlah pengeluaran negara, menghasilkan pengeluaran yang lebih tinggi sebanyak 23.3% ekoran kegiatan torehan yang lebih intensif hasil dorongan harga yang menguntungkan. Peningkatan dalam pengeluaran getah turut disumbangkan oleh hasil kegiatan torehan di kawasan getah yang sebelum ini terbiar. Sebaliknya, pengeluaran oleh estet terus merosot sebanyak 10.8% (2002: -14.7%), akibat penukaran secara berterusan kawasan getah kepada aktiviti ekonomi lain sepanjang tahun 2003. Jumlah kawasan getah yang ditoreh di Malaysia bertambah kira-kira 48,000 hektar atau 7% kepada 737,600 hektar.

Seiring dengan perkembangan industri getah asli dunia, harga getah Malaysia (RSS1) meningkat dengan nyata sebanyak 37% kepada 401 sen sekilogram pada tahun 2003 (2002: 292 sen). Momentum dalam kenaikan harga getah meningkat sepanjang tahun 2003 daripada 364 sen pada suku pertama kepada 486 sen pada suku keempat. Harga RSS1 melonjak pada bulan November untuk mencatatkan paras harga dagangan bulanan tertinggi pada 512 sen, dengan harga dagangan harian tertinggi pada 543 sen pada 5-6 November. Selepas itu, harga mengalami konsolidasi untuk ditutup pada 473 sen pada akhir tahun. Prestasi harga yang kukuh sepanjang tahun 2003 disokong oleh peningkatan dalam permintaan yang nyata dari Republik Rakyat China, pembelian aktif oleh pedagang Eropah dan kekangan penawaran di negara pengeluar utama,

yang mengalami kemerosotan pengeluaran akibat musim hujan, terutama di penghujung tahun.

Pembelian getah asli oleh Republik Rakyat China meningkat dengan nyata bagi dua tahun berturut-turut (60.2%; 2002: 51.4%), dirangsang oleh permintaan industri automatif tempatan yang tinggi. Pasaran turut disokong oleh keputusan Kerajaan China untuk menaikkan kuota import getah aslinya sebanyak 200,000 tan bagi memenuhi peningkatan dalam permintaan daripada pengilang tayar utama. Republik Rakyat China kekal sebagai pasaran eksport Malaysia yang terbesar dengan menyumbang sebanyak 21.9% kepada jumlah eksport getah (2002: 13.9%). Selain dari Republik Rakyat China, pembeli utama yang lain ialah Korea, Jerman dan Timur Tengah, yang secara berkumpulan menyumbang sebanyak 52% kepada jumlah eksport getah. Hasil eksport getah meningkat sebanyak 43.8% kepada RM3.6 bilion pada tahun 2003, mencerminkan harga dan jumlah eksport yang lebih tinggi.

Satu daripada perkembangan utama dalam sektor getah asli antarabangsa pada tahun 2003 adalah perjanjian penubuhan Konsortium Getah Antarabangsa Berhad (IRCo) pada 6 Oktober yang ditandatangani oleh Malaysia, Thailand dan Indonesia. IRCo ditubuhkan dengan tujuan untuk menjalankan operasi pemasaran strategik sekiranya perlu, di samping mengambil pendekatan yang selari dengan langkah yang dipersetujui oleh negara-negara tersebut di bawah Skim Pengurusan Penawaran dan Skim Jumlah Eksport yang Dipersetujui, yang dimeterai pada tahun 2001. Skim tersebut memberi sumbangan positif terhadap pemulihan keseluruhan sentimen pasaran getah.

Memandangkan sektor getah asli adalah penting dari segi menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat di luar bandar dan rantaian hubungannya yang kukuh dengan industri hiliran tempatan yang berasaskan komoditi ini, getah dikenal pasti sebagai salah satu tanaman strategik bagi pertumbuhan sektor pertanian Malaysia yang mapan. Pada tahun 2003, langkah tambahan diambil untuk membangunkan sektor getah asli, termasuk menjalankan satu kajian bagi rancangan induk jangka sederhana sektor tersebut. Laporan interim mengenai kajian tersebut telah disiapkan. Di samping penanaman getah yang secara tradisional adalah untuk menghasilkan susu getah, bagi mengekalkan pertumbuhan industri berasaskan kayu getah yang mapan, Kerajaan mengumumkan beberapa insentif untuk menggalakkan pelaburan sektor swasta. Ini termasuk menggalakkan penanaman pokok getah menggunakan klon susu getah-kayu (*latex-timber clone*) untuk pengeluaran susu getah dan kayu. Klon ini juga berpotensi untuk membantu mengatasi jangkaan kekangan penawaran kayu getah untuk pembuatan perabot, memandangkan 80% daripada perolehan eksport perabot Malaysia adalah perabot berasaskan kayu getah.

Kegiatan pembalakan di semua wilayah, iaitu Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia menjadi lebih giat pada tahun 2003. Jumlah pengeluaran **kayu balak** meningkat sebanyak 3.5% kepada 21,381 meter padu disebabkan permintaan luar dan dalam negeri yang lebih kukuh. Permintaan daripada industri berasaskan kayu dalam negeri kembali pulih untuk mencatatkan pertumbuhan 0.9% pada tahun 2003 (2002: -6%), manakala penghantaran eksport kayu balak meningkat sebanyak 7.9%. Eksport mencatatkan peningkatan, sungguhpun terdapat persaingan yang ketara dari negara pengeluar kayu balak yang lain, seperti Indonesia, Vietnam, Brazil dan Afrika. Pembelian oleh negara-negara serantau, iaitu Thailand, India, Republik Rakyat China dan China Taipei yang mencakupi 63% daripada jumlah eksport, meningkat sebanyak 24%. Dalam keadaan permintaan serantau yang kukuh dan persaingan yang ketara dalam pasaran antarabangsa, harga kayu balak Malaysia kekal stabil pada paras RM366 semeter padu (2002: RM359). Berikutan itu, hasil eksport kayu balak meningkat sebanyak 10% pada tahun 2003. Sementara itu, jumlah kayu siap digergaji yang dieksport meningkat sebanyak 13.8%, terutamanya ke pasaran di Kesatuan Eropah, tetapi hasil eksport merosot pada tahun 2003 akibat harga eksport yang merosot (-6.5%).

Industri pembalakan Malaysia terus mengalami pelbagai cabaran sepanjang tahun 2003, terutama tekanan sentimen "hijau" di Eropah, khususnya di negara-negara Scandinavia. Ini seperti yang digambarkan oleh sekatan satu pihak yang dikuatkuasakan oleh kerajaan Norway ke atas import kayu hutan tropika bagi projek awam, kecuali kayu hutan tersebut diperakui oleh *Forest Stewardship Council*. Industri kayu hutan juga terpaksa memenuhi peraturan dan piawaian baru yang dikuatkuasakan oleh negara maju yang mendakwa melindungi alam sekitar di samping menjaga keselamatan dan kesihatan pengguna. Sebagai susulan kepada sentimen "hijau" tersebut, pada bulan Oktober 2001, industri perkayuan Malaysia menubuhkan skim persijilannya yang tersendiri, yang diuruskan oleh Majlis Persijilan Perkayuan Malaysia (MTCC). Pada

akhir tahun 2003, tujuh buah negeri diberikan Sijil Pengurusan Hutan, dan 38 buah syarikat pembalakan diberikan kebenaran menggunakan logo MTCC untuk memberitahu pembeli kayu hutan dan keluaran kayu hutan Malaysia bahawa kedua-dua komoditi tersebut diperakui berasal daripada sumber hutan yang diurus secara mapan dan sah. Satu lagi perkembangan penting pada tahun 2003 adalah persetujuan Denmark untuk menerima pakai skim MTCC sebagai salah satu skim persijilan yang diiktiraf dan boleh digunakan dalam Garis Panduan Alam Sekitar bagi Pembelian Kayu Hutan Tropika. Berikutan penerimaan dan pengiktirafan yang lebih meluas terhadap usaha persijilan perkayuan Malaysia, sejumlah 6,629 meter padu kayu siap digergaji yang mempunyai perakuan MTCC (2002: 732 meter padu) dan kayu kumai sebanyak 45 meter padu dieksport ke beberapa buah negara, terutama ke Eropah pada tahun 2003.

Pengeluaran **komoditi pertanian lain**, termasuk sayur-sayuran, buah-buahan, ternakan dan perikanan, mencatatkan pertumbuhan yang agak sederhana pada tahun 2003. Peningkatan dalam pengeluaran sayur-sayuran (4.5%) dan buah-buahan (3.1%) adalah hasil daripada pertambahan dalam kawasan tanaman. Peningkatan dalam kawasan tanaman ini adalah seiring dengan pertambahan dalam kawasan yang diperuntukkan di bawah skim Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Pada akhir tahun 2003, lebih daripada 2,160 hektar tanah telah dibangunkan di bawah skim ini, dengan sebahagian besar atau 1,681 hektar adalah bagi penanaman sayur-sayuran. Pertumbuhan subsektor ternakan meningkat sebanyak 5.5%, disebabkan terutamanya oleh pengeluaran ayam itik yang lebih tinggi, memandangkan permintaan yang semakin meningkat khususnya daripada industri pemprosesan makanan tempatan. Subsektor perikanan juga meningkat sebanyak 2.6% berikutan pendaratan ikan laut yang lebih tinggi.

Pengeluaran **biji koko** merosot dengan ketara sebanyak 24% kepada 36,240 tan, akibat pengurangan dalam kawasan tanaman koko daripada 48,035 hektar pada tahun 2002 kepada anggaran 46,395 hektar pada tahun 2003. Kemerosotan ini mencerminkan penukaran kawasan koko kepada tanaman lain, di samping keadaan cuaca yang kurang menggalakkan, terutamanya pada suku terakhir tahun 2003. Hasil koko merosot disebabkan jumlah hujan yang lebih tinggi yang mengakibatkan tempoh pengeluaran buah bagi musim tanaman utama terjejas dan menyebabkan jangkitan penyakit *black pod* meningkat. Dalam usaha meningkatkan pengeluaran biji koko bagi memenuhi permintaan para pengisar koko tempatan, di samping mengurangkan pergantungan terhadap biji koko import, program pemulihan yang melibatkan pekebun kecil diteruskan sepanjang tahun 2003. Di bawah Program Pembangunan Pekebun Kecil Koko, 6,916 hektar atau 15% daripada jumlah kawasan tanaman pekebun kecil koko dibangunkan sehingga akhir tahun 2003.


Harga eksport koko meningkat dengan nyata sebanyak 20.9% kepada RM6,314 setiap tan pada tahun 2003 disebabkan oleh kekangan penawaran di sebuah negara pengeluar utama koko ekoran perkembangan politik yang kurang menggalakkan. Namun demikian, sektor koko Malaysia tidak dapat mengambil peluang sepenuhnya daripada peningkatan harga, disebabkan pengeluaran dalam negeri yang merosot pada tahun 2003. Oleh yang demikian, hasil eksport koko merosot kepada RM83 juta (2002: RM110 juta).

Sektor Perlombongan

Sektor perlombongan meningkat 4.8% pada tahun 2003, ekoran permintaan dalam dan luar negeri yang kukuh serta peningkatan kapasiti pengeluaran yang mendorong pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi. Berikutan bertambahnya penghantaran minyak dan gas ke luar negara dan peningkatan harga eksport yang nyata, hasil tukaran asing kasar daripada eksport perlombongan berkembang 33.1% pada tahun 2003.

Pengeluaran **minyak mentah** (tidak termasuk kondensat) meningkat 5% kepada 625,800 tong sehari berbanding dengan pengeluaran tahun 2002 dan hampir menyamai sasaran pengeluaran tahun 2003, iaitu 626,000 tong sehari di bawah Dasar Susutan

Graf 1.16
Pengeluaran Galian



Jadual 1.8
Sektor Perlombongan: Nilai ditambah, Pengeluaran dan Eksport

	2002		2003*a*	
	Jumlah dan Nilai	Perubahan tahunan (%)	Jumlah dan Nilai	Perubahan tahunan (%)
Nilai ditambah (RM juta pada harga tahun 1987)	**15,826**	**3.7**	**16,581**	**4.8**
Pengeluaran				
Minyak mentah dan kondensat (tong sehari)	698,462	4.9	736,000	5.4
antaranya:				
Minyak mentah (tong sehari)	*596,216*	*2.9*	*625,775*	*5.0*
Gas asli - bersih (juta kaki padu standard)	1,706,141	2.9	1,794,388	5.2
Timah padat (tan)	4,215	-15.2	3,606	-14.2
Eksport (RM juta)	**22,364**	**-4.6**	**29,777**	**33.1**
antaranya:				
Minyak mentah				
('000 tan)	16,192	7.4	17,913	10.6
(AS$/tong)	24.81	-2.8	30.27	22.0
(RM juta)	11,600	4.3	15,662	35.0
Gas asli cecair				
('000 tan)	15,007	-2.7	17,402	16.0
(RM/tan)	659	-8.6	766	16.2
(RM juta)	9,888	-11.1	13,328	34.8
Timah				
('000 tan)	27,076	-0.7	15,164	-44.0
(RM/tan)	15,713	-7.0	18,732	19.2
(RM juta)	425	-7.7	284	-33.2


a Awalan

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia

Negara. Pertambahan pengeluaran minyak pada tahun 2003 didorong oleh peningkatan permintaan dalam negeri untuk produk petroleum serta permintaan luar negeri yang lebih tinggi, terutamanya dari India, Australia, Thailand, Republik Rakyat China dan Amerika Syarikat, yang mencakupi 65% daripada jumlah eksport minyak mentah Malaysia. Eksport ke negara-negara tersebut meningkat 34% pada tahun 2003. Peningkatan dalam pengeluaran minyak pada tahun 2003 disumbangkan oleh medan minyak yang sedia ada di samping empat medan minyak yang baru memulakan operasi. Peningkatan jumlah eksport dan harga eksport yang tinggi (22%) membawa kepada peningkatan hasil eksport kasar minyak mentah sebanyak 35% kepada RM15.7 bilion (2002: RM11.6 bilion). Eksport minyak mentah negara adalah 4% daripada jumlah eksport kasar.

Harga purata eksport minyak mentah Malaysia (Tapis Blend) meningkat dengan nyata kepada AS$29.79 setong (2002: AS$25.55) seiring dengan trend harga minyak mentah dunia yang meningkat. Sepanjang tahun 2003, harga minyak mentah banyak didorong oleh sentimen pasaran dan faktor

Graf 1.17
Eksport Galian



a Awalan

asas. Pada awal tahun 2003, kebimbangan geopolitik di Timur Tengah, gangguan pengeluaran di beberapa negara pengeluar minyak utama, iaitu Venezuela, Nigeria dan Iraq, serta paras stok yang rendah di kalangan negara pengguna utama, terutama di Amerika Syarikat, membantu mengekalkan harga eksport minyak Malaysia pada kadar teguh melebihi paras AS$30 setong pada suku pertama tahun 2003. Pada separuh tahun kedua, harga minyak mentah Malaysia mencatat purata AS$30 setong, sejajar dengan harga minyak antarabangsa *West Texas Intermediate dan North Sea Brent*, yang masing-masing berpurata AS$30.64 dan AS$28.96 setong.

Keputusan-keputusan yang dibuat oleh Pertubuhan Negara Pengeksport Minyak (OPEC) dalam mengurus penawaran minyak dunia adalah faktor yang berpengaruh dalam penentuan harga minyak, terutama sewaktu tempoh selepas perang di Iraq. Pada separuh pertama tahun 2003, OPEC yang menguasai 40% daripada penawaran minyak dunia, menaikkan kuota pengeluaran sebanyak dua kali, iaitu sebanyak 1.3 juta tong sehari dan 2.4 juta tong sehari kepada 25.4 juta tong sehari bagi mengatasi penawaran minyak yang rendah. Namun, pada bulan November, OPEC mengurangkan kuota pengeluarannya sebanyak 900,000 tong sehari kepada 24.5 juta tong sehari, ekoran kebimbangan pertubuhan tersebut terhadap peningkatan penawaran minyak oleh negara-negara bukan OPEC. Berikutan perkembangan itu dan prestasi ekonomi global yang semakin baik serta permintaan bermusim yang lebih tinggi pada suku keempat, harga minyak kekal pada paras yang tinggi pada akhir tahun 2003. Republik Rakyat China menyumbangkan 35% kepada peningkatan permintaan minyak dunia pada tahun 2003. Mencerminkan perkembangan tersebut, harga minyak mentah Malaysia kekal kukuh sepanjang tahun untuk ditutup pada AS$32.15 setong pada akhir Disember.

Pengeluaran **gas asli** meningkat 5.2% pada tahun 2003 hasil daripada keupayaan sektor ini untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran bagi memenuhi permintaan yang lebih tinggi, terutamanya dengan pelancaran loji MLNG Tiga pada bulan Mei 2003 dan bermulanya operasi empat medan gas baru. Permintaan dalam negeri kekal menggalakkan, terutamanya daripada industri jana kuasa yang menggunakan 66% daripada jumlah pengeluaran gas negara. Pertambahan pembelian oleh kesemua pengimport gas asli cecair (LNG), iaitu Jepun, Korea dan China Taipei, di samping peningkatan harga

Jadual 1.9
Malaysia: Rizab Minyak Mentah dan Gas Asli[1]

	Pada akhir tahun	
	2002	2003*a*
Minyak mentah		
Jumlah rizab (bilion tong)	3.61	3.69
Rizab/Pengeluaran (tahun)	16.0	16.0
Gas asli		
Jumlah rizab (trilion kaki padu standard)	87.76	89.67
Rizab/Pengeluaran (tahun)	35.7	30 - 40

[1] Dasar Susutan Negara diperkenalkan pada 1980 untuk mengawal selia eksploitasi rizab minyak negara dengan menangguhkan pembangunan dan menjalankan kawalan terhadap pengeluaran medan minyak utama (yang mempunyai rizab sebanyak 400 juta tong atau lebih).
a Awalan

Sumber: PETRONAS

eksport (RM766 setiap tan; 2002: RM659) menjana pertumbuhan hasil eksport LNG yang lebih kukuh sebanyak 34.8%.

Sementara itu, pengeluaran **timah padat** merosot 14.2% pada tahun 2003, sungguhpun harga meningkat dan bilangan lombong bijih timah yang aktif bertambah. Pengurangan pengeluaran timah padat disebabkan kemerosotan rizab lombong bijih timah yang sedia ada, justeru mengakibatkan kadar produktiviti menjadi lebih rendah.

Pada tahun 2003, empat medan minyak baru, iaitu dua di Semenanjung Malaysia dan dua di Sarawak, memulakan operasi. Ini menjadikan jumlah medan minyak yang beroperasi pada akhir tahun 2003 kepada 51. Dengan bermulanya operasi empat medan gas baru di Semenanjung Malaysia dan Sarawak, 18 medan gas beroperasi pada akhir tahun 2003.

Satu perkembangan utama di sektor minyak Malaysia pada tahun 2003 adalah penemuan rizab minyak dasar laut di luar pesisir Sabah menjelang akhir tahun. Sebelum penemuan tersebut, minyak juga ditemui di luar pesisir Sabah pada bulan Julai 2002. Enam perjanjian perkongsian pengeluaran baru ditandatangani pada tahun 2003.

Sektor Perkhidmatan

Pada tahun 2003, **sektor perkhidmatan** kekal berdaya tahan dan segera pulih daripada kesan negatif Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (SARS) yang melanda pada awal tahun tersebut. Secara keseluruhan, kesan SARS adalah sementara dan mempengaruhi sektor runcit, dan sektor yang berkaitan dengan pelancongan dan perjalanan, terutamanya pada suku kedua. Ketibaan pelancong

Jadual 1.10
Pertumbuhan di Sektor Perkhidmatan pada Harga Malar 1987

	2002	2003*a*			2002	2003*a*
		S1	S2	Tahun		
	Perubahan tahunan (%)				% bahagian daripada KDNK	
Perkhidmatan	**4.1**	**3.7**	**4.5**	**4.1**	**57.0**	**56.4**
Perkhidmatan pengantara	4.3	4.2	6.1	5.2	22.8	22.8
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	2.6	4.5	6.6	5.6	8.5	8.5
Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	5.3	4.1	5.7	4.9	14.3	14.3
Perkhidmatan akhir	4.1	3.3	3.4	3.4	34.2	33.6
Elektrik, gas dan air	3.9	7.3	5.1	6.2	4.0	4.0
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	2.6	0.6	2.4	1.5	14.9	14.4
Perkhidmatan kerajaan [1]	6.7	6.4	4.9	5.6	7.2	7.3
Perkhidmatan-perkhidmatan lain [2]	4.6	3.3	3.2	3.2	8.0	7.9

[1] Termasuk perkhidmatan awam (pentadbiran awam, hal ehwal luar serta keamanan dan keselamatan awam), pertahanan, kesihatan, pendidikan dan lain-lain.
[2] Termasuk bayaran sewa ke atas kediamanyang didiami oleh pemilik; perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian; perkhidmatan pengeluar swasta yang bukan berasaskan keuntungan kepada isi rumah; dan perkhidmatan rumah tangga bagi isi rumah.

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


merosot dengan ketara untuk seketika iaitu pada bulan April-Mei (purata sebanyak 500,000) sebelum beransur-ansur pulih pada bulan-bulan berikutnya. Pada bulan November, jumlah ketibaan pelancong mencecah tahap yang dicatat sebelum SARS melanda, iaitu melebihi satu juta pelancong.

Dalam kategori perkhidmatan akhir, **subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran** berkembang dengan sederhana kepada 1.5% pada tahun 2003. Pada suku kedua, subsektor ini menguncup sebanyak 2% akibat kecenderungan di kalangan pengguna untuk

Sektor perkhidmatan kekal berdaya tahan walaupun SARS melanda. Aktiviti meningkat dengan kukuh pada pertengahan tahun kedua disokong sebahagian besarnya oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh dan dibantu oleh Pakej Ekonomi.

Penurunan yang besar dalam ketibaan pelancong dan sentimen pengguna yang lemah pada suku kedua menyebabkan sektor perkhidmatan berkembang dengan perlahan, pada kadar 2.9%. Namun begitu, kejayaan membendung wabak ini di peringkat global dalam jangka masa yang singkat serta langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu industri yang terjejas oleh SARS dan memulihkan keyakinan pengguna, telah menyumbang kepada pemulihan sektor perkhidmatan pada pertengahan tahun kedua kepada 4.5% (pertengahan tahun pertama: 3.7%). Sementara subsektor perkhidmatan akhir meningkat pada kadar yang sederhana disebabkan terutamanya oleh SARS, pertumbuhan yang dicatat oleh subsektor perkhidmatan pengantara adalah lebih kukuh, disokong oleh aktiviti berkaitan perdagangan. Secara keseluruhan, peningkatan sektor perkhidmatan kekal pada 4.1% pada tahun 2003. Namun begitu, sumbangan sektor ini kepada KDNK menyusut sedikit daripada 57% pada tahun 2002 kepada 56.4%.

Graf 1.18
Trend Subsektor Perdagangan Borong dan Runcit, Hotel dan Restoran berbanding dengan Penggunaan Swasta dan Ketibaan Pelancong



menjauhi tempat-tempat awam sementara penurunan dalam ketibaan pelancong serta pembatalan beberapa mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran (MICE) menyebabkan kadar penginapan hotel di beberapa lokasi merosot kepada 30%. Namun begitu, Pakej Ekonomi yang diperkenalkan pada bulan Mei membantu industri yang berkaitan dengan pelancongan dan perjalanan menghadapi tempoh sukar tersebut serta merangsang permintaan dalam negeri. Permintaan terpendam yang kukuh ketika keyakinan pengguna yang semakin pulih dan peningkatan ketibaan pelancong ke paras yang dicapai sebelum wabak SARS turut menyokong pemulihan subsektor ini. Pada bulan September, purata kadar penginapan hotel meningkat melebihi 50%. Di samping itu, arah aliran harga saham yang meningkat di pasaran ekuiti dalam keadaan guna tenaga yang stabil serta pengeluaran bayaran bonus dan pelbagai perayaan akhir tahun turut memperkukuhkan sentimen pengguna, menyebabkan subsektor ini berkembang pada pertengahan tahun kedua.

Pertumbuhan nilai ditambah juga terjejas dengan persaingan yang lebih sengit di kalangan peruncit, terutamanya pasar raya besar, yang menurunkan harga bagi mendapatkan bahagian pasaran yang lebih besar. Walaupun arah aliran harga yang lebih rendah ini memberi manfaat kepada para pengguna secara amnya, tetapi persaingan harga ini telah mengecilkan margin peruncit. Tambahan pula, kecenderungan para pengguna membeli-belah di pasar raya besar dan pusat membeli-belah pelbagai konsep yang besar, menyebabkan beberapa peruncit bersaiz kecil dan sederhana meninggalkan industri ini serta rasionalisasi di kalangan peruncit sedia ada melalui penggabungan dan pengambilalihan.

Subsektor perkhidmatan lain termasuk perkhidmatan komuniti, sosial dan persendirian serta sewa imput daripada kediaman yang didiami oleh pemilik, berkembang pada kadar sederhana sebanyak 3.2% (2002: 4.6%). Peningkatan yang sederhana ini mencerminkan pertumbuhan perkhidmatan komuniti, sosial dan persendirian yang lebih perlahan disebabkan aktiviti hiburan dan perjudian yang terjejas akibat SARS pada suku kedua. Perkhidmatan pendidikan dan perubatan swasta turut terjejas, namun pada kadar yang kurang serius. Pada tahun 2003 secara keseluruhan, kedua-dua sektor tersebut mencatat prestasi yang lebih baik. Jumlah pelajar yang mengambil kursus pendidikan

Jadual 1.11
Penunjuk Terpilih bagi Sektor Perkhidmatan

	2002	2003*a*
	Perubahan tahunan (%)	
Indeks pengeluaran elektrik	10.3	5.8
Pinjaman yang belum dijelaskan dalam sistem perbankan	4.6	4.8
Premium insurans	13.3	14.0
Urus niaga BSKL (jumlah)	12.0	101.7
Bilangan penumpang Transit Aliran Ringan[1]	3.5	8.8
Ketibaan pelancong	4.0	-20.4
Jumlah penumpang di lapangan terbang	4.2	1.3
Kargo udara yang dikendalikan	16.3	6.9
Truput kargo pukal di lima pelabuhan utama[2]	4.9	9.7
Truput kontena di enam pelabuhan utama[3]	23.8	14.9
	%	
Kadar penginapan hotel	57.9	53.3
Kadar penembusan:		
- Internet 'dial-up'	10.5	11.4
- Jalur lebar	0.08	0.44
- Telefon mudah alih	36.9	43.9
- Talian tetap	18.8	18.1

[1] Termasuk STARline dan PUTRAline.

[2] Termasuk Pelabuhan Klang, Pelabuhan Johor, Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan-pelabuhan Sabah dan Pelabuhan Bintulu.

[3] Termasuk Pelabuhan Klang, Pelabuhan Johor, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan-pelabuhan Sabah dan Pelabuhan Bintulu.

a Awalan

Sumber:

Jabatan Perangkaan Malaysia; Malaysia Airports Holdings Berhad; Bursa Saham Kuala Lumpur; Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia; Kementerian Kewangan; Pengendali-pengendali pelabuhan; Syarikat Prasarana Negara Berhad; Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia; dan Bank Negara Malaysia

tinggi swasta di Malaysia meningkat kepada hampir 300,000 (2002: 294,600). Peningkatan ini mencerminkan kenaikan dalam jumlah pelajar dari Malaysia dan luar negeri. Begitu juga, industri perubatan swasta terus berkembang berikutan peningkatan permintaan oleh penduduk tempatan dan warga asing untuk mendapatkan perkhidmatan perubatan yang lebih baik. Pada tahun 2003, tinjauan Persatuan Hospital Swasta Malaysia menunjukkan bahawa jumlah pesakit warga asing yang dirawat di hospital swasta meningkat kepada 102,946 (2002: 84,585).

Subsektor perkhidmatan Kerajaan berkembang sebanyak 5.6% pada tahun 2003 (2002: 6.7%). Pertumbuhan ini mencerminkan perbelanjaan yang lebih tinggi ke atas emolumen berikutan penyelarasan gaji bagi kakitangan awam dengan perlaksanaan Skim Saraan Malaysia pada suku terakhir tahun 2002. Selaras dengan pengukuhan aktiviti ekonomi, **subsektor utiliti** mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi iaitu 6.2% (2002: 3.9%), mencerminkan terutamanya pertambahan permintaan elektrik dan peningkatan penggunaan gas dan air. Lima loji jana kuasa Penjana Kuasa Bebas yang mula beroperasi pada tahun 2003 juga menyumbang kepada peningkatan dalam penjanaan elektrik sepanjang tahun ini.

Dalam perkhidmatan pengantara, pertumbuhan **subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi** meningkat dengan kukuh sebanyak 5.6% pada tahun 2003 (2002: 2.6%), disebabkan terutamanya oleh aktiviti yang pesat dalam industri telekomunikasi. Industri telekomunikasi ini mendapat manfaat daripada ekonomi ikut bidangan berikutan penyusunan semula industri selular dan pelbagai langkah yang diambil untuk menggalakkan pertumbuhan bidang baru dalam telekomunikasi. Dalam segmen selular, pertumbuhan melonjak pada tahun 2003 disebabkan oleh pengembangan berterusan dalam bilangan pelanggan (11 juta; 2002: 9 juta) dan peningkatan penggunaan perkhidmatan tradisional telefon berasaskan suara dan aplikasi baru dalam perkhidmatan data mudah alih. Pada tahun 2003, penggunaan Perkhidmatan Pesanan Pendek (SMS) meningkat dengan ketara, didorong oleh penggunaan meluas SMS dalam pelbagai aplikasi seperti hiburan, penempahan tiket serta memuat turun data dan maklumat lain. Pertumbuhan dalam data mudah alih diperkukuhkan dengan pengenalan Perkhidmatan Pesanan Multimedia (MMS) pada separuh tahun kedua, yang membolehkan pengguna telefon mudah alih meningkatkan mutu pesanan mereka dengan memasukkan bunyi dan imej. Dengan telefon mudah alih menjadi lebih popular, jumlah pelanggan talian tetap terus menurun.

Pelbagai langkah yang diambil untuk menggalakkan pertumbuhan baru dalam industri telekomunikasi, seperti peningkatan penggunaan e-perdagangan dan perkhidmatan dalam talian bagi pembelian barang-barang dan perkhidmatan, menyokong pertumbuhan industri tersebut. Di samping itu, penurunan yuran akses bagi jalur lebar dan peningkatan permintaan bagi laluan internet laju menyebabkan bilangan pelanggan jalur lebar meningkat lima kali ganda kepada 110,400 pada 2003, sementara bilangan pelanggan internet meningkat sebanyak 10.1% kepada 2.9 juta.


Dalam industri pengangkutan, ketibaan pelancong yang lebih rendah mempengaruhi segmen penumpang udara. Pertumbuhan dalam segmen lain pula disokong oleh peningkatan aktiviti perdagangan dan pelancongan dalam negeri, terutamanya pada separuh tahun kedua. Berikutan kenaikan jumlah kargo tempatan dan pemunggahan, aktiviti di pelabuhan-pelabuhan kekal kukuh. Jumlah kargo kontena yang dikendalikan di enam pelabuhan utama meningkat sebanyak 14.9% pada tahun 2003 (2002: 23.8%). Perniagaan kargo udara juga dipertingkatkan dengan pengenalan program I-Port di dua pelabuhan utama. Ini membantu perpindahan barangan dengan lebih efisien di antara pelabuhan dan lapangan terbang dalam negara. Kempen yang agresif diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan pelancongan dalam negeri dan pertumbuhan pesat penerbangan bertambang murah ke lebih banyak destinasi dalam negeri menyumbang kepada peningkatan berterusan bilangan penumpang dalam negeri. Ini mengimbangi penurunan dalam penumpang antarabangsa pada tahun tersebut.

Pertumbuhan subsektor **kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan kewangan** kekal mapan pada 4.9% pada tahun 2003 (2002: 5.3%). Pertumbuhan berpunca daripada pertambahan pinjaman bank dalam suasana kadar faedah yang lebih rendah, aktiviti insurans yang lebih pesat serta peningkatan aktiviti dalam pasaran saham dan harta tanah pada penghujung tahun. Kadar faedah yang lebih rendah dan pakej pembiayaan menarik yang ditawarkan oleh institusi kewangan, dana tambahan yang disediakan oleh Kerajaan di bawah Pakej Ekonomi serta infrastruktur yang lebih baik bagi pengusaha kecil dan sederhana telah merangsang aktiviti pinjaman sepanjang tahun. Pertumbuhan nilai ditambah dalam sektor kewangan disokong oleh pendapatan faedah dan pertumbuhan kukuh dalam pendapatan berasaskan fi di institusi-institusi kewangan. Peningkatan yang ketara dalam premium insurans daripada produk konvensional dan takaful turut menyokong pertumbuhan nilai ditambah subsektor tersebut.

KEADAAN PERMINTAAN DALAM NEGERI

Keadaan permintaan dalam negeri bertambah kukuh pada tahun 2003, memandangkan ekonomi Malaysia berjaya mengatasi keadaan luaran yang tidak menentu, termasuk wabak SARS dan ketegangan geopolitik pada separuh tahun pertama. Pertumbuhan dijana terutamanya oleh aktiviti sektor swasta dan disokong oleh perbelanjaan sektor awam. Keadaan luaran yang bertambah baik, yang menyumbang kepada peningkatan keyakinan pengguna dan perniagaan, serta kesan positif daripada Pakej Ekonomi Kerajaan membantu meningkatkan aktiviti sektor swasta pada separuh tahun kedua. Suasana kadar faedah yang rendah, prospek guna tenaga yang stabil, harga komoditi yang tinggi, kedudukan aliran tunai korporat yang bertambah baik serta pelonggaran pemilikan ekuiti asing dalam sektor perkilangan meningkatkan lagi kesan limpahan positif daripada Pakej Ekonomi. Hasilnya, sektor swasta mengambil alih semula peranannya sebagai penjana utama pertumbuhan pada tahun 2003, diterajui oleh kekukuhan perbelanjaan pengguna dan pemulihan

Graf 1.19
Permintaan Agregat Dalam Negeri Benar



Keadaan permintaan dalam negeri bertambah kukuh pada tahun 2003. Sektor swasta mengambil alih semula peranan utamanya dalam menerajui pertumbuhan, disokong oleh penggunaan yang tinggi dan pemulihan dalam pelaburan swasta. Pertumbuhan perbelanjaan sektor awam menyederhana tetapi terus menyokong aktiviti sektor swasta.

keseluruhan, pertumbuhan **agregat permintaan dalam negeri** (tidak termasuk stok) mengukuh kepada 4.8% daripada 4.2% pada tahun 2002.

Sektor awam terus memainkan peranan penting dalam merangsang ekonomi. Langkah propertumbuhan yang dilaksanakan pada awal tahun 2003 membantu mengurangkan kesan SARS dan menyumbang kepada momentum pertumbuhan pada separuh tahun kedua. Secara keseluruhan, kadar pengembangan perbelanjaan sektor awam menyederhana kepada 5.5% pada tahun 2003, sejajar dengan langkah pengukuhan fiskal secara beransur-ansur.

Penggunaan awam dikekalkan pada tahap yang tinggi, meningkat sebanyak 7.9% pada tahun 2003, disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan yang tinggi ke atas bekalan dan perkhidmatan, emolumen dan pertahanan. Perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi adalah disebabkan terutamanya oleh langkah untuk memperbaiki sistem serahan sektor awam. Sementara itu, perbelanjaan ke atas emolumen yang lebih tinggi adalah disebabkan sebahagiannya oleh perlaksanaan Sistem Saraan Malaysia untuk kakitangan sektor awam (berkuat kuasa mulai November 2002) serta elaun kritikal khas bagi kakitangan hospital Kerajaan yang terlibat secara langsung dalam menangani kes berkaitan dengan SARS.

Pelaburan awam terus meningkat pada tahun 2003, walaupun secara sederhana, mencerminkan peranan sektor awam untuk menyediakan persekitaran yang menyokong aktiviti sektor swasta. Peningkatan dalam pelaburan awam ini mencerminkan perbelanjaan yang lebih tinggi untuk memperbaiki dan meningkatkan infrastruktur dalam negeri, termasuk jalan dan lebuh raya, serta kemudahan landasan, pelabuhan dan lapangan terbang. Perbelanjaan yang lebih tinggi juga digunakan untuk membina dan menaikkan taraf hospital serta klinik-klinik kesihatan dan luar bandar. Perbelanjaan ke atas pertanian dan pembangunan luar bandar juga meningkat pada tahun 2003 berikutan usaha Kerajaan untuk memodenkan sektor pertanian dan mengurangkan perbezaan pendapatan di antara kawasan bandar dan luar bandar dengan menggalakkan industri berasaskan pertanian. Sebahagian besar perbelanjaan terus disalurkan kepada pendidikan dan latihan, terutamanya pembangunan kemahiran dan latihan dalam bidang teknikal serta teknologi maklumat dan komunikasi untuk memudahkan peralihan kepada ekonomi berasaskan pengetahuan.

Jumlah perbelanjaan modal perusahaan awam bukan kewangan (PABK) kekal tinggi pada tahun 2003, disebabkan oleh program meningkat dan mengembangkan kapasiti. Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) terus melabur dalam projek penerokaan dan pengeluaran minyak serta pembinaan tangki gas asli cecair dan petroleum. Sebahagian besar daripada perbelanjaan Tenaga Nasional Berhad adalah untuk meningkatkan sistem penghantaran dan penjanaan

pelaburan swasta. Sementara itu, pertumbuhan perbelanjaan sektor awam menyederhana dengan Kerajaan terus menyediakan persekitaran yang sesuai untuk menyokong aktiviti sektor swasta. Secara

Jadual 1.12
Penunjuk Penggunaan Swasta

	2002	2003				
		S1	S2	S3	S4	Tahun
Jualan kereta penumpang (termasuk pacuan empat roda)						
'000 unit	375.4	85.1	83.2	89.6	76.5	334.4
Perubahan tahunan (%)	9.4	-7.4	-14.9	-9.5	-11.7	-10.9
Kutipan cukai						
Cukai jualan (RM bilion)	9.2	1.5	2.1	2.0	2.4	8.0
Cukai perkhidmatan (RM bilion)	2.2	0.4	0.7	0.4	0.6	2.0
Wang Secara Kecil (M1)						
Perubahan tahunan (%)	10.3	8.4	10.0	11.9	14.6	14.6
Pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan						
Kredit penggunaan (tidak termasuk kenderaan penumpang)						
Perubahan tahunan (%)	38.1	11.2	5.9	12.3	11.4	10.2
Perniagaan runcit, restoran dan hotel						
Perubahan tahunan (%)	-1.4	6.5	7.8	6.9	12.1	8.4
Jualan runcit MRA						
Perubahan tahunan (%)	3.0	-0.1	-2.9	3.9	8.4	3.6
Operasi kad kredit						
Jumlah perbelanjaan (RM bilion)	26.8	7.2	7.1	8.0	8.6	30.9
Perubahan tahunan (%)	25.0	18.8	13.8	15.5	14.2	15.5
Indeks Sentimen Pengguna MIER	-	105.2	106.9	112.8	115.5	-
Indeks Komposit BSKL	646.3	635.7	692.0	733.5	793.9	793.9
Harga komoditi						
MSM (RM/tan)	1,364	1,585	1,486	1,444	1,793	1,577
Minyak mentah (AS$/tong)	26	33	28	28	32	30
Getah (sen/kg)	292	364	367	387	486	401

kuasa, sementara sebahagian besar perbelanjaan Telekom Malaysia Berhad adalah untuk meningkat dan mengembangkan kapasiti bagi memperbaiki infrastruktur dan perkhidmatan telekomunikasi.

Sektor swasta mengambil alih semula peranannya sebagai penjana utama ekonomi Malaysia pada tahun 2003, dengan menyumbang sebanyak 2.5 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK benar. **Perbelanjaan sektor swasta** meningkat dengan ketara sebanyak 4.3% (0.7% pada tahun 2002), mencerminkan peningkatan pelaburan swasta dan pengukuhan perbelanjaan pengguna. **Penggunaan swasta** meningkat pada kadar yang lebih pesat sebanyak 5.1% pada tahun 2003, selepas permulaan yang teragak-agak, terutama pada kemuncak ketegangan geopolitik dan wabak SARS pada suku kedua. Penggunaan swasta yang kurang memberangsangkan pada bulan April dan Mei, meningkat mulai bulan Jun apabila keyakinan pengguna bertambah baik berikutan kejayaan membendung ancaman wabak SARS dan pengumuman Pakej Ekonomi untuk meningkatkan permintaan dalam negeri. Langkah-langkah untuk meningkatkan pendapatan boleh guna isi rumah termasuk mengurangkan caruman pekerja kepada KWSP secara sukarela dan beberapa pengecualian cukai. Kadar faedah yang lebih rendah berikutan penurunan kadar faedah dasar oleh Bank Negara Malaysia meningkatkan lagi keyakinan pengguna. Hasilnya, perbelanjaan pengguna meningkat dan kembali normal pada suku ketiga. Peningkatan perbelanjaan juga mencerminkan kesan permintaan terpendam, dengan peningkatan pembelian kereta pengguna dan barang tahan lama serta perbelanjaan di hotel dan restoran pada suku ketiga. Jualan runcit juga meningkat dan mencatatkan pertumbuhan positif pada suku ketiga dan seterusnya mengukuh lagi pada suku terakhir, disebabkan oleh faktor musim seperti perayaan, pembayaran bonus pada akhir tahun dan pembelian untuk permulaan sesi persekolahan. Faktor-faktor lain yang menyokong peningkatan perbelanjaan pengguna pada tahun 2003 termasuk kesan kekayaan yang positif berikutan peningkatan prestasi pasaran saham serta kesan pengganda daripada pendapatan di luar bandar yang lebih tinggi berikutan peningkatan harga komoditi.

Perkembangan paling ketara pada tahun 2003 ialah pemulihan **pelaburan swasta** bermula dari suku ketiga. Untuk keseluruhan tahun, pelaburan swasta meningkat sebanyak 1.1% setelah mencatat penguncupan selama dua tahun berturut-turut. Pengembangan pelaburan sektor swasta mencerminkan keyakinan peniaga yang bertambah baik, terutamanya pada separuh tahun kedua. Selain daripada itu, penggunaan kapasiti yang bertambah baik berikutan peningkatan permintaan luaran dan pengeluaran menyokong aktiviti perbelanjaan modal, terutamanya dalam sektor perkilangan. Faktor lain yang menyokong peningkatan aktiviti pelaburan adalah kadar faedah yang rendah serta peningkatan keuntungan dan kedudukan aliran tunai syarikat yang lebih baik sejajar dengan peningkatan jualan dan keuntungan.

Pelaburan dalam kebanyakan sektor ekonomi meningkat kecuali dalam sektor pengangkutan dengan perbelanjaan modal semakin berkurangan berikutan penyiapan beberapa projek besar, dan dalam sektor telekomunikasi. Pelaburan dalam **sektor perkilangan** bertukar mencatatkan


Jadual 1.13
Penunjuk Pelaburan Swasta

	2002	2003				
		S1	S2	S3	S4	Tahun
Jualan kenderaan perdagangan, termasuk pacuan empat roda						
'000 unit	59.6	14.9	16.2	19.4	20.1	70.6
Perubahan tahunan (%)	12.2	4.2	7.4	24.5	37.2	18.5
Permohonan kepada MITI						
Bilangan projek	878	208	225	272	228	933
Pelaburan modal (RM bilion)	18.8	12.2	5.1	4.2	4.3	25.8
Asing	11.7	5.7	1.7	1.8	2.3	11.6
Dalam negeri	7.0	6.4	3.4	2.4	2.0	14.1
Kelulusan oleh MITI						
Bilangan projek	792	292	199	261	213	965
Pelaburan modal (RM bilion)	17.9	5.3	2.7	12.0	9.1	29.1
Asing	11.6	2.1	1.7	6.0	5.8	15.6
Dalam negeri	6.3	3.2	0.9	6.0	3.3	13.5
Syarikat berstatus MSC						
Bilangan syarikat	191	41	42	39	39	161
Pelaburan yang diluluskan (RM bilion)	2.7	0.3	0.4	0.3	0.5	1.6
Pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan						
Sektor perkilangan						
Perubahan tahunan (%)	0.9	1.9	3.0	7.3	7.0	4.8
Sektor pembinaan						
Perubahan tahunan (%)	41.8	-1.3	-34.3	11.2	3.5	-8.5
Perkhidmatan perniagaan						
Perubahan tahunan (%)	-7.4	7.4	-20.6	27.1	22.9	6.7
Sekuriti hutang swasta						
Jumlah dana yang diperoleh (RM bilion)	26.7	16.2	12.0	6.4	8.3	42.8
Tawaran Awam Permulaan (BSKL)						
Jumlah dana yang diperoleh (RM bilion)	6.8	0.2	0.2	0.6	3.0	4.0
Tinjauan Keadaan Perniagaan MIER						
Indeks Keadaan Perniagaan	-	99.3	104.9	109.8	109.9	-
Kadar Penggunaan Kapasiti (%)	-	79.6	78.0	79.6	81.1	-


pertumbuhan positif sebanyak 3.2% pada tahun 2003 (2002: -32.8%). Ini mencerminkan keadaan perniagaan yang bertambah baik dan kadar penggunaan kapasiti yang tinggi (82% pada tahun 2003). Perbelanjaan modal oleh sektor perkilangan adalah dalam bentuk pembelian jentera dan kelengkapan memandangkan industri perlu mengembangkan kapasiti pengeluaran berikutan permintaan dan kadar penggunaan yang tinggi.

Perkembangan yang positif pada tahun 2003 adalah peningkatan yang ketara dalam jumlah

Graf 1.20
Pelaburan Meningkat Sejajar dengan Peningkatan Keuntungan




Graf 1.21
Pelaburan Swasta Mengikut Sektor (% bahagian)



cadangan permohonan dan kelulusan pelaburan dalam sektor perkilangan. Ini menunjukkan peningkatan keyakinan peniaga dan keperluan untuk meningkatkan kapasiti baru. Jumlah permohonan yang diterima meningkat sebanyak 37.1% kepada RM25.8 bilion sementara jumlah pelaburan yang diluluskan meningkat dengan ketara sebanyak 62.8% kepada RM29.1 bilion. Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, lebih kurang 77% adalah untuk pelaburan baru sementara bakinya adalah pelaburan semula. Tidak seperti tahun-tahun lepas, iaitu industri elektrik dan elektronik mencakupi bahagian besar daripada pelaburan yang diluluskan, sebahagian besar pelaburan yang diluluskan pada tahun 2003 adalah dalam industri logam asas. Ia mencakupi bahagian yang nyata sebanyak 30% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. Ini diikuti oleh sektor kelengkapan pengangkutan (24%) dan industri elektrik dan elektronik (17%).

Graf 1.22
Pelaburan Sektor Perkilangan dan Penggunaan Kapasiti




Terdapat sedikit peralihan dalam corak pelaburan kepada pelaburan yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi serta projek yang berteknologi tinggi, melibatkan tenaga pekerja yang lebih mahir dan modal yang lebih tinggi. Sebagai contohnya, dalam subsektor elektronik pengguna, kebanyakan syarikat telah beralih daripada pengeluaran barangan tradisional kepada barangan yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi, seperti alat perakam audio digital, speaker multimedia, serta set televisyen plasma dan teater rumah. Sementara itu, dalam subsektor elektronik, projek yang diluluskan adalah untuk komputer dan kelengkapan komputer serta peralatan telekomunikasi yang berkualiti tinggi. Sesetengah syarikat juga menubuhkan pusat penyelidikan dan pembangunan sendiri untuk meningkatkan keupayaan mereka cipta dan mengurangkan kos. Peralihan kepada teknologi dan nilai ditambah yang lebih tinggi dicerminkan dalam peningkatan keamatan modal secara beransur-ansur yang diukur sebagai nilai pelaburan modal ke atas pekerja (CIPE). CIPE telah meningkat daripada RM0.08 juta pada tahun 1980-an kepada RM0.24 juta pada tahun 1990-an dan RM0.38 juta pada tahun 2003.


Jumlah pelaburan asing yang diluluskan meningkat dengan ketara iaitu sebanyak 35.1% kepada RM15.6 bilion dan mencakupi 53.7% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, mencerminkan peningkatan keyakinan pelabur asing. Daripada jumlah tersebut, 28% adalah pelaburan semula oleh pelabur asing yang sedia ada manakala 72% adalah bagi aktiviti baru. Ini menunjukkan Malaysia kekal sebagai tempat pelaburan yang menarik walaupun terdapat persaingan daripada negara serantau yang lain. Lima sumber pelaburan asing terpenting di Malaysia pada tahun 2003 adalah Negara Emiriyah Arab Bersatu, United Kingdom, Amerika Syarikat, Jepun dan Singapura dengan kesemuanya mencakupi 80% daripada jumlah projek pelaburan asing yang diluluskan. Salah satu daripada projek yang diluluskan termasuk projek yang berteknologi tinggi dari United Kingdom untuk membangunkan platform pemantauan dan komunikasi beraltitud tinggi yang berasaskan stratosfera. Ini akan menjadi sistem pemantauan dan komunikasi sedunia memandangkan ia melengkapkan infrastruktur udara satelit kontemporari.

Sementara itu, pengilang tempatan menjadi lebih agresif dalam rancangan pengembangan perniagaan dengan bahagian jumlah permohonan pelaburan melebihi bahagian pelabur asing buat kali pertama sejak tahun 1997. Jumlah pelaburan tempatan yang diluluskan meningkat melebihi sekali ganda kepada

Graf 1.23
Pelaburan Swasta dalam Sektor Perkilangan



Graf 1.24
Pelaburan Perkilangan yang Diluluskan Mengikut Industri, 2003 (% bahagian)



RM13.5 bilion, mencerminkan reaksi positif pelabur terhadap dasar Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan tempatan sebagai penjana pertumbuhan ekonomi. Perkembangan ini juga mencerminkan kejayaan usaha Kerajaan dalam menggalakkan pengilang tempatan meningkatkan kapasiti pengeluaran serta bekerjasama dengan pengilang asing dalam meneroka peniagaan baru. Melainkan satu pelaburan besar dalam industri keluaran logam asas, pelaburan tempatan tertumpu kepada industri bukan berasaskan sumber yang tinggi nilai ditambah seperti kelengkapan pengangkutan, keluaran elektrik dan elektronik dan keluaran logam direka.

Pelaburan dalam **sektor pembinaan** terus mencatatkan peningkatan sederhana pada tahun 2003. Sebahagian besar daripada pelaburan pembinaan mencerminkan aktiviti subsektor kediaman yang disokong oleh keadaan pasaran harta tanah yang baik, didorong oleh kadar faedah rendah yang ditawarkan oleh institusi perbankan dan Pakej Ekonomi Kerajaan bagi sektor harta tanah. Selain daripada itu, pelaburan modal dalam sektor ini juga disokong oleh aktiviti dalam beberapa projek lebuh raya yang diswastakan seperti Lebuh raya Baru Pantai, Jalan Lingkaran Kajang, Lebuh raya Koridor Guthrie, Lebuh raya SPRINT (Jalan Penchala), Lebuh raya Kajang-Seremban, Lebuh raya Jelutong dan Jalan Lingkaran Luar Butterworth.

Aktiviti pelaburan yang lebih kukuh dalam **sektor perkhidmatan** dapat dilihat dalam subsektor utiliti dan subsektor perdagangan runcit dan borong dan perniagaan. Perbelanjaan modal dalam subsektor utiliti terus meningkat pada tahun 2003, disokong oleh aktiviti projek bekalan air dan kerja pembangunan di beberapa stesen jana kuasa. Stesen jana kuasa yang mula beroperasi termasuklah Stesen Jana kuasa Teknologi Tenaga Perlis, Stesen Jana kuasa Prai dan Stesen Jana kuasa Panglima, manakala pembinaan stesen jana kuasa 2,100MW yang baru di Tanjung Bin sedang dilaksanakan. Penggabungan dalam industri telekomunikasi memberi kesan kepada pelaburan dalam subsektor ini, dengan perbelanjaan modal berkurangan berikutan aktiviti rasionalisasi syarikat-syarikat telekomunikasi yang terlibat dalam proses integrasi. Memandangkan persaingan hebat, terutamanya dalam sektor perkhidmatan selular, pelaburan dalam subsektor telekomunikasi bertumpu pada usaha memperbaiki kualiti rangkaian yang sedia ada dan memperluaskan kawasan liputan. Pelaburan dalam subsektor pengangkutan disokong sebahagian besarnya oleh pembangunan pelabuhan, terutamanya peningkatan kapasiti Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pelabuhan Barat Kelang dan Pelabuhan Kuantan. Pada tahun kebelakangan ini, arah aliran perbelanjaan modal dalam subsektor ini menurun berikutan penyiapan beberapa projek rel utama. KL Monorel telah disiapkan pada tahun 2003 dan mula beroperasi pada separuh tahun kedua.

Perbelanjaan modal dalam perniagaan runcit mencerminkan pembukaan beberapa cawangan baru berikutan program pengembangan perniagaan oleh pengusaha pasar raya besar *(hypermarkets)* utama dan peruncit ternama. Beberapa insentif yang diperkenalkan oleh Kerajaan telah menarik minat syarikat untuk menubuhkan pusat perkhidmatan perkongsian *(shared services centres)* di Malaysia, yang menawarkan perkhidmatan teknologi maklumat, pembangunan perisian, pengurusan pelanggan dan pemprosesan data untuk operasi global atau serantau syarikat terbabit. Penubuhan pusat perkhidmatan perkongsian meliputi perbelanjaan modal tambahan untuk infrastruktur teknologi dan logistik. Sementara itu, projek pembangunan utama pada tahun 2003 adalah projek pembangunan bercampur *(mixed development) Proton City*.

Sebahagian besar daripada perbelanjaan modal baru dalam **sektor perlombongan** adalah dalam subsektor minyak dan gas, dirangsang oleh peningkatan aktiviti huluan dalam penerokaan dan pengeluaran. Permintaan dan harga minyak mentah yang tinggi memberi galakan kepada syarikat untuk meningkatkan perbelanjaan modal bagi kemudahan pengeluaran. Pelaburan dalam **sektor pertanian** kekal mapan disebabkan sebahagian besarnya oleh aktiviti tanaman ladang, dengan sumbangan besar daripada ladang kelapa sawit, didorong oleh harga dan permintaan untuk minyak sawit mentah yang lebih tinggi. Sebahagian besar perbelanjaan modal adalah untuk meningkatkan kecekapan proses penuaian tanaman dan juga untuk aktiviti penanaman semula. Peningkatan pelaburan dalam sektor pertanian juga dicerminkan dalam pertambahan import peralatan pertanian pada tahun 2003. Tambahan pula, pelaburan yang lebih tinggi yang diperuntukkan di bawah Dasar Pertanian Negara terus menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam sektor ini, terutamanya dalam pengeluaran makanan.

Walaupun perbelanjaan penggunaan bertambah kukuh pada tahun 2003, **tabungan negara kasar** meningkat sebanyak 18.1%. Pendapatan yang lebih tinggi daripada pemulihan dalam permintaan luaran dan perolehan eksport yang kukuh akibat harga komoditi yang tinggi menyebabkan pendapatan

Jadual 1.14
Jurang Tabungan-Pelaburan

	2002	2003a
	(RM juta)	
Pembentukan modal dalam negeri kasar awam	53,698	56,304
Tabungan awam	63,496	66,313
Defisit / lebihan	9,798	10,009
Pembentukan modal dalam negeri kasar swasta[1]	31,317	29,329
Tabungan swasta	52,013	70,081
Defisit / lebihan	20,696	40,752
Pembentukan modal dalam negeri kasar	85,015	85,633
(% daripada KNK)	25.3	23.2
Tabungan negara kasar	115,509	136,394
(% daripada KNK)	34.4	36.9
Imbangan akaun semasa	30,494	50,761
(% daripada KNK)	9.1	13.7

[1] Termasuk perubahan dalam stok. Sebelum ini, perubahan dalam stok dibahagikan di antara pembentukan modal dalam negeri kasar awam dan swasta.

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

negara kasar dalam nilai nominal meningkat dengan ketara.

Dalam sektor swasta, sektor isi rumah dan korporat mempunyai aliran tunai yang lebih kukuh, disebabkan oleh pendapatan boleh guna yang lebih tinggi hasil daripada langkah-langkah dalam Pakej Ekonomi, peningkatan pesat aktiviti dalam negeri dan permintaan luaran, serta harga komoditi yang lebih tinggi. Ini membolehkan penggunaan swasta bertambah kukuh pada tahun 2003, manakala tabungan sektor swasta meningkat dengan pesat sebanyak 34.7%, dengan tabungan korporat sebagai penyumbang utama. Tabungan korporat yang lebih tinggi dicerminkan oleh peningkatan yang nyata dalam deposit baru yang disimpan oleh perniagaan dalam institusi perbankan sebanyak RM13.9 bilion, berbanding pengeluaran bersih sebanyak RM154 juta pada tahun 2002. Walaupun penggunaan awam lebih tinggi, tabungan sektor awam meningkat sebanyak 4.4% disebabkan terutamanya oleh prestasi hasil Kerajaan Persekutuan dan PABK yang lebih baik.


Secara keseluruhan, bahagian tabungan negara kasar kepada keluaran negara kasar (KNK) meningkat kepada 36.9% pada tahun 2003 berbanding sebanyak 34.4% pada tahun 2002. Kadar tabungan yang tinggi ini membolehkan Malaysia membiayai pertumbuhan ekonomi dengan sumber dalam negeri. Memandangkan pemulihan dalam pelaburan masih berada di peringkat awal, pembentukan modal dalam negeri kasar (termasuk stok) mencatatkan pertumbuhan yang sederhana. Oleh yang demikian, imbangan tabungan pelaburan seperti yang dicerminkan oleh akaun semasa dalam imbangan pembayaran mencatatkan lebihan yang lebih tinggi sebanyak RM50.8 bilion atau 13.7% daripada KNK. Lebihan tabungan pelaburan dijangka menyederhana apabila pemulihan dalam pelaburan menjadi kukuh sejajar dengan pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat.

HARGA DAN GUNA TENAGA


Harga Pengguna

Kadar inflasi kekal rendah dan stabil pada tahun 2003. Kadar inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), menyederhana pada tahap 1.2% berbanding 1.8% pada tahun lepas. Inflasi teras, iaitu

Graf 1.25
Inflasi: Kadar Perubahan Tahunan



Graf 1.26
Sumbangan kepada Perubahan Tahunan Indeks Harga Pengguna



Jadual 1.18
Penunjuk Inflasi

	Wajaran	2002	2003
Indeks Harga Pengguna (2000=100)		Perubahan tahunan %	
	100.0	**1.8**	**1.2**
antaranya:			
Makanan	33.8	0.7	1.3
Minuman dan tembakau	3.1	4.2	1.6
Pakaian dan kasut	3.4	-2.3	-2.0
Sewa kasar, bahan api dan kuasa	22.4	0.7	0.9
Perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah	5.3	-0.4	-0.6
Perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan	1.8	2.4	1.7
Pengangkutan dan perhubungan	18.8	6.6	1.6
Perkhidmatan rekreasi, hiburan, pelajaran dan kebudayaan	5.9	0.2	0.6
Pelbagai barang dan perkhidmatan	5.5	1.1	1.3
Indeks Harga Pengguna			
Barang Tahan Lama	9.4	-0.8	-1.1
Barang Semi tahan Lama	5.4	-1.6	-1.4
Barang Tidak Tahan Lama	40.2	1.6	1.6
Perkhidmatan	45.0	3.0	1.3
Indeks Harga Pengeluar (1989=100)	**100.0**	**4.4**	**5.8**
antaranya:			
Pengeluaran tempatan	79.3	5.7	7.0
Import	20.7	-0.7	0.8
Indeks Harga Rumah (1990=100)		**-0.6**	**-**
antaranya:			
Lembah Klang		-0.3	-
Johor Bahru		-6.0	-
Pulau Pinang		-5.2	-

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
NAPIC, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

kadar inflasi yang menyisihkan harga barang-barang kawalan dan barangan yang harganya tidak menentu, serta harga barangan yang tertakluk kepada pelarasan – kekal stabil pada tahap 0.6% pada tahun 2003 (0.5% pada tahun 2002). Gabungan beberapa faktor telah menyumbang kepada kadar inflasi yang rendah. Walaupun permintaan dalam negeri mengukuh, kapasiti berlebihan dalam sektor tertentu dan kurangnya tekanan kos upah, di samping produktiviti guna tenaga yang meningkat, membantu mengawal tekanan harga. Pelarasan harga yang kecil bagi harga runcit minyak petrol, diesel dan gas memasak serta kadar sewa telefon pada bulan Mac 2003, menyumbang sebanyak 0.4 mata peratusan kepada kadar inflasi pada tahun tersebut.

Perubahan harga bagi pengangkutan dan perhubungan menyederhana dengan ketara pada tahun 2003, disebabkan sebahagiannya oleh asas yang lebih tinggi pada tahun 2002 walaupun harga petroleum dan barangan berkaitan mencatatkan kenaikan. Harga bagi pakaian dan kasut, perabot, hiasan dalaman dan pengendalian rumah terus menyusut pada tahun tersebut berikutan kapasiti berlebihan dan peningkatan persaingan barangan import.

Permintaan yang semakin mengukuh dicerminkan terutamanya oleh harga yang lebih tinggi bagi makanan, sewa, bahan api dan kuasa. Secara amnya, kenaikan harga makanan mencerminkan permintaan yang semakin mengukuh di samping

harga komoditi yang lebih tinggi dan harga yang lebih tinggi bagi barangan import makanan tertentu. Sementara itu, kadar sewa mencatatkan kenaikan yang sederhana. Kadar sewa bagi rumah bernilai rendah meningkat 1%, sementara kenaikan bagi rumah bernilai tinggi adalah sebanyak 0.8%.

Harga Pengeluar


Harga pengeluar, yang diukur oleh Indeks Harga Pengeluar (IHPR), meningkat pada kadar tahunan yang lebih tinggi iaitu 5.7% pada tahun 2003 (3.7% pada tahun 2002), mencerminkan sebahagian besarnya oleh harga yang lebih tinggi bagi barangan yang berkaitan dengan komoditi berikutan kenaikan harga minyak sawit mentah, getah dan minyak mentah. Tidak termasuk barangan yang berkaitan dengan komoditi, harga pengeluar kekal rendah dengan peningkatan sebanyak 0.5% (0.1% pada tahun 2002). Harga yang dibayar bagi barangan import meningkat 0.8% (-0.7% pada tahun 2002), mencerminkan terutamanya harga petroleum yang lebih tinggi dan peningkatan nilai mata wang utama berbanding ringgit.

Perkembangan Pasaran Pekerja

Keadaan pasaran pekerja dalam negeri kekal stabil dan positif. Pada tahun 2003, pertumbuhan keseluruhan jumlah guna tenaga dan tenaga pekerja berkembang secara sederhana pada kadar yang sama masing-masing sebanyak 3.3% kepada 10.2 juta pekerja dan 10.5 juta orang. Kadar pengangguran kekal rendah pada paras 3.5%. Langkah-langkah tambahan telah diambil pada tahun 2003 bertujuan untuk meningkatkan kualiti pekerja, mengurangkan ketidakpadanan kemahiran dan menangani permintaan yang berubah dalam ekonomi.


Keluk Beveridge, yang menjejaki corak pengangguran dan kekosongan dalam pasaran

Graf 1.27
Keluk Beveridge untuk Malaysia (1998 - 2003)



Sumber: Unit Perancang Ekonomi
Kementerian Sumber Malaysia
Bank Negara Malaysia

Graf 1.28
Keluaran dan Guna Tenaga



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Unit Perancang Ekonomi
Bank Negara Malaysia


Jadual 1.16
Penunjuk Pasaran Pekerja

	1999	2000	2001	2002	2003*a*
Tenaga pekerja ('000)	9,177.8	9,572.5	9,892.1	10,198.8	10,535.3
(perubahan tahunan dalam %)	3.7	4.3	3.3	3.1	3.3
Guna tenaga ('000)	8,869.6	9,271.2	9,532.5	9,840.0	10,166.2
(perubahan tahunan dalam %)	3.5	4.5	2.8	3.2	3.3
Kadar pengangguran (%)	3.4	3.1	3.6	3.5	3.5
Produktiviti pekerja (KDNK/Guna tenaga)					
(perubahan tahunan dalam %)	2.6	3.9	-2.4	0.9	2.0
Upah benar bagi seorang pekerja dalam sektor perkilangan					
(perubahan tahunan dalam %)	3.1	5.0	1.6	3.2	2.6

a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Unit Perancang Ekonomi dan Bank Negara Malaysia

Graf 1.29
Guna Tenaga Mengikut Sektor



Sumber: Unit Perancang Ekonomi

pekerja, beralih ke bawah dan ke dalam pada tahun 2003. Ini menandakan pusingan ganti dalam pasaran pekerja adalah lebih rendah manakala proses memadankan pekerja dengan jawatan menjadi lebih cekap. Perkara ini disahkan oleh hasil kajian lain. Kaji selidik Gaji, Faedah dan Keadaan Guna Tenaga di Sektor Perkilangan oleh Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) menunjukkan bahawa kadar purata pusingan ganti bulanan keseluruhan adalah lebih rendah sebanyak 1.76% pada tahun 2003 (2002: 4.1%). Begitu juga, Kaji selidik Gaji dan Kemudahan Tambahan oleh Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), yang termasuk firma-firma daripada sektor-sektor bukan perkilangan, menunjukkan bahawa kadar purata pusingan ganti bulanan keseluruhan kekal rendah pada 1.76% pada tahun 2003 (2002: 1.66%).

Pusingan ganti yang rendah dalam pasaran pekerja juga dicerminkan dalam data kekosongan dan pemberhentian pekerja untuk tahun 2003, manakala data mengenai pencari pekerjaan yang sudah dan belum ditempatkan mencerminkan kecekapan dalam proses memadankan pekerja dengan jawatan. Pertumbuhan dalam jumlah kekosongan yang dilaporkan, terutamanya yang terdapat dalam sektor perkilangan, pertanian, perkhidmatan dan pembinaan, menyederhana sebanyak 40% kepada 96,918 (2002: 162,787). Pemberhentian pekerja, yang kebanyakannya berlaku dalam sektor perkilangan dan sektor berkaitan pelancongan, juga merosot sebanyak 20% (21,206 orang; 2002: 26,452). Sebab-sebab utama pemberhentian pekerja termasuk pengurangan permintaan barangan, pengorganisasian semula syarikat dan penutupan syarikat. Sebab-sebab yang lain termasuk penyempurnaan projek, pengurangan dalam pengeluaran dan guna tenaga serta penggunaan khidmat luaran. Pertumbuhan dalam jumlah penempatan pada tahun 2003 menyederhana sebanyak 16%, walaupun penyederhanaan dalam pertumbuhan kekosongan jawatan adalah lebih tinggi. Pada masa yang sama, bilangan pencari pekerjaan yang ditempatkan berjumlah 28,404 orang pada akhir tahun 2003, iaitu bilangan terendah sejak bulan Januari 2001. Kedua-dua perkembangan ini menandakan kecekapan yang lebih tinggi dalam proses memadankan pekerja dengan kekosongan jawatan.

Memandangkan terdapat guna tenaga tidak penuh dalam sektor-sektor tertentu, lonjakan dalam aktiviti ekonomi tidak menimbulkan tekanan terhadap **upah** pada tahun 2003. Penunjuk yang sedia ada mengenai upah menunjukan kenaikan kadar upah terus menyederhana pada tahun 2003:


- Data daripada Kaji selidik Bulanan Industri Perkilangan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan menunjukkan bahawa pada asas tahunan, upah benar bagi setiap pekerja meningkat sebanyak 2.6% (2002: 3.2%).

- Kaji selidik Gaji dan Kemudahan Tambahan oleh MEF menunjukan kenaikan dalam purata gaji sektor swasta adalah lebih rendah sedikit pada 5.8% pada tahun 2003 (2002: 6%). Mengikut sektor, kenaikan purata gaji dalam sektor bukan perkilangan adalah lebih tinggi (6.1% pada tahun 2003 dan 2002) berbanding sektor perkilangan (5.5%; 2002: 5.9%). Purata gaji bulanan minimum yang ditawarkan kepada pemegang ijazah am adalah lebih rendah sedikit pada RM1,669 (2002: RM1,675).


- Kaji selidik Gaji, Faedah dan Keadaan Guna Tenaga dalam sektor perkilangan yang dijalankan oleh FMM menunjukkan kenaikan dalam gaji

Keadaan pasaran pekerja kekal memberangsangkan disokong oleh pertumbuhan produktiviti yang lebih tinggi.

Graf 1.30
Pemberhentian di Sektor-sektor Tertentu



Graf 1.31
Sebab-sebab Pemberhentian Pekerja



1 Penggulungan syarikat/syarikat ditutup
2 Penjualan syarikat
3 Pemindahan syarikat ke negara asing
4 Pemindahan syarikat dalam negara
5 Kos pengeluaran tinggi
6 Kemerosotan pasaran produk
7 Penyusunan semula organisasi dan automasi
8 Lain-lain

Sumber: Kementerian Sumber Manusia

purata keseluruhan yang dibayar kepada pekerja juga menyederhana pada 5.5% pada tahun 2003, manakala gaji purata asas graduan baru adalah sebanyak RM1,861.

- Hanya terdapat dua mogok yang berkaitan dengan permintaan gaji yang lebih tinggi pada tahun 2003, iaitu sama seperti tahun yang lepas.

Produktiviti pekerja yang diukur dengan nisbah KDNK kepada jumlah guna tenaga bertambah baik dengan ketara dengan kadar pertumbuhan berganda kepada 2% pada tahun 2003 (2002: 0.9%). Pertumbuhan produktiviti adalah disebabkan terutamanya oleh peningkatan pengeluaran dalam kesemua sektor utama sejajar dengan aktiviti ekonomi yang lebih kukuh. Khususnya, produktiviti dalam sektor perkilangan bertukar arah untuk mencatat pertumbuhan positif sebanyak 3% (2002: -0.8%) disebabkan pertambahan dalam pengunaan modal. Sektor pertanian dan perkhidmatan mencatat pertumbuhan produktiviti yang lebih tinggi masing-masing pada 5.7% dan 0.7% (2002: masing–masing sebanyak 3.1% dan 0.5%). Pertumbuhan produktiviti yang lebih tinggi dalam sektor pertanian adalah disebabkan oleh keadaan cuaca yang baik, iaitu satu faktor penting dalam menentukan hasil keluaran pertanian, amalan pertanian yang lebih baik dan automasi yang lebih tinggi.

Untuk jangka lebih panjang, Kerajaan terus menggalakkan firma-firma untuk menggunakan amalan kerja yang lebih baik, meningkatkan penggunaan jentera dan automasi di samping memperkenalkan perubahan struktur untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti bagi mengatasi kekurangan pekerja, khususnya untuk pekerjaan-pekerjaan di tahap yang rendah. Buat masa ini, Kerajaan terus meluluskan pengambilan **pekerja asing** yang baru dari negara-negara yang ditetapkan, iaitu Bangladesh, Kemboja, Republik Rakyat China, India, Indonesia, Kazakhstan, Republik Kyrgyz, Republik Demokratik Rakyat Lao, Myanmar, Nepal, Pakistan, Filipina, Sri Lanka, Thailand, Turkmenistan, Uzbekistan dan Vietnam. Pada tahun 2003, Kerajaan menandatangani sebanyak enam Memoranda Persefahaman, iaitu dengan Bangladesh, Republik Rakyat China, Sri Lanka, Thailand, Pakistan dan Vietnam dengan tujuan untuk mengawal proses dan prosedur pengambilan, manakala persefahaman secara dasar telah dipersetujui dengan Nepal dan Republik Kyrgyz.

Pada tahun 2003, kelulusan telah diberi bagi penggajian seramai 516,355 pekerja asing baru (2002: 545,725), terutamanya dalam sektor pertanian, perkilangan dan pembinaan. Sebahagian besar daripada pekerja baru tersebut berasal dari Indonesia, sementara yang lain, adalah terutamanya dari Nepal, Vietnam, India, Myanmar dan Thailand. Pada keseluruhannya, bilangan pekerja asing berdaftar di negara ini meningkat sebanyak 17% kepada 1,239,862 orang (2002: 1,057,156) dan mencakupi lebih


kurang 12% daripada jumlah tenaga pekerja. Sebahagian besar daripada mereka bekerja dalam sektor perkilangan, diikuti oleh sektor pertanian, perkhidmatan (termasuk pembantu rumah) dan pembinaan. Lebih kurang 70% daripada jumlah pekerja asing adalah berasal dari Indonesia, manakala pekerja dari Nepal dan Bangladesh merupakan kumpulan kedua dan ketiga terbesar, masing-masing sebanyak 8% dan 7%.

Dasar penggajian pekerja asing terus dilonggarkan untuk memenuhi keperluan bagi kemahiran dalam bidang tertentu. Oleh yang demikian, tempoh penggajian pekerja asing yang terlibat dalam bidang 3'D' (*Difficult, Dirty and Dangerous* atau Sukar, Kotor dan Merbahaya) telah dilanjutkan daripada lima tahun kepada tempoh maksimum sepuluh tahun. Begitu juga, dasar penggajian ekspatriat dalam sektor perkilangan telah dilonggarkan.

Memandangkan strategi untuk mempelbagaikan kepada sektor pertumbuhan baru, terutamanya perkhidmatan berkaitan perkilangan dan penyelidikan dan reka bentuk serta industri-industri berteknologi tinggi, peluang-peluang pekerjaan adalah lebih banyak dalam sektor yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi yang memerlukan kemahiran khusus yang tinggi. Oleh yang demikian, program *Brain-Gain* telah dilancarkan pada tahun 2001 untuk menggalak warganegara Malaysia yang berada di luar negeri dan mempunyai kepakaran khas dalam bidang tertentu, seperti perubatan dan kesihatan, ICT, perakaunan dan kewangan untuk pulang berkhidmat di Malaysia. Program tersebut berjaya menarik permohonan daripada seramai 599 orang professional, dan 234 daripadanya telah diluluskan.

Sementara itu, di bawah Pakej Ekonomi, sebuah Tabung Latihan Semula dengan dana sebanyak RM100 juta telah dilancarkan dengan tujuan untuk membantu **siswazah menganggur** memperoleh kemahiran yang mempunyai permintaan seperti ICT dan perakaunan. Pada akhir tahun 2003, seramai 7,338 siswazah pelatih mendapat manfaat daripada latihan yang disediakan di bawah Tabung tersebut, yang secara umumnya dikenali sebagai Skim Latihan Graduan II (SLG II). Bantuan kewangan yang diberikan kepada pelatih-pelatih SLG II berjumlah RM55.7 juta. Memandangkan masih terdapat peruntukan di bawah skim khas yang dilancarkan dahulu pada tahun 2001 untuk siswazah menganggur dan pekerja yang

Graf 1.32
KWPSM: Bilangan Tempat Latihan yang Diluluskan



Sumber: Pembangunan Sumber Manusia Berhad

diberhentikan, skim tersebut diteruskan pada tahun 2003. Pada akhir tahun 2003, seramai 38,942 orang telah menyertai pelbagai skim sangkutan dan latihan untuk siswazah menganggur, yang secara umumnya dikenali sebagai Skim Latihan Graduan I, manakala seramai 11,135 peserta mendapat manfaat daripada skim untuk pekerja yang diberhentikan dan para penganggur.

Sejajar dengan penekanan terhadap pertumbuhan yang berasaskan pengetahuan dan diterajui perkhidmatan, **Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM)** memainkan peranan yang penting untuk mempertingkatkan latihan pekerja oleh majikan. Pada tempoh 1993-2003, sejumlah 3.9 juta tempat latihan dengan jumlah peruntukan RM1.4 bilion telah diluluskan (2003: 441,721 tempat latihan dengan bantuan kewangan RM206 juta). Skop KWPSM diperluaskan untuk memenuhi permintaan yang berubah. Pembayaran semula untuk kursus yang digalakkan dinaikkan kepada jumlah penuh levi (sebelumnya 85%), manakala skim tambahan untuk syarikat yang lebih kecil dan PKS telah diperkenalkan. Tempoh penggunaan KWPSM oleh para majikan telah dilanjutkan kepada lima tahun, daripada dua tahun sebelumnya. Skop KWPSM akan diperluaskan bagi meliputi latihan dalam perkhidmatan berkaitan, seperti pelabuhan dan logistik, perkhidmatan kesihatan, pemasaran, perkhidmatan ICT dan penyelidikan dan pembangunan.

Tabung Pembangunan Kemahiran (TPK) adalah satu lagi inisiatif latihan kemahiran yang telah diadakan sejak tahun 2001. Tujuannya adalah untuk meningkatkan penyertaan sektor swasta

sebagai pembekal latihan dan meningkatkan akses kepada pendidikan teknikal dan latihan vokasional dengan menyediakan bantuan kewangan kepada para pelatih. TPK terbuka kepada semua, termasuk golongan lepasan sekolah, pekerja-pekerja yang diberhentikan dan pekerja-pekerja yang sedang mengikuti kursus di institut-institut latihan milik swasta dan kerajaan. Tujuannya adalah untuk memastikan bakal pekerja memperoleh kemahiran yang dikehendaki oleh para majikan. Pada tahun 2003, di samping peruntukan tambahan sebanyak RM500 juta di bawah Pakej Ekonomi, garis panduan mengenai kelayakan bantuan kewangan dikaji semula untuk membolehkan lebih ramai pelatih dapat memperoleh latihan kemahiran di bawah TPK. Hasilnya, dengan menggunakan peruntukan yang sedia ada (tidak termasuk RM500 juta tersebut) TPK dapat menyediakan bantuan kewangan kepada seramai 45,856 peminjam berbanding dengan 36,700 pada tahun yang lepas.

Selain daripada dasar latihan yang biasa diterajui oleh Kerajaan, satu perkembangan yang menggalakkan adalah penglibatan aktif sektor swasta bagi meningkatkan kualiti pekerja menerusi amalan sistem upah yang dikaitkan dengan produktiviti. Di samping mengaitkan ganjaran dengan prestasi dan produktivti yang lebih tinggi, amalan yang fleksibel tersebut dapat membantu para majikan mengawal kos dengan lebih baik dan berkongsi kejayaan dengan pekerja. Maklum balas ke atas Kaji selidik Gaji dan Kemudahan Tambahan yang dijalankan oleh MEF pada tahun 2003 menunjukkan majoriti syarikat mengamalkan sistem upah yang dikaitkan dengan produktiviti.

SEKTOR LUAR NEGERI


Imbangan Pembayaran

Suasana luar negeri yang lebih kukuh dan sentimen pelabur yang semakin baik, terutamanya pada separuh tahun kedua, menyumbang kepada pengukuhan kedudukan luar negeri pada tahun 2003. **Imbangan pembayaran keseluruhan** mencatat lebihan yang ketara lebih tinggi disebabkan oleh lebihan akaun semasa yang lebih besar, aliran masuk pelaburan langsung asing yang berterusan dan aliran masuk dana portfolio yang lebih tinggi. Komponen kesilapan dan ketinggalan, termasuk keuntungan daripada penilaian semula pertukaran asing rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia disebabkan kenaikan mata wang asing utama berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (RM11.9 bilion), adalah sebanyak RM0.4 bilion.


Selepas mengambil kira kesilapan dan ketinggalan, imbangan pembayaran keseluruhan mencatat lebihan yang besar sebanyak RM39.1 bilion atau AS$10.3 bilion. Dengan ini, rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia meningkat kepada

Graf 1.33
Malaysia: Imbangan Pembayaran


Akaun Semasa



Akaun Modal dan Kewangan



Rizab Antarabangsa Bersih



a Anggaran

Jadual 1.17
Imbangan Pembayaran

Perkara	2002			2003*a*		
	+	-	Bersih	+	-	Bersih
	RM juta					
Barangan	358,504	286,387	72,117	398,998	301,297	97,701
Akaun perdagangan	*357,682*	*303,063*	*54,619*	*398,882*	*317,746*	*81,136*
Perkhidmatan	56,536	62,532	-5,996	51,594	66,620	-15,026
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**415,040**	**348,919**	**66,121**	**450,592**	**367,917**	**82,675**
Pendapatan	8,129	33,190	-25,061	13,116	35,730	-22,614
Pindahan semasa	2,513	13,079	-10,566	1,929	11,229	-9,300
Imbangan akaun semasa	**425,682**	**395,188**	**30,494**	**465,638**	**414,876**	**50,761**
% daripada KNK			**9.1**			**13.7**
Akaun modal			-			-
Akaun kewangan			-11,941			-12,063
Pelaburan langsung			4,935			4,242
Pelaburan portfolio			-6,506			4,176
Pelaburan lain			-10,370			-20,481
Imbangan akaun modal dan kewangan			**-11,941**			**-12,063**
Kesilapan dan ketinggalan			-4,362			360
antaranya:						
Keuntungan (+) atau kerugian (-) dari penilaian semula pertukaran asing			*6,627*			*11,927*
Imbangan keseluruhan			**14,191**			**39,059**
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih			**131,394**			**170,453**
(AS$ juta)			**34,577**			**44,856**

a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

RM170.5 bilion atau AS$44.9 bilion pada akhir tahun 2003. Rizab terus meningkat lagi kepada RM194.9 bilion atau AS$51.3 bilion pada 15 Mac 2004. Paras rizab ini cukup untuk membiayai 7.8 bulan import tertangguh dan 5.2 kali hutang luar negeri jangka pendek. Rizab Malaysia boleh digunakan dengan serta-merta dan tak berbeban.

Kedudukan sektor luar negeri terus mengukuh, disokong oleh lebihan akaun semasa yang lebih besar. Aliran masuk pelaburan langsung asing berterusan sementara aliran masuk pelaburan portfolio lebih tinggi. Jumlah hutang luar negeri sektor awam berkurangan.

Akaun Semasa

Pada tahun 2003, **akaun semasa** mencatat lebihan yang lebih besar sebanyak RM50.8 bilion atau 13.7% daripada KNK disebabkan oleh lebihan perdagangan yang lebih tinggi. Pertumbuhan yang lebih kukuh dalam eksport barangan perkilangan dan perkembangan pesat eksport komoditi yang mempunyai kandungan import yang rendah menyumbang kepada lebihan perdagangan yang lebih besar. Lebihan akaun barangan yang lebih besar menghasilkan perolehan pertukaran asing yang lebih daripada mencukupi untuk membiayai defisit dalam akaun perkhidmatan (4.1% daripada KNK), pendapatan dan pindahan semasa. Defisit akaun perkhidmatan meningkat disebabkan oleh kesan SARS yang mengakibatkan penurunan perolehan perjalanan. Sebaliknya, defisit akaun pendapatan berkurangan, mencerminkan keuntungan dan dividen terakru yang lebih tinggi kepada syarikat-syarikat Malaysia hasil daripada pelaburan luar negeri dan juga perolehan pelaburan lain yang lebih tinggi. Aliran bersih dalam akaun pindahan semasa berkurangan akibat penghantaran balik pendapatan yang lebih rendah oleh pekerja-pekerja asing.

Jadual 1.18
Eksport Kasar

	2003*a*		
	RM juta	Perubahan tahunan (%)	% bahagian
Barangan Perkilangan	**326,950**	**8.2**	**82.0**
Antaranya:			
Elektronik, jentera dan peralatan elektrik	223,547	5.2	56.0
Elektronik	167,620	6.3	42.0
Separa konduktor	*85,184*	*16.3*	*21.4*
Komponen elektronik	*82,436*	*-2.4*	*20.7*
Jentera dan peralatan elektrik	55,927	1.9	14.0
Barangan elektrik pengguna	*19,747*	*-6.5*	*5.0*
Barangan elektrik perindustrian dan komersil	*20,414*	*3.5*	*5.1*
Perkakas and jentera elektrik industri	*13,886*	*9.6*	*3.5*
Peralatan elektrik isirumah	*1,880*	*36.7*	*0.5*
Kimia dan keluaran kimia	21,236	23.3	5.3
Keluaran logam	11,303	28.5	2.8
Keluaran petroleum	9,416	23.6	2.4
Kelengkapan optikal dan saintifik	9,213	13.0	2.3
Tekstil, pakaian dan kasut	8,771	2.3	2.2
Keluaran kayu	6,698	6.1	1.7
Keluaran getah	5,060	12.3	1.3
Komoditi pertanian	**33,728**	**28.1**	**8.4**
Antaranya:			
Minyak sawit	*20,224*	*36.3*	*5.1*
Getah	*3,582*	*43.8*	*0.9*
Kayu siap digergaji	*2,607*	*6.4*	*0.7*
Kayu balak	*2,015*	*10.0*	*0.5*
Galian	**29,777**	**33.1**	**7.5**
Antaranya:			
Minyak mentah	*15,662*	*35.0*	*4.0*
Gas asli cecair	*13,328*	*34.8*	*3.3*
Timah	*284*	*-33.2*	*0.1*
Lain-lain eksport	**8,427**	**25.5**	**2.1**
Jumlah	**398,882**	**11.5**	**100.0**


a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Berikutan suasana luar negeri yang bertambah baik, prestasi **eksport kasar** bertambah kukuh dengan pertumbuhan sebanyak 11.5% pada tahun 2003 (2002: 7%). Eksport yang menggalakkan ini adalah hasil eksport perkilangan yang lebih tinggi serta pertumbuhan eksport komoditi utama yang sangat memberangsangkan.

Pertumbuhan dalam eksport **perkilangan** bertambah kukuh kepada 8.2% (2002: 5.9%),


Graf 1.34
Prestasi Eksport Sektor Perkilangan



Graf 1.35
Prestasi Eksport Industri Elektronik dan Bukan Elektronik



Graf 1.36
Eksport Barangan Perkilangan Mengikut Pasaran



didorong terutamanya oleh peningkatan dalam permintaan global bagi sarung tangan getah. Eksport keluaran logam juga meningkat dengan kukuh apabila pengilang meningkatkan jumlah eksport mereka bagi mengambil kesempatan harga eksport besi dan keluli yang lebih tinggi. Pada keseluruhannya, peningkatan dalam perolehan eksport adalah disebabkan kesemuanya oleh jumlah eksport yang lebih tinggi memandangkan harga eksport terus merosot.

Eksport **komoditi utama** meningkat dengan nyata sebanyak 30.4% disebabkan terutamanya oleh prestasi eksport pertanian (28.1%) dan mineral (33.1%) yang kukuh. Sepanjang tahun 2003, eksport komoditi disokong oleh kenaikan harga (17.1%) dan peningkatan dalam jumlah yang dieksport (11.9%). Permintaan komoditi yang kukuh dalam keadaan

Lebihan perdagangan yang ketara besar disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam eksport barangan perkilangan dan perkembangan pesat eksport komoditi yang mempunyai kandungan import rendah.

disokong terutamanya oleh permintaan yang lebih teguh bagi elektronik, keluaran kimia, keluaran petroleum, keluaran logam dan keluaran getah. Pertumbuhan eksport elektronik adalah didorong terutamanya oleh kitaran menaik elektronik global, manakala pertumbuhan sektor keluaran kimia didorong kesan limpahan daripada prestasi elektronik yang kukuh serta permintaan yang lebih tinggi bagi kimia organik, resin dan keluaran plastik. Eksport yang lebih tinggi bagi keluaran getah adalah kekangan penawaran global bagi kebanyakan komoditi utama pada tahun 2003 menghasilkan harga yang lebih tinggi.

Jadual 1.19
Perdagangan Luar Negeri

	2002	2003*a*	2002	2003*a*
	RM bilion		AS$ bilion	
Eksport kasar (f.o.b)	**357.7**	**398.9**	**94.1**	**105.0**
Perubahan tahunan (%)	7.0	11.5	7.0	11.5
	Perubahan tahunan (%)			
Jumlah dagangan[1]	6.1	7.2	6.1	7.2
Harga[1]	-0.4	1.0	-0.4	1.0
Import kasar (c.i.f)	**303.1**	**317.7**	**79.8**	**83.6**
Perubahan tahunan (%)	8.1	4.8	8.1	4.8
	Perubahan tahunan (%)			
Jumlah dagangan[1]	6.1	1.1	6.1	1.1
Harga[1]	1.4	2.3	1.4	2.3
Imbangan perdagangan	**54.6**	**81.1**	**14.4**	**21.4**

[1] Jumlah dagangan dan harga untuk tahun 2003 adalah anggaran.

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jumlah perolehan eksport **pertanian** meningkat kepada RM33.7 bilion dengan minyak sawit sebagai penyumbang utama pertumbuhan eksport. Minyak sawit menjana hasil tukaran asing sebanyak RM20.2 bilion ekoran pengukuhan harga purata eksport kepada RM1,617 setiap tan dan peningkatan jumlah yang dieksport kepada 12.5 juta tan. Kenaikan harga minyak sawit didorong terutamanya oleh ketidakseimbangan dalam pasaran minyak sayuran sedunia, akibat kekangan penawaran bijirin utama dalam suasana permintaan yang meningkat. Minyak sawit Malaysia juga mendapat dorongan daripada penggantian import oleh beberapa negara pembeli yang sensitif terhadap harga memandangkan harga minyak sawit jauh lebih rendah berbanding dengan minyak bijirin utama yang lain, terutamanya minyak kacang soya, iaitu pengganti minyak sawit yang paling hampir. Pasaran eksport utama minyak sawit Malaysia pada tahun 2003 ialah Republik Rakyat China, Timur Tengah, India dan Kesatuan Eropah. Secara berkumpulan, negara-negara tersebut menyumbang 60% kepada jumlah eksport minyak sawit Malaysia. Dengan hasil eksport yang lebih tinggi, minyak sawit mencakupi kira-kira 60% jumlah perolehan eksport pertanian dan 5% daripada jumlah eksport kasar.

Prestasi eksport pertanian yang kukuh pada tahun 2003 turut disokong oleh peningkatan eksport komoditi lain, termasuk getah, kayu balak dan keluaran kayu balak.

Hasil eksport **mineral** pulih dengan ketara dengan mencatatkan pertumbuhan 33.1% kepada RM29.8 bilion, didorong terutamanya oleh harga minyak yang lebih tinggi. Harga purata eksport minyak mentah Malaysia meningkat dengan ketara kepada AS$30.27 setong sejajar dengan harga minyak mentah dunia yang lebih tinggi. Seiring dengan trend harga minyak yang meningkat, harga purata gas asli cecair (LNG) meningkat kepada RM766 setan pada tahun 2003. Tahun 2003 juga menyaksikan loji MLNG Tiga memulakan operasi dan ini turut merangsang eksport gas Malaysia. Oleh itu, hasil eksport minyak mentah dan LNG meningkat masing-masing kepada RM15.7 bilion dan RM13.3 bilion.

Import kasar mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 4.8% (2002: 8.1%) disokong oleh import barangan modal dan pengantara yang meningkat pada suku keempat. Harga import meningkat sebanyak 2.3% mencerminkan harga import yang lebih tinggi bagi barangan perkilangan, minyak galian dan barangan kimia.

Import **barangan pengantara** yang merupakan penyumbang utama pertumbuhan import terus mencatat pertumbuhan sebanyak 6.4%. Import barangan pengantara merupakan input bagi pengeluaran eksport barangan perkilangan, khususnya barangan elektronik dan elektrik. Import **barangan modal** tidak termasuk barangan lumpy meningkat sebanyak 6%, mencerminkan pertumbuhan aktiviti pelaburan, khususnya pada separuh kedua tahun 2003. Import barangan lumpy adalah lebih rendah disebabkan pengurangan

Jadual 1.20
Import Kasar Mengikut Penggunaan Akhir

	2003*a*		
	RM juta	Perubahan tahunan (%)	% bahagian
Barangan modal	**43,508**	**0.7**	**13.7**
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	40,837	7.1	*12.9*
Alat jentera dan perkakas untuk industri	*9,862*	-0.4	*3.1*
Alat kelengkapan pejabat	*7,404*	*26.6*	*2.3*
Alat kelengkapan telekomunikasi	*5,213*	*-9.5*	1.6
Alat kelengkapan pengangkutan	2,671	-47.1	0.8
Barangan pengantara	**233,046**	**6.4**	**73.3**
Makanan dan minuman, khusus untuk industri	5,831	7.3	1.8
Bekalan perindustrian, t.s.t.l.	66,130	3.4	20.8
Logam dan barangan logam	*18,594*	*6.2*	*5.9*
Bahan kimia	*7,285*	*1.1*	*2.3*
Bahan api dan pelincir	13,623	23.2	4.3
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	141,283	8.0	44.5
Elektronik	*95,314*	*7.1*	*30.0*
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan telekomunikasi	*6,587*	*-9.8*	*2.1*
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan pengangkutan	6,179	-16.0	1.9
Barangan penggunaan	**18,866**	**1.1**	**5.9**
Makanan dan minuman, khusus untuk penggunaan isirumah	6,777	-1.5	2.1
Alat kelengkapan pengangkutan, bukan perusahaan	337	90.9	0.1
Barangan pengguna, t.s.t.l.	11,752	1.3	3.7
Barangan tahan lama	*2,646*	*-2.0*	*0.8*
Barangan separa tahan lama	*3,985*	*-5.1*	*1.3*
Barangan tidak tahan lama	*5,121*	*8.9*	*1.6*
Barangan dua guna	**7,057**	**15.2**	**2.2**
Minyak	2,981	17.2	0.9
Kereta penumpang	4,075	13.8	1.3
Lain-lain	**6,547**	**-4.4**	**2.1**
Eksport semula	**8,722**	**-4.3**	**2.7**
Import kasar	**317,746**	**4.8**	**100.0**

t.s.t.l. Tidak disenarai di tempat lain.


a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

penghantaran pesawat udara baru. Kekukuhan yang berterusan dalam sektor perkhidmatan serta peningkatan penggunaan sistem automatik dalam kegiatan perniagaan mendorong pertumbuhan positif import peralatan pejabat. Peningkatan aktiviti cari gali dalam industri minyak dan gas berikutan harga petroleum yang lebih tinggi mendorong peningkatan import peralatan pembinaan dan perlombongan. Import peralatan telekomunikasi menurun sebanyak 9.5% ekoran penggabungan industri hasil percantuman penyedia perkhidmatan selular terpilih. Sejajar dengan pendapatan boleh guna yang lebih tinggi, import **barangan penggunaan** meningkat sebanyak 1.1% mencerminkan import barangan pengguna dan peralatan pengangkutan yang lebih tinggi.

Pertumbuhan perdagangan serantau di Asia Timur (tidak termasuk Jepun) sejak 1997 telah mengubah corak perdagangan, dengan Republik Rakyat China sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan tersebut. Republik Rakyat China merupakan pengeksport keenam terbesar di dunia dan 30% daripada eksport negara tersebut adalah ke negara-negara serantau. Kira-kira 36% daripada import Republik Rakyat China adalah dari Asia Timur. Dengan itu, bahagian pasaran perdagangan Malaysia dengan rakan dagang utama, iaitu Amerika Syarikat (AS) dan Jepun telah berkurangan, sementara bahagian perdagangan dengan Kesatuan Eropah (EU) tidak berubah. Perdagangan Malaysia dengan AS, Jepun dan EU sebagai satu kumpulan menurun dengan mencakupi sebanyak 43.1% daripada jumlah perdagangan (2002: 44.8%), sementara perdagangan Asia Timur meningkat kepada 44.9% (2002: 44%) daripada jumlah perdagangan.


Graf 1.37
Indeks Kepelbagaian Eksport



Indeks kepelbagaian eksport adalah indeks Herfindahl-Hirschmann yang telah diubahsuaikan. Ia telah dinormalkan untuk mendapatkan indeks dalam lingkungan 0 hingga 1. Indeks yang lebih rendah menunjukkan tahap kepelbagaian yang lebih tinggi.

Usaha-usaha berterusan dijalankan untuk mempelbagaikan pasaran khususnya ke pasaran bukan tradisional, seperti rantau Asia Selatan dan Asia Barat, serta peningkatan bahagian pasaran di negara-negara Asia Timur. Kepelbagaian pasaran perdagangan yang diukur dengan indeks Herfindahl-Hirschmann menunjukkan kemajuan pada tahun 2003. Bagi indeks Herfindahl-Hirschmann yang telah diubahsuai, nisbah yang menghampiri sifar menggambarkan kepelbagaian pasaran yang lebih tinggi. Indeks bagi eksport menurun kepada 0.15


Graf 1.38
Destinasi Eksport: 1995



[1] ASEAN tidak termasuk Singapura

[2] Hong Kong China, Korea Selatan dan China Taipei

Destinasi Eksport: 2003



[1] ASEAN tidak termasuk Singapura

[2] Hong Kong China, Korea Selatan dan China Taipei

Jadual 1.21
Haluan Perdagangan Luar Negeri

	2003*a*				
	Eksport		Import		Imbangan perdagangan
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta
Negara-negara ASEAN	**98,225**	**24.6**	**76,345**	**24.0**	**21,879**
Singapura	62,786	15.7	37,283	11.7	25,503
Thailand	17,538	4.4	14,549	4.6	2,989
Indonesia	8,091	2.0	11,168	3.5	-3,077
Filipina	5,459	1.4	11,835	3.7	-6,376
Lain-lain negara ASEAN	4,351	1.1	1,510	0.5	2,841
Kesatuan Eropah (EU)	**48,264**	**12.1**	**37,216**	**11.7**	**11,047**
United Kingdom	8,872	2.2	5,991	1.9	2,881
Jerman	9,145	2.3	14,787	4.7	-5,642
Negeri Belanda	13,036	3.3	2,151	0.7	10,886
Lain-lain negara EU	17,210	4.3	14,287	4.5	2,923
Amerika Syarikat	78,007	19.6	48,757	15.3	29,250
Jepun	42,643	10.7	54,273	17.1	-11,630
Republik Rakyat China	25,878	6.5	27,739	8.7	-1,861
Hong Kong China	25,778	6.5	8,580	2.7	17,199
China Taipei	14,351	3.6	15,698	4.9	-1,347
Korea Selatan	11,550	2.9	17,308	5.4	-5,758
India	9,629	2.4	2,555	0.8	7,074
Australia	9,932	2.5	4,803	1.5	5,129
Lain-lain negara di dunia	34,626	8.7	24,473	7.7	10,153
Jumlah	**398,882**	**100.0**	**317,746**	**100.0**	**81,136**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

pada tahun 2003 daripada 0.16 pada tahun 2002. Begitu juga dengan indeks bagi pasaran import yang menurun kepada 0.15 daripada 0.16.

Amerika Syarikat (AS) kekal sebagai rakan dagang Malaysia yang terpenting walaupun bahagian pasarannya daripada jumlah perdagangan menurun kepada 17.7% (2002: 18.8%). Eksport ke AS terutamanya terdiri daripada komponen-komponen elektronik, khususnya litar bersepadu, getah, optikal dan peralatan saintifik, perabot dan alat ganti dan perkakas. Kira-kira 65% daripada import dari AS adalah input pengantara untuk industri elektrik dan elektronik. Import lain termasuk optikal dan peralatan saintifik, plastik dan bahan kimia. Oleh kerana eksport ke AS meningkat sementara import berkurangan, lebihan perdagangan dua hala meningkat kepada RM29.2 bilion (2002: RM20.1 bilion).

Singapura mengekalkan kedudukannya sebagai rakan dagang Malaysia yang kedua terbesar walaupun bahagian pasaran perdagangannya menurun kepada 14% (2002: 14.7%). Sebahagian besar daripada eksport ke Singapura adalah elektronik, dengan litar bersepadu dan pemasangan mikro mencakupi 26%, alat ganti dan aksesori 13%, dan diod serta transistor 4.8%. Bahagian pasaran eksport ke Singapura yang lebih rendah (15.7%; 2002: 17%) adalah disebabkan oleh perdagangan langsung dan penggunaan pelabuhan tempatan yang meningkat. Dari segi import, setiap satu daripada tiga barangan import adalah barangan elektronik dan elektrik, sementara petroleum dan barangan petroleum mencakupi 18%. Lebihan perdagangan dengan Singapura meningkat kepada RM25.5 bilion disebabkan oleh pertumbuhan eksport yang lebih cepat berbanding import.

Disokong oleh pertumbuhan eksport yang lebih tinggi berbanding import, imbangan perdagangan yang berpihak kepada **Jepun** mencatatkan defisit yang lebih rendah sebanyak RM11.6 bilion (2002: -RM14.1 bilion). Pertumbuhan eksport sebanyak 7.4% telah disokong oleh peningkatan perolehan eksport gas asli cecair (LNG), petroleum dan barangan kimia ekoran harga minyak mentah dan LNG yang lebih tinggi. Import meningkat hanya sebanyak 0.9% mencerminkan pertumbuhan import peralatan jentera dan pengangkutan, barangan keluaran kilang serta bahan-bahan mentah.

Perdagangan dengan **Kesatuan Eropah** (EU) bertukar arah dan mencatat pertumbuhan sebanyak 9.2% ekoran perkembangan ekonomi negara-negara EU. Malaysia terus mencatat

lebihan perdagangan sebanyak RM11 bilion (2002: RM9.5 bilion) dengan negara-negara EU. Jerman kekal sebagai rakan dagang utama yang mencakupi 3.3% daripada jumlah perdagangan.

Eksport ke rantau **Timur Laut Asia** (tidak termasuk Jepun) yang mencakupi 19.4% daripada jumlah eksport, berkembang sebanyak 18.3%. Pertumbuhan ini didorong oleh pertumbuhan eksport yang terus kukuh ke Republik Rakyat China sebanyak 29.6% dan Hong Kong China sebanyak 26.7%. Pemacu kepada pertumbuhan tersebut adalah penempatan semula syarikat multinasional ke negara Republik Rakyat China serta aktiviti menggunakan perkhidmatan luar yang meningkat. Republik Rakyat China kekal sebagai rakan dagang yang terbesar di negara serantau. Kira-kira satu perempat daripada eksport Malaysia ke Republik Rakyat China terdiri daripada litar dan litar tercetak, alat-alat separa konduktor dan diod pemancar cahaya. Satu lagi punca pertumbuhan eksport adalah permintaan eksport yang berasaskan sumber, khususnya sawit dan getah.

Mencerminkan peningkatan perdagangan serantau dan keadaan ekonomi negara-negara **ASEAN** (tidak termasuk Singapura) yang lebih baik, bahagian perdagangan dengan negara-negara ASEAN berkembang kepada 10.4% pada tahun 2003 (2002: 9.6%). Bahagian pasaran import dari negara-negara ASEAN meningkat kepada 12.3% lanjutan daripada peningkatan pencarian sumber daripada pembekal-pembekal berkos rendah seperti Thailand, Indonesia dan Filipina.

Akaun Perkhidmatan

Dasar untuk menggalakkan eksport perkhidmatan telah berjaya mengurangkan defisit perkhidmatan dalam imbangan pembayaran ke tahap serendah -1.8% daripada KNK pada tahun 2002. Walau bagaimanapun, defisit **akaun perkhidmatan** meningkat kepada RM15 bilion atau -4.1% daripada KNK pada tahun 2003, disebabkan terutamanya oleh perolehan pelancongan yang lebih rendah, memandangkan perjalanan, khasnya ke rantau Asia yang terjejas teruk oleh wabak SARS. Namun demikian, penerimaan kasar daripada sumber pendapatan pertukaran asing baru seperti pendidikan, perkhidmatan komputer dan maklumat serta pelabuhan dan lapangan terbang terus meningkat.

Meskipun mengalami kesan wabak SARS, perjalanan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada

Jadual 1.22
Akaun Perkhidmatan dan Pendapatan


	2002	2003*a*		
	RM bilion			
	Bersih	+	–	Bersih
Akaun Perkhidmatan				
Pengangkutan	-11.6	10.5	23.8	-13.3
Perjalanan	17.1	22.4	10.8	11.6
Perkhidmatan Lain	-11.2	18.2	31.2	-13.0
Urus niaga Kerajaan	-0.3	0.5	0.8	-0.3
RM bilion	**-6.0**	**51.6**	**66.6**	**-15.0**
AS$ bilion	**-1.6**	**13.6**	**17.5**	**-4.0**
% daripada KNK	-1.8			-4.1
Akaun Pendapatan				
Pampasan Pekerja	-1.2	2.2	3.1	-1.0
Pendapatan Pelaburan	-23.9	10.9	32.6	-21.7
RM bilion	**-25.1**	**13.1**	**35.7**	**-22.6**
AS$ bilion	**-6.6**	**3.5**	**9.4**	**-6.0**
% daripada KNK	-7.5			-6.1

a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia


penerimaan perkhidmatan pada tahun 2003 yang mencakupi 43.4% daripada jumlah penerimaan perkhidmatan. Ketibaan pelancong asing berjumlah 10.6 juta orang pada tahun 2003 (13.3 juta orang pada tahun 2002) dengan perolehan pelancongan yang lebih rendah iaitu RM21.3 bilion (RM25.6 bilion pada tahun 2002). Ini mengakibatkan lebihan bersih **akaun perjalanan** merosot dengan ketara kepada RM11.6 bilion (RM17.1 bilion pada tahun 2002). Wabak SARS mengakibatkan ketibaan pelancong merosot sebanyak 51.6% pada suku tahun kedua. Ketibaan pelancong dari Republik Rakyat China dan Singapura menurun dengan paling ketara. Ketibaan pelancong kembali kukuh pada suku

Graf 1.39
Ketibaan Pelancong dan Perolehan Pelancongan




a Awalan

Graf 1.40
2003: Komponen Penerimaan Kasar Akaun Perkhidmatan (% bahagian)



Graf 1.41
2003: Komponen Pembayaran Kasar Akaun Perkhidmatan (% bahagian)



tahun keempat dengan ketibaan pelancong melebihi purata bulanan sebanyak satu juta yang dicapai sebelum wabak SARS.

Pada keseluruhan tahun 2003, walaupun penerimaan dalam sektor pelancongan menurun, ia diimbang sedikit oleh sumber daripada pendapatan eksport perkhidmatan baru seperti perolehan daripada perkhidmatan pendidikan dan penjagaan kesihatan. Bilangan pelajar antarabangsa meningkat sebanyak 8.5% kepada 39,577 pelajar pada tahun 2003. Pelajar antarabangsa ini terdiri terutamanya dari Indonesia dan Republik Rakyat China. Perolehan daripada pelancongan pendidikan masih kecil, iaitu mencakupi kira-kira 1.4% daripada jumlah penerimaan perjalanan dan 0.6% daripada jumlah penerimaan perkhidmatan, walaupun kesan limpahan ke atas ekonomi melalui perbelanjaan penggunaan dan perjalanan adalah besar. Hasil daripada 102,946 pesakit asing yang mendapat perubatan di Malaysia meningkat sebanyak 64.2% pada tahun 2003. Pesakit asing ini terutamanya dari negara Indonesia (72.5%), negara-negara ASEAN yang lain, Asia Barat dan Jepun.

Dari segi pembayaran, aliran keluar perjalanan meningkat kepada RM10.8 bilion (2002: RM9.9 bilion) mencerminkan perbelanjaan perjalanan perniagaan dan pendidikan luar negeri yang lebih tinggi. Pembayaran bagi perjalanan luar negeri oleh rakyat Malaysia, termasuk perjalanan perniagaan, meningkat sebanyak 17.9% kepada RM7.7 bilion pada tahun 2003, selaras dengan peningkatan aktiviti ekonomi. Sementara itu, aliran keluar untuk pendidikan bertambah sebanyak 1.3% dengan lebih ramai bilangan pelajar menuntut di luar negeri.

Pada tahun 2003, produk pelancongan telah diperluas dengan lebih banyak produk terpilih dalam pasaran seperti sukan, ekopelancongan, agropelancongan dan mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran (MICE) digalakkan. Strategi utama produk baru pelancongan adalah untuk meningkatkan jangka masa penginapan pelancong. Promosi produk pelancongan dan perkhidmatan dijalankan melalui usaha sama antara sektor awam dan swasta. Perhubungan untuk perkhidmatan udara dimudahkan melalui kebenaran penggunaan lebih banyak penerbangan sewa khas dan tambang pada harga yang berpatutan yang ditawarkan oleh syarikat penerbangan. Lebih banyak pintu masuk seperti Langkawi, Pulau Pinang, Kuching dan Kota Kinabalu membolehkan industri perjalanan berkembang ke pasaran baru dan pasaran yang sedia ada. Pasaran baru yang disasarkan untuk galakan termasuklah Pakistan dan Iran.

Defisit dalam **akaun pengangkutan** meningkat kepada RM13.3 bilion pada tahun 2003 (2002: -RM11.6 bilion) disebabkan pembayaran luar negeri yang meningkat, manakala penerimaan kekal mapan. Aliran keluar kasar mencerminkan bayaran pengangkutan yang lebih tinggi dan peningkatan dalam jumlah dagangan. Penerimaan kasar kekal mapan disokong terutamanya oleh perolehan daripada perkhidmatan kargo dan perkapalan tempahan oleh syarikat-syarikat perkapalan dan penerbangan tempatan. Peningkatan dalam pengendalian kargo disokong oleh penambahan muatan kargo dari India, Republik Rakyat China, Myanmar, Indonesia dan Thailand.

Sejajar dengan kemajuan ekonomi, permintaan perkhidmatan lain yang lebih tinggi menyebabkan

pembayaran bersih yang lebih tinggi sedikit iaitu sebanyak RM13 bilion (2002: -RM11.2 bilion) dalam **akaun perkhidmatan lain**. Ini terutamanya dalam import reka bentuk, teknikal dan khidmat perundingan projek yang berkaitan dengan infrastruktur serta cari gali minyak dan gas yang mengakibatkan pembayaran yang lebih tinggi untuk perkhidmatan kontrak dan profesional. Pembayaran perkhidmatan insurans dan kewangan meningkat kerana urus niaga dagangan luar negeri yang lebih tinggi menyebabkan permintaan perkhidmatan sokongan import yang lebih tinggi. Penerimaan daripada perkhidmatan komputer dan maklumat meningkat sejajar dengan perkembangan dalam penggunaan khidmat luar bagi proses perniagaan dan perkhidmatan ICT.

diagihkan ini dianggarkan sebanyak 42.5% daripada jumlah keuntungan dan dividen, dan dikreditkan sebagai aliran masuk pelaburan langsung asing dalam akaun kewangan.

Pada tahun 2003, aliran keluar bersih **akaun pindahan semasa** mengecil sebanyak 12% kepada RM9.3 bilion. Penurunan yang ketara dalam pembayaran pindahan semasa sebanyak 14.1% pada tahun 2003 (2002: +28%), adalah disebabkan oleh pengiriman wang yang lebih rendah oleh pekerja asing ekoran kepulangan pekerja asing tanpa izin di bawah Program Pengampunan yang dijalankan pada tahun 2002. Pada tahun 2003, pekerja asing yang berdaftar di Malaysia adalah berjumlah kira-kira 1.2 juta orang

Keuntungan dan dividen yang lebih tinggi bagi syarikat-syarikat Malaysia yang beroperasi di luar negeri menyumbang kepada kedudukan akaun pendapatan yang lebih baik.

Bagi tahun ketiga berturut-turut, defisit **akaun pendapatan** mengecil sebanyak 9.8% kepada RM22.6 bilion atau –6.1% daripada KNK pada tahun 2003 (2002: -RM25.1 bilion atau -7.5% daripada KNK). Pencapaian baik ini berpunca daripada peningkatan keuntungan dan dividen yang terakru kepada syarikat-syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri terutamanya dalam sektor minyak dan gas serta utiliti yang meningkat sebanyak 190.6% kepada RM2 bilion (2002: RM0.7 bilion). Ini mencakupi 17.9% daripada aliran masuk kasar pendapatan pelaburan. Keduanya, pendapatan pelaburan lain bertukar arah dengan mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM2.4 bilion (2002: -RM0.9 bilion), mencerminkan sebahagian besarnya pulangan yang lebih baik daripada rizab antarabangsa yang lebih tinggi, manakala pembayaran faedah hutang luar negeri telah menurun.

Dari segi pembayaran, keuntungan dan dividen kasar yang terakru kepada pelabur langsung asing juga meningkat. Ini disebabkan terutamanya oleh perolehan yang lebih tinggi dalam industri elektronik dan elektrik ekoran peningkatan prestasi eksport serta disokong oleh harga minyak yang lebih tinggi dalam sektor minyak dan gas. Walaupun keuntungan dan dividen mencakupi sebanyak 78.8% daripada aliran keluar kasar pendapatan pelaburan, sebahagian besar keuntungan ini disimpan di Malaysia untuk pelaburan semula. Keuntungan yang tidak

dan lebih daripada separuh pekerja asing ini bekerja dalam sektor perladangan dan perkilangan.

Akaun Kewangan

Pada tahun 2003, **akaun kewangan** kekal stabil dengan mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM12.1 bilion (2002: -RM11.9 bilion). Aliran keluar modal jangka pendek, yang terdiri daripada pelaburan portfolio dan pelaburan lain oleh sektor swasta, nyata lebih rendah berikutan sentimen pelabur dalam pasaran ekuiti yang bertambah baik

Jadual 1.23
Imbangan Pembayaran: Akaun Kewangan

	2002	2003*a*	2002	2003*a*
	RM bilion		AS$ bilion	
Akaun Kewangan	**-11.9**	**-12.1**	**-3.1**	**-3.2**
Pelaburan Langsung	**4.9**	**4.2**	**1.3**	**1.1**
Di Malaysia	12.2	9.4	3.2	2.5
Di luar negeri	-7.2	-5.2	-1.9	-1.4
Pelaburan Portfolio	**-6.5**	**4.2**	**-1.7**	**1.1**
Pelaburan Lain	**-10.4**	**-20.5**	**-2.7**	**-5.4**
Sektor awam	4.7	-11.2	1.2	-3.0
Antaranya:				
Kerajaan Persekutuan (bersih)	8.0	-3.7	2.1	-1.0
Pinjaman kasar	10.5	3.1	2.8	0.8
Pembayaran balik	2.5	6.9	0.6	1.8
PABK (bersih)	-3.3	-7.3	-0.9	-1.9
Pinjaman kasar	3.5	5.2	0.9	1.4
Pembayaran balik	6.8	12.4	1.8	3.3
Sektor swasta	-15.1	-9.3	-4.0	-2.4

a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

serta perbezaan kadar faedah yang berpihak kepada Malaysia. Bagi akaun modal jangka panjang, pembayaran balik hutang luar negeri yang besar oleh sektor awam dan pengambilan pinjaman hutang yang sederhana membantu mengawal kedudukan hutang luar negeri Malaysia daripada meningkat. Modal swasta jangka panjang, terutamanya terdiri daripada pelaburan langsung asing, kekal pada paras yang sederhana.

Pelaburan langsung asing (FDI) kasar di Malaysia adalah lebih tinggi sebanyak RM21.8 bilion (2002: RM20.5 bilion) pada 2003, mencerminkan aliran masuk yang meluas, meliputi sektor perkhidmatan dan perkilangan, serta sektor minyak dan gas. Walau bagaimanapun, dari segi aliran bersih, FDI menyederhana kepada RM9.4 bilion atau 2.5% daripada KNK pada 2003 (2002: RM12.2 bilion). Ini disebabkan terutamanya oleh pemerolehan kepentingan asing oleh syarikat Malaysia dalam sektor minyak dan gas, ekoran peluputan kontrak usaha sama, serta pembayaran balik pinjaman yang besar kepada syarikat induk di luar negeri.

Akaun kewangan kekal stabil, mencerminkan aliran masuk FDI yang mapan dan pelaburan portfolio yang lebih besar. Aliran sektor awam berubah arah dengan mencatat pembayaran balik pinjaman bersih yang besar. Pelaburan luar negeri menghasilkan keuntungan dan dividen yang lebih tinggi kepada Malaysia.

Dari segi aliran masuk kasar, lebih kurang separuh daripada aliran FDI kekal dalam bentuk keuntungan yang tidak diagihkan, terutamanya daripada sektor perkilangan. Bagi aliran masuk FDI yang baru pula, berdasarkan Sistem Imbangan Pembayaran Berasaskan Tunai Bank Negara Malaysia, sektor perkhidmatan dan perkilangan masing-masing menerima bahagian yang besar sebanyak 38% dan 37%, manakala bahagian sektor minyak dan gas pula adalah kira-kira sebanyak 15%. Aliran masuk yang besar ke sektor perkhidmatan masih mapan. Terdapat peningkatan penglibatan asing dalam rangkaian subsektor perdagangan borong dan runcit, meliputi pengedaran automotif, stesen minyak sehingga pasar raya besar. Kepentingan asing juga meningkat dalam sektor perkhidmatan nilai ditambah yang tinggi, terutamanya dalam subsektor pengangkutan, penerbangan dan pengurusan pelabuhan serta aktiviti berasaskan pengetahuan seperti pelaburan dalam MSC dan industri pemprosesan data elektronik. Pada tahun 2003, sebanyak 219 kemudahan serantau untuk syarikat-syarikat milikan tempatan dan asing telah ditubuhkan, didorong oleh insentif pelaburan yang disediakan oleh Kerajaan. Daripada jumlah ini, terdapat 12 syarikat ibu pejabat operasi (OHQ), 37 pejabat serantau, 32 pusat pemerolehan antarabangsa (IPC), 134 pejabat perwakilan dan 4 pusat pengagihan serantau (RDC).

Minat pelabur asing dalam sektor perkilangan terus kekal tinggi, dengan aliran masuk FDI yang lebih besar dalam industri elektrik dan elektronik dan industri berkaitan petroleum. Aliran masuk juga adalah meluas, meliputi industri-industri pemprosesan makanan, penyejukan perindustrian, pencetakan dan juga aeroangkasa berteknologi tinggi.

Pelaburan langsung Malaysia di luar negeri kekal tinggi, walaupun berada pada tahap yang lebih sederhana, sebanyak RM5.2 bilion pada tahun 2003 (2002: -RM7.2 bilion) berikutan beberapa pemerolehan luar negeri yang besar pada tahun 2002. Pelaburan luar negeri adalah terutamanya untuk mempelbagai dan memperkukuhkan aktiviti tunjang di Malaysia. Yang jelas, skop pelaburan adalah semakin meluas. Sebahagian besar pelaburan luar negeri disalurkan kepada kedua-dua sektor minyak dan gas dan sektor perkhidmatan, diikuti dengan sektor perkilangan. Dalam sektor minyak dan gas, Malaysia terus beroperasi melalui usaha sama dalam cari gali dan pengeluaran. Sepanjang tahun ini, pelaburan Malaysia dalam sektor minyak dan gas telah disalurkan terutamanya ke ASEAN dan negara Afrika yang terpilih.

Dalam sektor perkhidmatan, pelaburan luar negeri disalurkan kepada subsektor utiliti, pengangkutan, perdagangan runcit dan subsektor berkaitan pelancongan. Terdapat juga beberapa pelaburan oleh syarikat-syarikat pembinaan berikutan kejayaan mereka membida projek-projek infrastruktur besar, jalan raya dan lebuh raya di luar negeri. Walaupun bahagian sektor perkilangan dalam pelaburan luar negeri adalah lebih kecil, pelaburan tersebut adalah lebih meluas dalam subsektor elektrik dan elektronik, tekstil ke aktiviti nilai ditambah tinggi seperti perkilangan

Trend Terkini Pelaburan Langsung Asing di Malaysia

Pengenalan

Pelaburan asing terus mencakupi kira-kira satu pertiga daripada jumlah pelaburan swasta di Malaysia. Trend pelaburan langsung asing (FDI) kasar kekal stabil sejak tahun 2000 selepas mengalami penyederhanaan sewaktu krisis kewangan Asia. Kestabilan tersebut disebabkan terutamanya oleh syarikat multinasional (MNC) yang terus berkembang dan mempelbagaikan operasi mereka, dan dibiayai terutamanya daripada perolehan yang tidak diagih. Corak aliran FDI juga berubah dengan tumpuan pada sektor perkhidmatan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi berikutan transformasi dalam sektor perkhidmatan, serta mencakupi bahagian KDNK yang lebih besar. Memandangkan sektor perkhidmatan adalah kurang intensif modal, jumlah nilai kasar aliran baru juga adalah lebih kecil tetapi nilai ditambah dan sumbangannya kepada pertumbuhan adalah lebih tinggi.

Kerajaan terus memastikan dasar yang dilaksanakan akan terus menyokong kemasukan pelaburan asing yang baru dan Malaysia terus kekal sebagai destinasi pilihan untuk syarikat yang mencari peluang di rantau Asia. Inisiatif dasar termasuk satu siri Perjanjian Jaminan Pelaburan (IGA), insentif cukai dan bukan cukai, liberalisasi sektor secara berperingkat, meningkatkan proses pentadbiran dan sistem serahan sektor awam dan mengurangkan keseluruhan kos perniagaan. Keutamaan juga diberi kepada komitmen terhadap dasar makroekonomi yang kukuh.

Definisi, Metodologi dan Pengumpulan Data FDI

Dalam pengumpulan statistik FDI untuk imbangan pembayaran, Malaysia mengguna pakai piawaian antarabangsa dari segi definisi, metodologi dan penilaian. Berdasarkan Manual Imbangan Pembayaran IMF, Edisi Kelima, FDI didefinisikan sebagai "…pegangan asing sekurang-kurangnya 10% daripada pemilikan syarikat dengan kepentingan yang berkekalan"

Aliran sebenar FDI dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS) dalam akaun kewangan imbangan pembayaran yang disiarkan pada setiap suku tahun. Data DOS merujuk kepada pelaburan sebenar yang dilaburkan di Malaysia dalam semua sektor. Data tersebut berbeza daripada data permohonan dan kelulusan yang disiarkan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) pada setiap suku tahun yang merekod terutamanya pelaburan dalam sektor perkilangan dan meliputi pelabur yang memohon pelbagai insentif cukai. Data MIDA juga tidak meliputi pelaburan dalam sektor minyak dan gas.


Data dalam akaun kewangan imbangan pembayaran merangkumi kesemua tiga komponen FDI, iaitu modal ekuiti, perolehan yang dilabur semula dan modal lain (khususnya urus niaga pinjaman antara syarikat). Selain daripada kaji selidik suku tahunan DOS, Bank Negara Malaysia menyelenggarakan Sistem Laporan Imbangan Pembayaran berasaskan Tunai (CBOP). Dalam sistem ini, Bank Negara Malaysia boleh menyediakan data aliran sebenar FDI untuk kesemua urus niaga merentasi sempadan antara pemaustatin dan bukan pemastautin yang dikendalikan melalui sistem perbankan, akaun antara syarikat dan akaun luar negeri.

Sementara data CBOP tidak merekodkan perolehan yang tidak diagih oleh syarikat asing yang sedia ada di Malaysia (kerana tiada pindahan merentasi sempadan melalui sistem perbankan), ia memberi penunjuk yang baik mengenai trend aliran FDI yang baru. Data berasaskan CBOP adalah lebih terkini masa dengan lat selama enam minggu.

Trend FDI Terkini di Malaysia


Aliran FDI **kasar** terus kekal pada tahap yang tinggi, kira-kira RM18 – 20 bilion pada tahun-tahun kebelakangan ini (Graf 1). Aliran masuk FDI menyumbang kepada penubuhan industri dan produk

Graf 1
Aliran Kasar FDI (1990-2002)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia; anggaran Bank Negara Malaysia

Graf 2
Komponen FDI Kasar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia; anggaran Bank Negara Malaysia

yang baru, pengenalan proses dan teknologi pengeluaran yang baru, pertumbuhan perkhidmatan sokongan, penyelidikan dan pembangunan serta akses kepada pasaran baru.

Aliran FDI selepas tempoh krisis kekal stabil disebabkan MNC yang beroperasi di Malaysia terus melabur semula perolehan yang tidak diagih untuk mengembangkan, mempertingkatkan dan mempelbagaikan pengeluaran mereka walaupun terdapat persaingan yang lebih sengit daripada negara-negara yang mempunyai kos buruh yang rendah di rantau ini. Perolehan yang dilabur semula mencakupi hampir separuh daripada aliran kasar FDI bagi tempoh 1998 hingga 2002 (Graf 2).

Sebagai bahagian daripada KDNK, aliran FDI kasar terus kekal pada 6% pada tahun-tahun selepas krisis, berbanding dengan purata 8% pada pertengahan tahun 1990-an ketika aliran FDI memuncak. Ini adalah disebabkan oleh dua perkembangan yang utama:


- Antara tahun 1990 hingga 2002, pelaburan modal setiap pekerja (CIPE) dalam sektor perkilangan meningkat sebanyak 66%, menunjukkan dengan jelas trend ke arah pelaburan dalam projek bernilai ditambah yang lebih tinggi dan berteknologi tinggi serta pengambilan pekerja yang mempunyai kemahiran yang tinggi. Walau bagaimanapun, tahun-tahun kebelakangan ini (2001 hingga 2003), CIPE dalam sektor perkilangan merosot disebabkan **sebahagian besar daripada peningkatan dalam pelaburan adalah terutamanya daripada pengembangan, peningkatan dan pempelbagaian projek yang sedia ada.** Pada masa hadapan, pertumbuhan CIPE dijangka dapat dikekalkan berikutan usaha Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan dalam sektor baru yang mempunyai pertumbuhan tinggi seperti bioteknologi dan industri berasaskan pertanian.

- Memandangkan sebahagian besar aliran FDI adalah disasarkan pada sektor perkhidmatan yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi serta aktiviti berasaskan pengetahuan, **aliran masuk FDI bagi setiap pelaburan menjadi lebih rendah.** Nilai FDI dalam sektor perkhidmatan memperlihatkan nilai yang lebih kecil dengan kandungan import yang rendah tetapi mempunyai kesan pengganda yang lebih besar ke atas pendapatan dan guna tenaga. FDI dalam sektor perkhidmatan lazimnya termasuk pengenalan teknologi baru dan membawa masuk kemahiran khas yang boleh menyumbang kepada peningkatan produktiviti. Perubahan struktur dalam aliran FDI adalah sejajar dengan transformasi ekonomi Malaysia ke arah menjadikan sektor perkhidmatan sebagai satu lagi enjin pertumbuhan serta peralihan ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan.

Perubahan corak aliran FDI

Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna trend aliran masuk FDI ke dalam sektor perkilangan menjadi kurang penting. Aliran masuk FDI ke dalam sektor perkilangan masih tinggi, tetapi pertumbuhan pesat aliran masuk yang baru ke dalam sektor-sektor lain menyebabkan bahagiannya secara relatif menurun kepada 38% pada tempoh 1998 hingga 2002, berbanding 66% pada tempoh 1993 hingga 1997 (Graf 3 dan 4). Sektor perkhidmatan serta minyak dan gas mengalami peningkatan yang ketara dari segi bahagian dalam aliran FDI, masing-masing mencakupi sebanyak 38% dan 24% pada tempoh 1998 hingga 2002.


Graf 3
FDI Kasar Mengikut Sektor



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia; anggaran Bank Negara Malaysia

FDI dalam sektor perkhidmatan adalah semakin menyeluruh, bukan sahaja merangkumi subsektor perkhidmatan pembiayaan, insurans dan perdagangan tetapi juga subsektor lain yang penting seperti perdagangan borong dan runcit serta perhotelan, pengangkutan dan perhubungan serta utiliti. Dalam sektor kewangan, beberapa bank asing telah menubuhkan operasi perbendaharaan, pejabat sokongan (*back-office*) dan pemprosesan data di Malaysia bagi menyokong operasi kumpulan mereka di rantau ini. Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada beberapa kemudahan serantau syarikat asing dan juga tempatan. Sehingga akhir tahun 2003, Kerajaan meluluskan 1,695 kemudahan serantau kepada syarikat milik asing dan juga tempatan. Daripada jumlah tersebut, 71 adalah ibu pejabat operasi (OHQ), 473 pejabat serantau, 141 pusat pemerolehan antarabangsa (IPC), 1,006 pejabat perwakilan dan 4 pusat pengagihan serantau (RDC).


Graf 4
FDI dalam Perkhidmatan



Sumber: Sistem Laporan Imbangan Pembayaran Berasaskan Tunai, Bank Negara Malaysia

Dalam sektor teknologi maklumat (IT), pusat IT Malaysia, iaitu Koridor Raya Multimedia (MSC) terus berkembang. Sehingga bulan Februari 2004, terdapat 283 syarikat asing yang beroperasi dalam MSC, mencakupi 29% daripada syarikat bertaraf MSC dengan guna tenaga lebih daripada 20,000 orang pekerja berpengetahuan. Untuk terus menarik lebih banyak penyertaan asing, *Multimedia Development Corporation* (MDC), iaitu pentadbir MSC, menawarkan pakej insentif kewangan yang menggalakkan. Syarikat-syarikat bertaraf MSC juga diberi keistimewaan dari segi kelonggaran pentadbiran untuk memperoleh modal dan meminjam dana dari seluruh dunia.

Graf 5
FDI pada akhir tahun 2002: stok (bar) dan aliran dalam % KDNK (garisan)




Nota: Nombor HK diperbesarkan oleh aliran diarah semula ke dalam R.R. China melalui Hong Kong China oleh pelabur China Taipei serta 'round-tripping capital' oleh R.R. China (UNCTAD)

Sumber: UNCTAD

FDI Dalam Perspektif Rantau

Di rantau ini, selain Hong Kong China dan Singapura, Malaysia mempunyai kedudukan yang lebih tinggi berbanding dengan kebanyakan ekonomi serantau yang lain dari segi aliran masuk FDI meskipun terdapat kemerosotan dalam aliran FDI ke ekonomi yang sedang giat membangun (Graf 5 & 6). Kehadiran MNC yang tinggi di Malaysia membuktikan kelebihan yang boleh ditawarkan oleh Malaysia dalam pengeluaran global atau rantaian pemasaran. Berdasarkan data Amerika Syarikat, MNC bukan bank Amerika Syarikat mencapai pulangan yang lebih tinggi untuk pelaburan mereka di Malaysia (5.6%), berbanding dengan purata sebanyak 3.5% untuk pelaburan di ekonomi Asia pada tahun 2000.

Graf 6
Sepuluh Penerima FDI Ekonomi Membangun Yang Teratas Pada Tahun 2002



Sumber: UNCTAD

Laporan Pelaburan Dunia UNCTAD 2003 menyenaraikan Malaysia sebagai salah satu daripada sepuluh ekonomi teratas yang berjaya mengatasi kemerosotan aliran FDI global pada tahun 2002. Di samping itu, Laporan FDI tahun 2003 oleh A.T. Kearney menyatakan Malaysia telah meningkatkan daya tarikan sebagai destinasi FDI, dengan membaiki kedudukannya kepada tempat ke 23 (2002: 42) dalam keseluruhan indeks keyakinan FDI. Secara lebih khusus, Malaysia berada dalam kedudukan sepuluh negara teratas yang mendapat FDI bagi industri utama dan membaiki kedudukannya dalam sektor lain seperti elektronik, perlombongan, petrokimia, batu/gelas dan kimia/plastik serta perundingan.

Dasar FDI

Kekukuhan asas ekonomi Malaysia seperti keterbukaan perdagangan, perlindungan undang-undang hak cipta, kadar cukai yang rendah, komitmen kepada penentuan harga pasaran, tenaga pekerja yang berpendidikan tinggi, sistem kewangan yang cekap dan berpelbagai bagi memperoleh modal jangka panjang, urus tadbir korporat yang mantap, infrastruktur yang maju dan pelbagai insentif cukai terus dianggap sebagai kelebihan yang ada pada Malaysia untuk menarik FDI. Sementara dasar sebelum ini adalah lebih menyeluruh pada asasnya, insentif yang diberi telah dipakej semula dan semakin banyak insentif yang ditawarkan mengikut kehendak pelabur dan industri tertentu. Terdapat tiga falsafah umum yang membentuk dasar yang khusus untuk FDI:

- **Insentif cukai dan tanpa cukai** untuk menggalakkan industri tertentu;
- **Liberalisasi** secara berperingkat untuk sektor dari segi kemasukan pasaran, peraturan pengambilan pekerja ekspatriat, pemilikan ekuiti dan pelonggaran peraturan dan pengawalan; dan
- **Peningkatan dalam proses pentadbiran dan meminimumkan kos** untuk menubuhkan dan menjalankan perniagaan di Malaysia.

Dalam rangka kerja ini, terdapat pelbagai langkah yang khusus, yang ditujukan dan lebih penting lagi, memberi manfaat kepada pelabur. Di samping itu, disebabkan rangka kerja pelaburan tersebut adalah berorientasikan pencapaian dan bukannya berorientasikan insentif, maka insentif tersebut sentiasa diubahsuai bagi memenuhi kehendak pelabur melalui mekanisme yang sedia ada untuk rundingan antara Kerajaan dan MNC. Ini diperakui oleh *World Competitiveness Yearbook* 2003 yang menempatkan Malaysia sebagai pilihan kedua terbaik di dunia dari segi tanggapan syarikat tentang keupayaan Kerajaan untuk menyesuaikan dasar mengikut perubahan dalam ekonomi. Selain daripada insentif fiskal dan insentif khusus lain, langkah-langkah liberalisasi sektor secara berperingkat menawarkan peluang baru kepada pelabur asing dalam sektor barangan dan perkhidmatan.

Kerajaan telah melaksanakan pendekatan yang menyeluruh untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan serta menggalakkan peningkatan kecekapan dan kemajuan teknologi melalui pakatan strategik dengan pelabur asing dalam sektor ekonomi utama. Kerajaan juga menyedari kepentingan untuk menjalin hubungan yang lebih erat antara perusahaan kecil dan sederhana tempatan (PKS) dengan syarikat milik asing yang besar. Oleh itu, dasar semasa yang menitikberatkan pembangunan sektor PKS yang kukuh dan berdaya maju dilihat sebagai pelengkap kepada usaha menarik FDI. Dengan meluaskan asas industri tempatan, ekonomi akan beroleh keuntungan dengan mengagihkan faedah FDI secara adil. Pada masa yang sama, pelabur asing dapat menikmati barangan dan perkhidmatan berkualiti tinggi yang disediakan oleh ekonomi dalam negeri pada kos yang rendah. Dalam menuju ke hadapan, strategi pertumbuhan yang seimbang yang melibatkan sinergi antara syarikat milik tempatan dan asing akan membolehkan negara ini bertindak secara berkesan terhadap persekitaran global yang semakin kompetitif.

berkaitan petroleum dan industri aeroangkasa. Beberapa syarikat multinasional daripada industri elektrik dan elektronik di Malaysia juga telah melabur di luar negeri, terutamanya melalui pemberian pinjaman kepada anak syarikat mereka di negara–negara berkos rendah. Pelaburan luar negeri Malaysia terus menghasilkan keputusan yang positif. Keuntungan dan dividen yang terakru kepada syarikat Malaysia daripada pelaburannya di luar negeri meningkat kepada RM2 bilion pada 2003 (2002: RM0.7 bilion).

Pelaburan portfolio bertukar arah dengan mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM4.2 bilion pada tahun 2003 (2002: -RM6.5 bilion). Pada separuh tahun pertama, pelaburan portfolio mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM1.3 bilion berikutan kelembapan sentimen pasaran serantau akibat ketidaktentuan tinjauan ekonomi global kesan daripada ketegangan geopolitik di Timur Tengah dan SARS. Walau bagaimanapun, aliran keluar bersih ini adalah jauh lebih rendah berbanding separuh pertama dan kedua tahun 2002.

Peningkatan besar pelaburan portfolio sebanyak RM5.5 bilion pada separuh tahun kedua mencerminkan peningkatan keyakinan pelabur berikutan tanda-tanda pertumbuhan serta prospek yang lebih baik bagi ekonomi Malaysia. Sebahagian besar aliran masuk portfolio disalurkan kepada pasaran ekuiti, berikutan peningkatan taraf berdaulat Malaysia oleh sebuah agensi penarafan pada bulan Oktober.

Akaun pelaburan lain mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih tinggi sebanyak RM20.5 bilion pada tahun 2003, disebabkan terutamanya oleh perubahan arah daripada pengambilan pinjaman luar negeri bersih yang dibuat pada tahun 2002 kepada pembayaran balik bersih yang besar pada tahun 2003. Sementara itu, aliran keluar bersih oleh sektor swasta lebih sederhana bagi tahun keempat berturut-turut . **Sektor awam** mencatatkan pembayaran bersih yang besar sebanyak RM11.2 bilion pada tahun 2003, sejajar dengan strategi hutang luar negeri Kerajaan yang berhemat serta komitmen terhadap konsolidasi fiskal. Sebagai mengambil kesempatan daripada rejim kadar faedah global yang lebih baik, Kerajaan juga telah membuat pembayaran awal dan membiayai semula beberapa pinjaman, yang seterusnya mengurangkan kos bayaran khidmat hutang. Perusahaan Awam Bukan kewangan (PABK) juga mencatatkan pembayaran balik bersih yang lebih tinggi apabila kapasiti perolehan mereka bertambah baik pada tahun 2003.

Pada tahun 2003, pelaburan lain oleh **sektor swasta**, yang terdiri terutamanya daripada peminjaman dan pemberian pinjaman serta penempatan dan pengeluaran deposit oleh sektor swasta perbankan dan bukan perbankan dengan syarikat-syarikat bertimbal yang tidak berkaitan, jelas bertambah baik dengan mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM9.3 bilion (2002: -RM15.1 bilion). Aliran keluar yang jauh lebih rendah dicatatkan oleh sektor swasta bukan perbankan, manakala sektor perbankan mengekalkan aliran masuk bersih yang lebih kecil. Pinjaman bersih mata wang asing oleh sektor perbankan, walaupun lebih rendah, terus mencerminkan peluang arbitraj akibat perbezaan kadar faedah yang kekal berpihak kepada Malaysia. Begitu juga, aliran keluar sektor swasta bukan perbankan yang lebih rendah disebabkan terutamanya oleh penyusutan kredit perdagangan yang diberi oleh pengeksport Malaysia kepada pengimport luar negeri. Ini mencerminkan perubahan pendekatan pengeksport untuk mengambil kesempatan daripada suasana monetari dan kewangan yang lebih baik.

Hutang Luar Negeri

Strategi pengurusan hutang luar negeri yang berhemat terus menjadi satu bahagian penting dalam dasar makroekonomi pada tahun 2003. Malaysia terus mengekalkan strategi pengurusan hutang luar negeri yang aktif yang memenuhi garis panduan pengurusan yang mengurangkan risiko melalui profil mata wang dan tempoh kematangan yang seimbang. Syarikat-syarikat yang mendapatkan pembiayaan luar negeri untuk beroperasi di Malaysia, secara umumnya, dikehendaki menggunakan dana pinjaman untuk aktiviti produktif yang mempunyai pendapatan tukaran asing. Ini akan memberi perlindungan semulajadi terhadap bayaran khidmat hutang. Syarikat-syarikat juga digalakkan membuat pinjaman yang mempunyai tempoh kematangan yang lebih panjang, manakala pembiayaan pelaburan jangka panjang menggunakan pinjaman jangka pendek oleh sektor swasta bukan bank tidak digalakkan. Peraturan berhemat bagi mencapai matlamat ini berkesan bagi memastikan hutang luar negeri Malaysia kekal rendah dan profil risikonya seimbang.

Pada tahun 2003, jumlah hutang luar negeri yang belum dijelaskan meningkat sedikit sebanyak 0.9% kepada RM187.2 bilion (AS$49.3 bilion). Peningkatan hutang luar negeri ini mencerminkan terutamanya pinjaman bersih yang kecil oleh sektor swasta dan kerugian penilaian semula pertukaran asing akibat penyusutan nilai mata wang dolar AS. Hutang luar

Jadual 1.24
Hutang Luar Negeri Yang Belum Dijelaskan

	2002		2003*a*	
	RM juta	AS$ juta	RM juta	AS$ juta
Jumlah hutang	**185,643**	**48,853**	**187,250**	**49,276**
Jangka sederhana dan panjang	153,587	40,418	152,788	40,207
Jangka pendek[1]	32,055	8,436	34,462	9,069
% daripada jumlah hutang	*17.3*	*17.3*	*18.4*	*18.4*
% daripada rizab antarabangsa	*24.4*	*24.4*	*20.2*	*20.2*
% daripada KNK				
Jumlah hutang	55.3	55.3	50.7	50.7
Hutang jangka sederhana dan panjang	45.8	45.8	41.4	41.4
% daripada eksport barangan dan perkhidmatan				
Jumlah hutang	44.3	44.3	40.4	40.4
Hutang jangka sederhana dan panjang	36.6	36.6	32.9	32.9
Nisbah khidmat bayaran hutang (%)	**6.7**	**6.7**	**6.1**	**6.1**

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi-institusi perbankan pemastautin.
a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

suasana pengambilan pinjaman yang lebih rendah (-12.1%), pembayaran balik pinjaman jangka sederhana dan panjang meningkat dengan ketara sebanyak 25.1%. Buat kali pertama semenjak tahun 1992, sektor awam mencatatkan pembayaran balik bersih yang ketara sebanyak RM11 bilion (2002: +RM4.7 bilion), mencerminkan pembayaran balik bersih oleh Kerajaan Persekutuan (-RM3.7 bilion) dan PABK (-RM7.3 bilion). Sementara itu, kedudukan hutang sektor swasta berubah dengan mencatatkan pengambilan pinjaman bersih sebanyak RM3.1 bilion (2002: -RM4 bilion). Walau bagaimanapun, setelah mengambil kira kerugian penilaian semula pertukaran asing sebanyak RM4.1 bilion akibat kenaikan nilai mata wang utama, khususnya euro dan yen terhadap dolar AS, dan pengelasan semula satu pinjaman tempatan dalam sebutan mata wang asing yang sebelum ini diperoleh daripada sebuah bank luar pesisir di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan kepada pinjaman luar negeri, hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang hanya berkurangan sedikit, iaitu sebanyak RM0.8 bilion.


Hutang luar negeri kekal stabil pada paras yang terkawal. Pembayaran balik yang lebih tinggi dan pengambilan pinjaman baru yang sederhana oleh sektor awam menyebabkan bahagian hutang sektor ini kepada jumlah hutang luar negeri menjadi lebih rendah.

negeri sektor awam, terdiri daripada Kerajaaan Persekutuan dan PABK, berkurangan pada tahun 2003 disebabkan pembayaran balik dan prabayaran hutang bersih yang lebih tinggi. Nisbah hutang luar negeri kepada KNK dan hutang luar negeri kepada eksport barangan dan perkhidmatan terus bertambah baik, masing-masing kepada 50.7% dan 40.4% (2002: masing-masing 55.3% dan 44.3%). Oleh itu, nisbah bayaran khidmat hutang secara keseluruhan (tidak termasuk prabayaran) berkurangan kepada 6.1% pada tahun 2003 (2002: 6.7%). Paling ketara, bahagian hutang jangka pendek kepada jumlah hutang luar negeri kekal rendah, mencakupi hanya 18.4% daripada jumlah hutang luar negeri. Nisbah hutang jangka pendek kepada rizab antarabangsa juga bertambah baik, mencakupi 20.2% daripada rizab (akhir tahun 2002: 24.4%).

Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang yang belum dijelaskan kekal stabil sebanyak RM152.8 bilion (AS$40.2 bilion) pada akhir tahun 2003 (2002: RM153.6 bilion). Dalam


Pada tahun 2003, **hutang luar negeri jangka pendek** (tempoh matang setahun atau kurang) meningkat sebanyak RM2.4 bilion kepada RM34.5 bilion (AS$9.1 bilion), mencerminkan terutamanya peningkatan pinjaman luar negeri oleh sektor perbankan, khususnya pada suku kedua. Peningkatan tersebut adalah disebabkan terutamanya oleh aktiviti perlindungan nilai bank berhubung dengan urus niaga yang berkaitan dengan perdagangan. Menjelang akhir tahun, dengan peningkatan deposit mata wang asing bank perdagangan pada suku keempat, institusi perbankan mula mengurangkan pinjaman asing antara bank yang diambil bagi membayar penjualan hadapan pertukaran asing oleh para pengeksport. Sementara itu, pinjaman jangka pendek sektor swasta bukan bank, yang sebahagian besarnya terdiri daripada kredit pusingan, kemudahan overdraf dan pinjaman berjangka, berkurangan sedikit pada tahun 2003. Pengurangan pinjaman jangka pendek disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik kemudahan-

Graf 1.42a
Hutang Luar Negeri Yang Belum Dijelaskan



[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi-institusi perbankan pemastautin

Graf 1.42b
Bayaran Khidmat Hutang




kemudahan ini oleh beberapa syarikat utama, khususnya daripada sektor minyak dan gas.

Sebahagian besar hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang terus disebut dalam dolar AS (jumlahnya kekal stabil pada 77% pada akhir tahun 2003), memandangkan penjelasan bayaran bagi aktiviti perdagangan dan pelaburan adalah terutamanya dalam dolar AS. Oleh itu, peningkatan nilai yen dan euro pada tahun 2003 hanya mengakibatkan kerugian penilaian semula yang kecil, bersamaan 2.6% daripada jumlah hutang jangka sederhana dan panjang. Pada tahun 2003, bahagian hutang dalam sebutan yen berkurangan sedikit kepada 13% (2002: 14%) disebabkan sebahagiannya oleh pembayaran sekali gus satu pinjaman sebutan yen oleh Kerajaan Persekutuan, manakala bahagian pinjaman dalam sebutan euro meningkat sedikit kepada 5% (2002: 4%). Baki 5% daripada hutang disebut dalam mata wang asing lain, termasuk paun sterling, franc Switzerland dan dolar Singapura.

Hutang luar negeri sektor awam: Pada akhir tahun 2003, hutang luar negeri sektor awam yang belum dijelaskan berkurangan sebanyak RM3.8 bilion kepada RM96.8 bilion (AS$25.5 bilion), mencerminkan pembayaran balik pinjaman yang lebih tinggi oleh Kerajaan Persekutuan dan PABK. Hasilnya, bahagian hutang luar negeri sektor awam kepada jumlah hutang luar negeri berkurangan kepada 51.7% (2002: 54.2%). Pada tahun 2003, Kerajaan Persekutuan mengekalkan amalan mendapatkan keperluan pembiayaan terutamanya dari sumber dalam negeri yang tidak mendorong inflasi.

Pada tahun 2003, tiga strategi utama diguna pakai oleh **Kerajaan Persekutuan** bagi mengurus hutang luar negeri. Pertama, Kerajaan Persekutuan tidak bergantung kepada pengambilan pinjaman baru daripada pasaran modal antarabangsa, sungguhpun kedudukan hutang luar negeri Malaysia rendah. Oleh itu, pengambilan pinjaman luar negeri kasar Kerajaan berkurangan dengan ketara sebanyak RM7.3 bilion (AS$1.9 bilion) kepada RM3.1 bilion (AS$0.8 bilion) pada tahun 2003. Kedua, Kerajaan meningkatkan pembayaran balik, termasuk prabayaran pinjaman luar negeri, kepada RM6.9 bilion (2002: -RM2.4 bilion). Pada tahun 2003, Kerajaan menyelesaikan lebih awal pembayaran dua pinjaman luar negeri berjumlah RM1.6 bilion, iaitu Nota Kadar Berubah yang matang pada tahun 2005 dan satu pinjaman sindiket yang matang pada tahun 2005/07. Ketiga, sebagai mengambil kesempatan daripada margin yang semakin mengecil berikutan kedudukan kredit dan keyakinan pelabur yang semakin baik, Kerajaan Persekutuan membiayai semula beberapa pinjaman berjangka dan sindiket yang lebih mahal. Pada bulan Januari, satu pinjaman berjangka bernilai ¥1.4 bilion yang matang pada tahun 2006 diambil pada Libor + 57.5 mata asas untuk membiayai semula pinjaman berjangka dengan kadar 3.17% bernilai ¥4.1 bilion yang matang pada tahun 2006. Pada bulan Mac, Kerajaan membiayai semula satu pinjaman sindiket dua mata wang bernilai AS$250 juta dan ¥54 bilion

Graf 1.43
Tebaran Kadar Faedah Bon Global Kerajaan dan Bon Terpilih PABK berbanding dengan Pulangan Bil Perbendaharaan A.S.



pada margin yang lebih rendah, iaitu Libor + 38 mata asas (sebelum ini Libor + 125 mata asas). Namun, selepas mengambil kira pengelasan semula satu pinjaman tempatan dalam sebutan mata wang asing kepada pinjaman luar negeri serta kerugian penilaian semula pertukaran asing pada tahun 2003, hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan yang belum dijelaskan meningkat sedikit kepada RM37.3 bilion atau AS$9.8 bilion (2002: RM36.3 bilion).

Mencerminkan kedudukan ekonomi Malaysia yang kukuh, tebaran kadar faedah ke atas sekuriti penanda aras Malaysia terus mengecil lagi pada tahun 2003. Tebaran Bon Global Malaysia yang matang pada tahun 2011 mengecil kepada 36 mata asas pada akhir tahun 2003 (akhir tahun 2002: 145 mata asas). Begitu juga dengan tebaran bagi Bon Global yang matang pada tahun 2009 terus mengecil secara tetap pada tahun 2003 kepada 85 mata asas pada akhir tahun 2003 (akhir tahun 2002: 183 mata asas). Pada tahun 2003, *Standard & Poor's* menaikkan penarafan jangka panjang mata wang asing Kerajaan Malaysia kepada A- daripada BBB+ dan memberikan prospek yang stabil bagi penarafan pada 7 Oktober 2003. Sementara itu, *Moody's Investor Service, Fitch* serta *Japan Credit Rating Agency* juga mengesahkan penarafan masing-masing terhadap Kerajaan Malaysia. Tambahan lagi, pada 30 Januari 2004, *Rating And Investment Information Inc* menaikkan penarafan mata wang asing jangka panjang Malaysia kepada A- dari BBB+, dengan prospek stabil. Pada 6 Februari 2004, *Moody* turut mengubah prospek penarafan mata wang asing Malaysia kepada positif.

Hutang luar negeri **PABK** terus berkurangan pada tahun 2003 kepada RM59.6 bilion (AS$15.7 bilion; 2002: RM64.3 bilion). Persekitaran kadar faedah yang rendah dan prestasi teguh perolehan PABK yang berterusan membolehkan PABK menyelaraskan kedudukan hutang mereka. PABK mencatatkan pembayaran balik bersih yang lebih tinggi, sebanyak RM7.3 bilion (2002: -RM3.3 bilion), mencerminkan pembayaran balik yang nyata lebih tinggi, termasuk prabayaran dan pembiayaan semula beberapa pinjaman berkos tinggi. Pembayaran balik ini (-RM12.4 bilion), termasuk penyelesaian beberapa pinjaman besar, dilakukan terutamanya oleh PABK dalam sektor minyak dan gas, pengangkutan dan telekomunikasi. Aliran masuk pengambilan pinjaman luar negeri juga meningkat kepada RM5.2 bilion (2002: RM3.7 bilion). Pinjaman tersebut dibuat untuk membiayai pelaburan modal dan pelaburan luar negeri, serta pembiayaan semula pinjaman yang lebih mahal.

Hutang luar negeri sektor swasta: Hutang sektor swasta (termasuk hutang jangka pendek) terus mencakupi bahagian yang besar daripada hutang luar negeri Malaysia, pada 48.3% daripada jumlah hutang pada tahun 2003 (2002: 45.8%). Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang sektor swasta meningkat sebanyak 5.6% kepada RM55.9 bilion (AS$14.7 bilion) pada akhir tahun 2003. Pada tahun 2003, pengambilan pinjaman hutang luar negeri yang lebih besar berjumlah RM12.7 bilion (2002: RM9.7 bilion) dibuat terutamanya oleh syarikat pelaburan induk serta syarikat dalam sektor perkilangan dan perladangan. Pengambilan ini terutamanya untuk membiayai perbelanjaan modal dan pelaburan luar negeri. Sementara itu, pembayaran balik oleh sektor swasta berkurangan kepada RM9.6 bilion pada tahun 2003 (2002: RM13.7 bilion). Walaupun hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang lebih tinggi sedikit, risiko keseluruhan kekal rendah kerana sebahagian besar hutang luar negeri sektor swasta mempunyai perlindungan nilai semula jadi. Kebanyakan pinjaman ini digunakan untuk membiayai aktiviti berorientasikan eksport yang produktif dengan perolehan mata wang asing bagi membayar hutang. Tambahan pula, kira-kira dua pertiga daripada jumlah peminjaman luar negeri sektor swasta diperoleh oleh syarikat milik bukan pemastautin daripada para pemegang saham mereka atau syarikat yang berkaitan di luar negeri. Pinjaman seumpama ini biasanya diberi berdasarkan syarat yang lebih fleksibel, termasuk tempoh kematangan yang lebih panjang dan kadar faedah yang rendah.

Di samping penerbitan maklumat terperinci hutang luar negeri yang sedia ada, Malaysia mematuhi **Piawai Penyebaran Data Khas** (SDDS) **IMF yang baru** bagi data hutang luar negeri semenjak 30 September 2003. Keperluan data hutang luar negeri menurut piawaian SDDS yang baru adalah sejajar dengan format statistik kedudukan pelaburan antarabangsa seperti yang terkandung dalam edisi kelima Garis Panduan Imbangan Pembayaran. Mengikut laporan baru bagi data hutang luar negeri, mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin di institusi perbankan pemastautin dikategorikan dalam liputan hutang luar negeri. Walaupun Bank Negara Malaysia telah menggunakan liputan ini dalam laporan hutang luar negeri menurut piawaian SDDS, Bank Negara Malaysia buat masa ini tidak akan memasukkan mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi-insitusi perbankan pemastautin ke dalam penerbitannya. Sebaliknya, Bank Negara Malaysia akan terus menyiarkan butiran ini sebagai sebahagian daripada tanggungan luaran sistem perbankan dalam statistik bulanan Bank Negara Malaysia. Walau bagaimanapun, supaya ia selaras dengan format liputan SDDS yang baru, jadual hutang luar negeri dalam semua penerbitan Bank Negara Malaysia akan dikemas kini pada tahun 2004.

Rizab Antarabangsa

Rizab antarabangsa yang dipegang oleh Bank Negara Malaysia terdiri daripada emas dan pertukaran wang asing, kedudukan rizab dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan milikan Hak Pengeluaran Khas (SDR). Pada tahun 2003, rizab antarabangsa bersih meningkat sebanyak RM39.1 bilion atau AS$10.3 bilion, kepada paras tertinggi iaitu RM170.5 bilion atau AS$44.9 billion pada akhir tahun 2003. Ini adalah peningkatan tahunan yang terbesar dalam tempoh sedekad lepas. Pertambahan rizab yang ketara sepanjang tahun 2003 mencerminkan aktiviti ekonomi yang lebih pesat, prestasi eksport yang lebih baik serta aliran masuk pelaburan langsung asing dan pelaburan portfolio. Pada 15 Mac 2004, rizab meningkat lagi kepada RM194.9 bilion atau AS$51.3 bilion. Paras rizab antarabangsa ini adalah cukup untuk membiayai 7.8 bulan import tertangguh dan menampung 5.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.


Rizab antarabangsa bersih meningkat kepada AS$51.3 bilion pada 15 Mac 2004, mencerminkan aktiviti ekonomi yang lebih pesat, prestasi eksport yang lebih baik serta aliran masuk pelaburan langsung asing dan pelaburan portfolio.

Paling ketara, rizab antarabangsa yang dipegang oleh Bank Negara Malaysia adalah tidak berbeban dan boleh digunakan sepenuhnya. Rizab tidak mengandungi hutang dalam sebutan mata wang asing yang melibatkan opsyen terkandung, serta tidak terdapat saluran kredit tanpa syarat yang belum digunakan, yang diberi oleh atau kepada bank-bank pusat lain, organisasi antarabangsa, bank-bank dan

Jadual 1.25
Rizab Antarabangsa Bersih

	Pada akhir tahun			Perubahan
	2001	2002	2003	2003
	RM juta			
Milikan SDR	487.8	585.0	685.0	100.0
Kedudukan rizab dengan IMF	3,193.5	3,315.5	3,652.0	336.5
Emas dan pertukaran wang asing	113,542.3	127,515.1	166,139.3	38,624.2
Rizab Antarabangsa Kasar	**117,223.6**	**131,415.6**	**170,476.3**	**39,060.7**
Tolak Tanggungan luar negeri Bank Negara Malaysia	20.7	21.9	23.8	1.9
Rizab Antarabangsa Bersih	**117,202.9**	**131,393.7**	**170,452.5**	**39,058.8**
Nilai dalam AS$ juta	**30,842.9**	**34,577.3**	**44,855.9**	**10,278.6**
Bulan import tertangguh	5.1	5.4	6.8	
Rizab/Hutang luar negeri jangka pendek (kali)	4.9	4.1	4.9	

Graf 1.44
Rizab Antarabangsa Bersih (Akhir bulan)



Jadual 1.26
Rizab Antarabangsa Untuk Negara-negara Serantau Terpilih

Negara	Rizab pada akhir-2003, (AS$ bilion)	Rizab dalam bulan import	Rizab berbanding hutang luar negeri jangka pendek*	Rizab berbanding hutang luar negeri*
China Taipei	206.6	19.5	4.6	3.4
Hong Kong China	118.4	21.9	0.5	0.3
Indonesia	36.3	13.4	t.d.	0.3
Korea	155.4	10.4	2.6	1.0
Malaysia	**44.9**	**6.8**	**4.9**	**0.9**
Filipina	16.9	5.2	2.7	0.3
Republik Rakyat China	403.3	11.7	6.0	2.2
Singapura	96.3	9.0	t.d.	t.d.
Thailand	42.1	6.8	3.7	0.8

* Kecuali Malaysia, data hutang luar negeri merujuk kepada baki pada akhir S3 2003.
t.d. Tidak didapati.

Sumber: Badan-badan kebangsaan; Bank Pembangunan Asia

pembayaran balik hutang luar negeri yang lebih tinggi oleh sektor awam, termasuk penyelesaian beberapa pinjaman besar oleh PABK. Walaupun aliran keluar dari segi pelaburan luar negeri oleh syarikat-syarikat Malaysia, terutamanya dalam sektor minyak dan gas, kekal besar, ia juga menghasilkan pulangan dalam bentuk keuntungan dan dividen serta perolehan faedah berjumlah RM2 bilion pada tahun 2003 (2002: RM0.7 bilion) dan menjana perolehan eksport daripada pasaran-pasaran baru.

Rizab Malaysia turut menghasilkan keuntungan penilaian semula ekoran pelarasan sukuan rizab pada setiap suku tahun 2003 kesan daripada pengukuhan nilai mata wang asing utama berbanding dolar AS pada tahun 2003. Keuntungan penilaian semula bersih pada tahun 2003 berjumlah RM11.9 bilion atau AS$3.1 bilion, berbanding RM6.6 bilion atau AS$1.7 bilion pada tahun 2002. Keuntungan ini melebihi kerugian penilaian semula pada tahun 2001 (-RM4.1 bilion atau -AS$1.1 bilion) dan tahun 2000 (-RM5.3 bilion atau -AS$1.4 bilion).

Dalam pengurusan rizab, satu pendekatan berhemat diguna pakai untuk mencapai objektif bagi memastikan modal terpelihara dan kecairan rizab di samping memastikan pulangan yang optimum.

institusi kewangan yang lain. Bank Negara Malaysia juga tidak terlibat dengan opsyen dalam mata wang asing berbanding ringgit.

Pada tahun 2003, aliran masuk pertukaran wang asing dijana terutamanya oleh peningkatan mendadak dalam lebihan dagangan serta penghantaran balik perolehan eksport yang lebih awal memandangkan perbezaan kadar faedah berpihak kepada Malaysia. Pengumpulan rizab turut disebabkan oleh aliran masuk dana asing yang kekal tinggi bagi pelaburan langsung asing dan juga ke dalam pasaran ekuiti. Aliran keluar bersih dana portfolio akibat ketidaktentuan geopolitik dan wabak SARS pada separuh pertama tahun 2003 bertukar arah pada separuh kedua tahun 2003, berikutan prestasi ekonomi yang bertambah kukuh di samping prospek perolehan korporat yang bertambah baik. Peningkatan rizab juga mencerminkan keuntungan penilaian semula bersih pada tahun 2003.

Peningkatan rizab pada tahun 2003 berlaku dalam suasana aliran keluar yang lebih tinggi ekoran pembayaran import barangan dan perkhidmatan yang lebih besar serta penghantaran balik keuntungan dan dividen yang didorong oleh aktiviti ekonomi yang lebih kukuh. Terdapat juga

Dalam pengurusan rizab, satu pendekatan berhemat diguna pakai untuk mencapai objektif bagi memastikan modal terpelihara dan kecairan rizab di samping memastikan pulangan yang optimum. Rizab, yang terdiri daripada emas dan mata wang asing utama, adalah cukup dipelbagaikan.

Sebagai ahli IMF, Malaysia boleh menyimpan rizab dengan IMF dalam bentuk SDR, melalui penyertaan dalam Bajet Operasi *(Operational Budget)*. Dalam Bajet Operasi, pihak IMF menjemput negara-negara ahli yang dianggap 'kukuh' serta mempunyai lebihan dalam imbangan pembayaran mereka untuk menyediakan sumber kepada ahli-ahli yang berdepan dengan masalah imbangan pembayaran. Sebagai balasan, ahli-ahli yang mencarum bersetuju untuk menerima tuntutan daripada IMF (diistilahkan sebagai **kedudukan rizab dengan IMF**) yang boleh dikeluarkan apabila terdapat keperluan dalam imbangan pembayaran.

Pada tahun 2003, mencerminkan keteguhan imbangan pembayaran serta paras rizab kasar negara, Malaysia dimasukkan ke dalam Bajet Operasi IMF. Ini dicerminkan oleh peningkatan pembelian bersih berjumlah SDR5 juta, yang meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai pemiutang bersih dengan IMF, dan seterusnya meningkatkan paras rizab Bank Negara Malaysia. Dalam sebutan ringgit, kedudukan rizab dengan IMF meningkat sebanyak RM336.5 juta pada akhir tahun 2003. Sementara itu, perolehan imbuhan yang diterima daripada IMF menghasilkan peningkatan milikan SDR Malaysia sebanyak SDR8 juta kepada SDR121 juta pada akhir tahun 2003.

Bank Negara Malaysia menyiarkan maklumat kedudukan rizab antarabangsa serta penyata aset dan liabiliti Bank setiap dua minggu, dengan lat satu minggu. Bank Negara Malaysia juga memenuhi keperluan format SDDS dengan menerbitkan rangka data rizab pada penghujung bulan dengan lat satu bulan. Rangka data SDDS bukan sahaja meliputi maklumat terperinci rizab antarabangsa, malah mengandungi maklumat jangkaan hadapan tentang saiz, komposisi dan kebolehgunaan rizab rasmi dan aset-aset mata wang asing yang lain, serta aliran keluar masuk pertukaran asing oleh Kerajaan dan Bank Negara Malaysia pada masa hadapan dan potensinya (luar jangka) sepanjang 12 bulan akan datang.

Aliran Dana

Ekonomi mencatat lebihan sumber yang lebih tinggi sebanyak RM50.8 bilion atau 13.7% daripada KNK pada tahun 2003 (lebihan sumber sebanyak RM30.5 bilion atau 9.1% daripada KNK pada tahun 2002). Dari segi imbangan pembayaran, lebihan sumber yang lebih tinggi mencerminkan peningkatan eksport berbanding import, berikutan perkembangan permintaan luar negara yang lebih baik pada separuh tahun kedua. Eksport meningkat dengan lebih kukuh pada kadar 8.6% (6.6% pada tahun 2002), sementara import meningkat pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 5.4% (6.5% pada tahun 2002). Dari perspektif jurang simpanan-pelaburan negara, peningkatan lebihan sumber mencerminkan kedudukan simpanan bersih sektor swasta yang lebih tinggi. Aliran dana antara pelbagai sektor dalam ekonomi bagi tahun ini ditunjukkan dalam Jadual 1.27 dan 1.28.

Pendapatan lebih guna sektor awam meningkat sebanyak 5.9% kepada RM120.2 bilion pada tahun 2003. Bagaimanapun, pendapatan lebih guna yang lebih tinggi diimbangi oleh peningkatan penggunaan dan pelaburan awam selaras dengan usaha Kerajaan untuk mengukuhkan aktiviti ekonomi berikutan perkembangan luar negara yang kurang menggalakkan pada separuh pertama tahun 2003. Oleh itu, lebihan sumber sektor awam hanya meningkat sedikit kepada RM10 bilion pada tahun 2003 (RM9.8 bilion pada tahun 2002). Lebihan sumber keseluruhannya mencerminkan lebihan daripada Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) sebanyak RM24.7 bilion; yang diimbangi oleh jurang sumber Kerajaan Awam sebanyak RM14.7 bilion. Sebahagian besar jurang sumber Kerajaan Awam dibiayai oleh pinjaman dalam negeri bersih (RM12.9 bilion). Pinjaman Kerajaan dan lebihan sumber PABK digunakan untuk membayar pinjaman bersih luar negeri sebanyak RM11.2 bilion sementara sebanyak RM11.7 bilion dipindahkan kepada sektor swasta pada tahun ini.

Lebihan sumber sektor swasta meningkat dua kali ganda kepada RM40.8 bilion atau 11% daripada KNK pada tahun 2003 berbanding RM20.7 bilion atau 6.2% daripada KNK pada tahun 2002. Pendapatan boleh guna yang lebih tinggi sebanyak RM239.9 bilion pada tahun ini (RM211.5 bilion pada tahun 2002) hasil daripada pengukuhan aktiviti ekonomi membolehkan sektor swasta meningkatkan perbelanjaan penggunaan (6.5%). Pada masa yang sama, pelaburan sektor swasta bertukar arah (2.4%). Ini adalah pertumbuhan positif yang pertama sejak tahun 2000. Lebihan sumber sektor swasta berserta aliran masuk bersih FDI (RM4.2 bilion), pinjaman bersih daripada sektor perbankan (RM32.4 bilion) dan pindahan bersih daripada sektor awam (RM11.7 bilion), menyumbang kepada peningkatan sumber yang lebih besar sebanyak RM89.1 bilion (RM79.4 bilion pada tahun 2002) bagi sektor swasta.

Sejumlah besar daripada lebihan sumber bagi sektor swasta adalah dalam bentuk simpanan bersih deposit dengan sistem perbankan sebanyak RM48.5 bilion. Sebahagian daripada lebihan sumber juga digunakan untuk pembayaran balik pinjaman luar negeri oleh sektor swasta (RM12.8 bilion). Bagi keseluruhan ekonomi, lebihan akaun semasa yang besar dan kemasukan FDI yang berterusan, adalah lebih daripada cukup untuk menampung aliran keluar. Oleh itu, rizab bersih antarabangsa meningkat sebanyak RM39.1 bilion kepada RM170.5 bilion pada akhir tahun 2003.

Jadual 1.27
Aliran Dana: 2002

	Akaun Negara	Ekonomi Domestik			Negara-Negara Lain	Jumlah
		Sektor Awam	Sektor Swasta	Sistem Perbankan		
	RM bilion					
Pendapatan Boleh Guna	-325.0	113.5	211.5			0
Penggunaan	209.5	-50.0	-159.5			0
Pelaburan	83.8	-53.7	-30.1			0
Perubahan dalam Stok	1.3		-1.3			0
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	415.0				-415.0	0
Import Barangan dan Perkhidmatan	-348.9				348.9	0
Bayaran Faktor Luar Negara Bersih	-25.1				25.1	0
Pindahan Bersih	-10.6				10.6	0
Imbangan Bukan Kewangan	0.0	9.8	20.7	0.0	-30.5	0
Pembiayaan Asing						
Pelaburan Korporat			4.9		-4.9	0
Peminjaman Asing Bersih		4.7	-27.9		23.2	0
Perubahan Bersih dalam Aset Asing						
Bank Negara Malaysia				-14.2	14.2	0
Sistem Perbankan				6.3	-6.3	0
Pembiayaan Domestik						
Perubahan dalam Kredit Domestik		11.5	27.7	-39.3		0
Perubahan dalam Bekalan Wang, M3			-31.6	31.6		0
Peminjaman Bersih daripada Sektor Bukan Bank		-26.1	26.1			0
Kesilapan dan Ketinggalan			-19.9	15.5	4.4	0
Jumlah		0	0	0	0	

Jadual 1.28
Aliran Dana: 2003

	Akaun Negara	Ekonomi Domestik			Negara-Negara Lain	Jumlah
		Sektor Awam	Sektor Swasta	Sistem Perbankan		
	RM bilion					
Pendapatan Boleh Guna	-360.1	120.2	239.9			0
Penggunaan	223.7	-53.9	-169.8			0
Pelaburan	87.1	-56.3	-30.8			0
Perubahan dalam Stok	-1.5		1.5			0
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	450.6				-450.6	0
Import Barangan dan Perkhidmatan	-367.9				367.9	0
Bayaran Faktor Luar Negara Bersih	-22.6				22.6	0
Pindahan Bersih	-9.3				9.3	0
Imbangan Bukan Kewangan	0.0	10.0	40.8	0.0	-50.8	
Pembiayaan Asing						
Pelaburan Korporat			4.2		-4.2	0
Peminjaman Asing Bersih		-11.2	-12.8		24.0	0
Perubahan Bersih dalam Aset Asing						
Bank Negara Malaysia				-39.1	39.1	0
Sistem Perbankan				7.7	-7.7	0
Pembiayaan Domestik						
Perubahan dalam Kredit Domestik		12.9	32.4	-45.3		0
Perubahan dalam Bekalan Wang, M3			-48.5	48.5		0
Peminjaman Bersih daripada Sektor Bukan Bank		-11.7	11.7			0
Kesilapan dan Ketinggalan			-27.8	28.2	-0.4	0
Jumlah	0	0	0	0	0	